

**Jilid V
No. 27**



**Hari Khamis
23hb Januari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4193]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keempat)—

**Kepala B. 12, B. 13, B. 33, B. 34, B. 35 dan B. 36
[Ruangan 4202]**

Kepala B. 14 [Ruangan 4285]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 23hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, Tuan Bahaman bin Samsudin (Kuala Pilah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

- Yang Berhormat TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia-Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

Yang Berhormat TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia
TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).

„ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID KHAN BIN SAKHWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.
(Batang Padang).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI
MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian,

„ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).

„ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).

„ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Trengganu Tengah).

„ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan,
TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEMUDA ISLAM YANG ME- MELOK UGAMA KRISTIAN

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa sa-bilangan pemuda Islam telah memelok agama Kristian sa-lepas menghadiri beberapa kelas bahasa yang di-adakan dengan perchuma oleh gereja² dalam negeri ini, dan jika benar, apa-kah tindakan beliau berchandang hendak ambil dalam perkara ini.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya tahu perkara ini tidak benar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-sudah berita ini sampai kepada pehak Kerajaan, Kerajaan membuat penyiasatan sa-lepas itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, siasatan telah pun di-buat.

MENAIKKAN BAYARAN WAD RUMAH SAKIT

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kesihatan (a) ada-kah Kerajaan sedar akan rasa tidak puas

hati di-kalangan orang miskin terhadap keputusan-nya hendak menaikkan bayaran wad rumah sakit; (b) memandangkan kesusahan ra'ayat, ada-kah Kerajaan akan menimbang menghapuskan bayaran bagi wad kelas tiga.

Menteri Hal Ehwal Sabah (Dato' Ganie Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar di-atas rasa tidak puas hati di-kalangan orang miskin terhadap kenaikan bayaran wad Rumah Sakit itu oleh kerana bayaran Kelas III tidak di-naikkan langsung dan sa-siapa orang² sakit yang benar² tidak berkemampuan maseh di-terima masok di-Rumah Sakit Kerajaan perchuma.

Kedua, Kerajaan tidak berchadang menghapuskan bayaran ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar yang mana pesakit² yang membayar wang di-Rumah Sakit ini, tetapi pekerja di-Rumah Sakit itu melakukan pekerjaan yang kurang baik, mereka terbiar sa-hingga dua hari tidak berjumpa doktor, attendant²-nya ponting kerja; minta tolong pada Jururawat, kata dia bukan kerjanya, boleh-kah kalau ada pengaduan, perkara ini di-baiki.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberikan pengaduan-nya yang tertentu, Kementerian saya akan periksa.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai jawapan yang di-buat oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Kesihatan ini ia-itu saya rojokkan satu berita yang di-siarkan di-dalam akhbar *Berita Harian* yang bertarikh 22/1/69—Rumah Sakit Besar di-Kuala Lumpur ini.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan saya siasat.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu ada-kah tidak Yang Berhormat Menteri mengetahui ia-itu berkenaan dengan syarat² yang di-kehendaki yang di-kenakan pada masa

sekarang kepada orang² yang hendak masok Rumah Sakit pertama-nya ia-lah membayar wang bagi orang yang hendak dudok tempat Kelas I sampai \$600 sa-bagai wang perta-rohan, dan bagi Kelas II \$250 bagi wang pertarohan bagi orang² awam dan bagi orang² yang miskin pula yang di-katakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri akan memberi ubat dan rawatan yang perchuma ia-lah apabila telah di-siasat oleh Almener² yang ada di-Rumah Sakit itu ia-itu mereka itu betul tidak ada kemampuan hendak membayar bayaran yang telah di-persetujui di-kenakan, maka di-sini saya berasa ia-itu perkara ini patut-lah di-kaji sa-mula yang memberi kesusahan kepada orang² ramai.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita akan kaji sa-mula.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, tadi Pemangku Menteri Kesihatan berkata orang² yang betul sakit boleh mendapat rawatan dengan perchuma di-Rumah Sakit Umum masing² dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah bertanya ada-kah Menteri yang berkenaan sedar kalau sa-kira-nya sa-orang miskin hendak masok Rumah Sakit Umum ada beberapa syarat atau siasatan yang di-ambil oleh Pegawai² Rumah Sakit Umum sa-belum beliau mendapat rawatan yang perchuma, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini, kalau sa-kira-nya sa-saorang tidak ada kerja, atau ada kerja tetapi gaji-nya rendah, mengapa-kah hendak di-siasat lagi—mereka langsung tidak boleh bayar wang itu, sebab itu-lah beliau terpaksa pergi ka-Kelas III, kalau beliau ada wang mengapa dia pergi ka-Kelas III, lebeh baik dia pergi ka-Kelas I.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah saya sudah beritahu tadi ia-itu bagi orang² yang tidak berkemampuan sama sa-kali, kita tidak kenakan dia bayaran apa².

Yang saya chakapkan tadi itu ia-lah bagi pesakit² yang meminta masok dalam Kelas I atau Kelas II.

PIL² LEMBAGA PERANCHANG KELUARGA

3. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) sama ada Lembaga Peranchang Keluarga sedar bahawa orang ramai telah membuat aduan² bahawa pil yang di-beri oleh Lembaga itu telah memberi akibat burok kepada ibu² yang menggunakan-nya dan juga kepada bayi² mereka;
- (b) apa-kah jenis pil yang di-beri;
- (c) pakar negeri mana-kah yang mengeshorkan pil itu;
- (d) apa-kah jenis pil yang baik sekali boleh di-dapati sekarang.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Ya, tetapi aduan² ini ada-lah sengaja di-buat untuk mem-burokkan pil² Lembaga ini dengan tujuan hendak memberi pasaran kepada pil² jenis lain.
- (b) Dua jenis pil:
 - (i) Ovulen.
 - (ii) Engyon.
- (c) Pil² ini telah di-pilih oleh Lembaga Peranchang Keluarga sendiri dengan berpanduan kepada pengalaman pakar² di-negeri ini. Pil² ini juga di-dapati di-gunakan oleh banyak negara² lain.
- (d) Semua pil² yang di-beri oleh Lembaga ini ada-lah di-kira baik bagi menyekat beranak.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah telah sampai pada pengetahuan Kementerian ini atau ada-kah Kementerian ini menerima pengaduan, sa-tengah² suami yang mengaku tewas di-sebabkan ke-gelojohan sa-tengah isteri-nya memakan pil² yang di-beri oleh Jabatan Peranchangan Keluarga ini. Kalau ada dapat-kah Kementerian ini memberikan nasehat kepada ibu² waktu memberi pil itu supaya jangan gelojoh?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya tidak faham "gelojoh" ini. (*Ketawa*).

Bahasa Melayu saya belum sampai kepada tingkat Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara lagi, tetapi yang sa-tahu saya pil² yang di-gunakan oleh ibu² tidak membawa apa² kesan yang tidak baik, bahkan daripada laporan² yang saya telah terima, dengan jalan pil ini, maka ini bertambah lagi ke-bahagiaan hidup bagi kedua² mereka itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan berdasarkan kepada report atau kepada pengalaman-nya sendiri. (*Ketawa*)?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, dua² sa-kali. (*Ketawa*).

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri tahu ia-itu ada jenis² pil yang di-gunakan oleh Lembaga ini untuk beberapa bulan, lepas itu pil ini telah habis dan di-tukarkan dengan jenis yang lain dan pil yang lama tidak dapat lagi di-keluarkan oleh Lembaga dan ini menyusahkan banyak ibu² yang menggunakan pil ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, benar ini berlaku, tetapi kita telah mengambil tindakan bagi order lebeh lagi untuk masa yang akan datang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa oleh sebab negeri Kelantan itu tidak menjalankan ranchangan yang memberi taraf hidup yang baik kepada ra'ayat bahawa di-antara Negeri² dalam Tanah Melayu ini, negeri Kelantan-lah yang paling ramai menerima Ranchangan² Keluarga ini, ada-kah Kementerian sedar di-atas masalaah ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Peranchang Keluarga ini sangat popular di-negeri Kelantan, sebab-nya barangkali orang Kelantan lebeh sedar tentang kebaikan Peranchang Keluarga ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang

Berhormat Menteri sedar bahawa masa-lah kesihatan yang berkait dengan Peranchang Keluarga ini lebeh maju daripada negeri lain dalam Malaysia Barat, sa-hingga dari segi mudah-nya beranak kita dapati di-negeri Perak ia-lah di-angka yang paling tinggi sa-kali payah beranak, tetapi di-Kelantan jatuh nombor dua yang mudah beranak, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedar atas perbedzaan itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya sedar, tetapi di-Kelantan pun yang sebab banyak itu di-sebabkan orang luar pergi banyak. (*Ketawa*).

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar di-dalam ranchangan Peranchang Keluarga ini di-beri pil² yang tidak mengurangkan beranak, ada-kah pil² yang boleh membiakkan anak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena mengena dengan soalan ini.

TUAN SYED NASIR, BEKAS PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Pengarah Dewan Bahasa Tuan Syed Nasir telah di-sahkan tidak sehat bekerja oleh doktor dalam bulan September, 1968; jika ya, bagaimana-kah sa-orang yang di-ketahui tidak sehat untuk bekerja di-benar meneruskan pekerjaan-nya sa-lama tiga bulan lagi.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ya, mulai dari 27hb September, 1968. Sa-lepas tarikh itu, beliau berkhidmat di-Dewan Bahasa dan Pustaka, bukan sa-bagai Pegawai Kerajaan yang di-pinjamkan, tetapi sa-bagai sa-orang kakitangan Dewan itu sendiri.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maalam, Dewan Bahasa dan Pustaka ada-lah sa-buah badan yang di-tubuhkan oleh undang² yang di-tadbirkan oleh sa-buah Lembaga Pengelola.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan

dalam soalan ini dan yang saya hendak bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-lah kalau sa-kira-nya sa-orang yang keluar dari Perkhidmatan 'Awam Kerajaan oleh sebab dia telah tidak boleh kerja lagi di-sebabkan jantung-nya sakit atau lain² penyakit, mengapa-kah beliau itu boleh dapat bekerja lagi dalam Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya dia tidak boleh melanjutkan perkhidmatan-nya lagi sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi dengan sebab kesihatan-nya, maka Lembaga Pengelola telah meminta dia melanjutkan perkhidmatan-nya sa-hingga habis tahun supaya dapat kita menchari ganti Pengarah yang baharu mengambil tempat-nya. Jadi saya fikir sa-lama dia berkhidmat daripada bulan September sampai bulan Disember, dia telah dapat menjalankan tugas-nya dengan baik. Dalam perkara ini ada juga kita tengok Ahli² M.P. pun yang dapat Medically Boarded dahulu semasa dia bekerja, tetapi lepas itu dia jadi M.P., dia hidup 20 tahun lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan M.P. mana-kah yang sudah di-Medically Boarded out itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Chuba lagi sa-kali.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya bertanya, dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberitahu M.P. mana-kah yang telah di-kenakan Medically Boarded dan maseh meneruskan khidmatan-nya sa-bagai M.P.?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya tidak kata M.P., saya kata Ahli Yang Berhormat, boleh jadi di-dalam negeri² yang lain, boleh jadi M.P. di-sini.

PERATORAN UNTOK PEMILEHAN DAN KEMASOKAN PENUNTUT² KA-TINGKATAN ENAM RENDAH

5. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah atoran yang telah di-buat bagi pemilehan dan kemasokan penuntut² ka-Tingkatan

Enam Rendah dalam tahun 1969. Oleh kerana pemilehan akan di-buat dengan berasaskan keputusan peperiksaan S.P.M., apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Menteri itu untuk mengadakan peperiksaan itu lebih awal lagi supaya pemilehan dan kemasokan penuntut² bagi Tingkatan Enam Rendah boleh di-buat lebih awal.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah mustahil untuk membuat pemilehan itu sa-hingga keputusan SPM/MCE/SC tahun 1968 telah di-perolehi. Dalam perkara ini Lembaga Peperiksaan Cambridge Tempatan telah memberi pengakuan kepada Kementerian ini bahawa segala usaha akan di-jalankan bagi menyegerakan pengeluaran keputusan² itu. Ada-lah di-fikirkan bahawa tidak ada elok-nya bagi mengadakan peperiksaan lebih awal, kerana ini berma'ana memendekkan hari persekolahan bagi murid² sakalian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pelajar² yang hendak masuk ka-Tingkatan VI sementara menunggu keputusan, di-benarkan masuk dalam sekolah Tingkatan VI sa-hingga datang keputusan, mithal-nya di-Sekolah Alam Shah. Kemudian daripada itu di-dapati budak itu tidak lulus, atau pun tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk duduk di-Tingkatan VI, dan di-suruh pulang ka-negeri-nya, ada-kah Menteri sedar perkara ini berlaku?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku mulai tahun ini sahaja. Sa-takat yang saya tahu di-dalam tahun ini perkara itu tidak-lah sampai kepada pengetahuan saya.

Dr Tan Chee Khoon (dengan izin): Mr Speaker, Sir, the supplementary question that I wish to ask, and that which I asked also in the question of mine is this: what arrangements or in what manner will the admission of students to the Lower VI be made. In the past it has been based on competitive examination. Now that it will presumably be based on the results of the M.C.E. or the Senior Cambridge, that

being the last lap of examination, can the Honourable Minister tell us what basis or what sort of arrangements for selection does he propose to make: will it be made on the basis of academic merit; or any other system?

Tuan Mohamed Khir Johari: Generally speaking, Sir, it will be based on academic merits.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan atas Masaalah Kepala 12 menjadi sa-bahagian daripada Jadual (23hb Januari, 1969)—(Hari Yang Keempat).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 12, B. 13, B. 33, B. 34, B. 35 dan B. 36—

Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan sa-buah peruntokan sa-banyak \$3,681,080 di-bawah Kepala B. 12—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan sa-banyak \$466,387 di-bawah Kepala B. 13, dan juga dengan izin tuan saya akan minta kebenaran tuan supaya Kepala B. 33, B. 34, B. 35 dan B. 36 di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran yang keseluruhannya berjumlah \$38,627,297 supaya di-luluskan dan di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, peruntokan² yang di-minta ini ia-itu mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ada-lah kecil jika di-bandingkan dengan tanggong-jawab² Kementerian ini berkenaan dengan perkara² kebudayaan, masaalah² dan kepentingan belia dan juga usaha² untuk meninggikan taraf sokan di-dalam negara kita ini. Untuk menyertai maksud dan hajat² 'am di-dalam Ranchangan

Malaysia Lima Tahun Yang Pertama, gerakan² dan ranchangan² Kementerian ini ada-lah bertujuan memperuntukkan latehan², pimpinan asasi, teknikal dan vocational bagi belia² Malaysia supaya mereka di-lengkapi untuk memainkan peranan yang aktif dan berkesan di-dalam kemajuan iktisad, pertanian, perusahaan dan kemasyarakatan tanah ayer.

Kementerian ini ada-lah juga menggalakkan penyatuan belia² Malaysia khas-nya dan ra'ayat² negeri 'am-nya. Dan dengan itu melaksanakan projek yang bertujuan bagi menggalakkan dan meninggikan jasmani, kemasyarakatan dan kesihatan ra'ayat dan memperuntukkan kemudahan² latehan dan riadzah bagi gerakan kebudayaan belia dan sokan supaya dapat memperkembangkan dan mempertinggikan taraf kebudayaan dan sokan. Supaya tujuan² ini dapat di-chapai Kementerian ini sa-lain daripada memberi bantuan² kepada badan² kebudayaan Belia dan Sokan, telah pun menubuhkan Angkatan Belia Pelupor Negara dan mengadakan satu Pusat Belia Negara, satu Pusat Pelbagai Guna di-Negeri Selangor, Perlis dan di-Trengganu satakak ini. Di-dalam bidang kebudayaan, Kementerian ini telah mengadakan satu infra-structure dan menubuhkan Majlis² Kebudayaan di-Peringkat Daerah dan Negeri. Sa-takat ini 3 Majlis Kebudayaan Negeri telah pun di-tubuhkan dan usaha² akan di-teruskan untuk menchapai matlamat yang di-kehendaki.

Di-dalam bidang Belia, Kementerian telah pun berjaya dengan kerjasama pehak pertubohan² Belia di-negeri ini menubuhkan Majlis Belia Malaysia ia-itu M.Y.C. pada tahun 1968. Usaha² sedang di-jalankan oleh badan² dan pertubohan² belia untuk menubuhkan Majlis² Belia di-Peringkat Negeri. Dengan ada-nya infra-structure yang sa-bagini maka ini mudah-lah bagi Kerajaan mendapatkan kerjasama dan sokongan pehak² belia seluroh-nya untuk menjalankan apa² ranchangan yang di-fikirkan patut dengan mustahak bagi belia di-negeri ini. Satu chadangan yang sedang di-kaji di-dalam Kementerian ini ia-lah untuk mengadakan undang² supaya pendaftaran pertubohan² dan kelab belia dan sa-terus-

nya kawalan pertubohan² dan kelab² itu akan di-uruskan oleh Kementerian ini. Pada masa sekarang segala pendaftaran dan kawalan itu ada-lah di-jalankan oleh Pendaftaran Pertubohan.

Di-dalam bidang sokan satu infra-structure juga mustahak di-adakan, dan usaha² telah di-jalankan oleh Kementerian ini untuk menubuhkan Majlis² Sokan di-Peringkat Negeri. Sa-hingga masa ini 9 buah negeri telah menubuhkan Majlis² Sokan Negeri dan usaha² telah pun di-mulakan untuk menubuhkan satu Majlis Sokan Negara atau Majlis Sokan Kebangsaan. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ada-nya infra-structure yang sa-bagini maka minat orang ramai terhadap sokan dan juga kepentingan sokan sendiri dapat di-majukan dan sa-terus-nya taraf dan mutu sokan akan dapat di-tinggikan pada masa hadapan.

Ahli² Yang Berhormat tentu-lah ma-'alum berkenaan dengan masalaah yang besar yang di-hadapi oleh negara kita pada masa ini, ia-itu masalaah penganggoran. Perkara ini telah pun di-sebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di-dalam ucapan² mereka di-dalam persidangan Parlimen beberapa kali. Usaha² untuk melateh belia² kita supaya mereka itu di-lengkapi untuk mendapat pekerjaan telah pun di-jalankan oleh berbagai² Kementerian dan untuk membantu latehan² itu Kementerian ini telah pun menubuhkan Angkatan Belia Pelupor Negara untuk mengatasi masalaah penganggoran ini.

Semenjak Angkatan ini di-tubuhkan pada tahun 1966 sa-ramai 680 orang peserta² telah dan sedang berjalan latehan, ia-itu peserta pertanian, kaji sawat jentera, jahitan, membaiki radio dan talivishen, mendirikan rumah pertukangan kayu dan memandu jentera bajak. Latehan ini di-jalankan sa-lama dua tahun dan sa-hingga hari ini lebeh kurang 50% di-antara pelateh² yang asal telah pun mendapat pekerjaan. Sementara itu peluang² untuk mendapat kerja nampak-nya bertambah chemerlang di-sebabkan sokongan² yang di-beri oleh Jabatan² Kerajaan dan juga sharikat² perniagaan. Di-dalam itu

pun saya seru-lah kepada sharikat² perniagaan, atau private sector supaya memberikan peluang yang lebeh lagi kepada belia² yang telah menerima latehan yang berdisiplin dan Pusat Latehan ini. Oleh yang demikian Ahli² Yang Berhormat tentu-lah berpendapat bahawa peruntokan yang di-minta ini akan di-gunakan dengan sa-penoh faedah-nya. Di-bawah Kepala B. 12 peruntokan sa-banyak \$3,681,080 adalah di-minta dan peruntokan ini ada-lah mengandongi perkara seperti berikut:

Gaji	\$1,339,061
Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun ...	2,332,035
Perbelanjaan Khas ...	9,984

Peruntokan ini menunjukkan tambahan sa-banyak \$15,159 di-bandingkan dengan peruntokan bagi tahun 1968. Tambahan yang sedikit ini ada-lah untuk menemui kenaikan biasa gaji dan elaun tahunan bagi pegawai² sahaja kerana Kementerian telah mengambil berat atas keputusan Kerajaan bagi menjimatkan lagi perbelanjaan² pada tahun ini sa-hingga keputusan telah pun di-ambil bagi membekukan pengisian beberapa jawatan² kosong pada tahun ini, walau pun Kementerian ini sangat² memerlukan perkhidmatan² pegawai² itu. Bagi tahun 1968 jumlah peruntokan bagi gaji untuk Kementerian ini ada-lah \$1,340,518.

Bagi tahun 1969 jumlah peruntokan Gaji ia-lah \$1,339,061. Ini ada-lah menunjukkan kekurangan sa-banyak \$1,457. Kekurangan ini ada-lah kerana keputusan membekukan pengisian² jawatan² kosong pada tahun 1969 sa-bagai yang telah di-terangkan tadi.

Di-bawah Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi Kementerian ini peruntokan keseluruhan-nya ada-lah bertambah sedikit sahaja, ia-itu pada tahun 1968 ia-itu sa-banyak \$22,550. Tambahan sedikit ini telah di-dapati dengan mengurangkan perbelanjaan² di-bawah Pechahan-kepala 6, Pechahan-kepala 22, Pechahan-kepala 23 dan Pechahan-kepala 24 dengan tambahan Pechahan-kepala 4, Pechahan-kepala 9, dan Pechahan-kepala 12 dengan mengadakan satu Pechahan-kepala 16 bertajok: Perbelanjaan² Minggu atau pun Hari Belia Negara.

Pechahan-kepala 4—Perjalanan dan Pengangkutan menunjukkan tambahan sa-banyak \$31,510. Kementerian ini telah mengujudkan Pejabat² Kebudayaan Belia dan Sokan Negeri dan di-Daerah di-Sabah dan di-Sarawak dan tambahan ini ada-lah menemui tuntutan perbelanjaan bagi pegawai² yang menjalankan tugas²-nya di-kedua² negeri itu di-mana hampir semua perjalanan²-nya hendak-lah dengan kapal terbang dan perahu yang menelan perbelanjaan yang besar.

Pechahan-kepala 6—Sewa Pejabat telah di-kurangkan sa-banyak \$4,320. Kekurangan ini ada-lah kerana dengan kerjasama pehak Kerajaan² Negeri. Kementerian ini telah mendapat ruangan pejabat yang rendah sewa-nya.

Pechahan-kepala 9—Penyenggaraan Kawasan dan Rumah ada bertambah sedikit ia-itu tambahan sa-banyak \$3,245 sahaja. Tambahan ini ada-lah untuk Pusat Pelbagai-guna Negeri Perlis yang akan siap di-bena di-dalam bulan April yang akan datang.

Pechahan-kepala 12—Bantuan kepada Badan² Belia Sukarela dan Menggalakkan gerakan menunjukkan tambahan sa-banyak \$20,000. Ini ada-lah sebab badan² Belia sukarela bukan sahaja sedikit bertambah ramai akan tetapi kegiatan² badan² ini telah pun bertambah giat dan oleh yang demikian sudah-lah menjadi wajib Kerajaan membantu dengan sa-berapa daya upaya kemajuan² itu supaya belia² kita akan terus-menerus menjadi ra'ayat yang berguna kelak.

Pechahan-kepala 16—Perbelanjaan Minggu Belia Negara ada-lah satu pechahan-kepala baharu dengan sa-banyak \$50,000. Kementerian ini telah melancarkan Minggu Belia atau Minggu Belia Negara pada tahun 1968 dengan tujuan menyatukan belia² dari semua kaum dan ugama di-negeri kita ini di-samping itu menyedarkan semua ra'ayat atas kegiatan² belia kita dan betapa penting-nya peranan yang dimainkan oleh belia di-dalam lapangan kemasyarakatan dan ekonomi kita.

Pechahan-kepala 22—Pakaian Seragam telah di-kurangkan sa-banyak \$14,000.

Pechahan-kepala 23—Makanan, telah di-kurangkan sa-banyak \$79,200 dan Pechahan-kepala 24—Elaun untuk Peserta² telah di-kurangkan sa-banyak \$37,960. Kekurangan² ini ada-lah akibat satu keputusan bagi menghadkan pengambilan pelateh² baharu kepada sa-ramai 600 orang sa-tahun sahaja. Keputusan ini ada-lah kerana telah di-dapati lebeh sesuai jika pelateh² itu di-hadkan mengikut kemudahan² yang ada di-pusat latehan.

Pechahan-kepala 27—Kemudahan dan Pengajaran ada-lah di-tambah sa-banyak \$7,200. Ini ia-lah supaya bilangan juru² lateh sambilan dapat di-tambah untuk mempergiatkan latehan². Perbelanjaan khas bagi Kementerian ini telah di-kurangkan sa-banyak \$5,934. Kekurangan ini ada-lah di-bawah Kepala Perkakas dan kelengkapan sahaja.

Bagi Muzium Negara jumlah \$466,387 ada-lah di-minta dan peruntukan itu ada-lah mengandongi perkara saperti berikut:

Gaji	...	...	...	\$295,294
Perbelanjaan Berulang				
Tiap ² Tahun	...	...	...	155,323
Perbelanjaan Khas	...	...	...	15,800

Peruntukan ini ada-lah menunjukkan tambahan sa-banyak \$13,240 sahaja pada keseluruhan-nya jika di-bandingkan dengan peruntukan tahun 1968. Tambahan ini ada-lah kerana menemui kenaikan biasa gaji dan elaun tahunan pegawai² dan untuk satu jawatan baharu juru bentuk rupa. Di-bawah perbelanjaan berulang tiap² tahun bagi Muzium Negara jumlah tambahan ada-lah sa-banyak \$3,444 sahaja. Tambahan ini ada-lah kepada Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat sa-banyak \$2,444 untuk menyelenggarakan gallery baharu yang akan siap di-bena pada pertengahan tahun 1969; \$1,000 pada Pechahan-kepala 4—Pengangkutan dan Perjalanan untuk perjalanan penyelenggaraan Muzium bagi perkhidmatan sekolah².

Perbelanjaan Khas bagi Muzium Negara telah pun di-kurangkan sa-banyak \$2,000. Kekurangan ini ada-lah di-bawah Pechahan-kepala 6—Per-

sediaan dan Peragaan Chontoh² Bina-tang dan ada-lah kerana hampir semua Peragaan Chontoh² Binatang² ada-lah telah siap di-bena. Satu Pechahan-kepala baharu ia-itu Pechahan-kepala 10—Jam Jangka waktu untuk Jaga dengan peruntukan sa-banyak \$400 telah di-adakan. Peruntukan ini ada-lah untuk membeli jam² jangka waktu supaya jaga² dapat di-kawal dengan lebeh rapi lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai Kemen-terian Penerangan dan Penyiaran sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah memainkan peranan yang penting untuk memberi pene-rangan pengajaran dan juga hiburan menerusi alat² sebaran 'am dengan tujuan mengujudkan perasaan ta'at setia, persatuan dan perpaduan di-kalangan penduduk² kepada negara Malaysia, serta memainkan peranan ka-araf usaha² mengekalkan keamanan, ketenteraman dan perpaduan di-dalam negara kita ini.

Tiga dasar yang terpenting itu telah pun dan akan terus di-laksanakan oleh semua Jabatan dan bahagian dalam Kementerian saya dengan penyatuan tindakan oleh pihak Jabatan Setia-usaha Kementerian. Terlebeh dahulu izinkan-lah saya menyatakan dengan sa-berapa ringkas kegiatan² Jabatan dalam bahagian tersebut sa-belum saya mengemukakan keperluan² peruntokan bagi tahun 1969 ini di-bawah Kepala Perbekalan yang tertentu.

Tahun 1968 telah merupakan satu tahun yang bersejarah bagi Kemen-terian saya dengan perlaksanaan dan kemajuan yang tertentu di-semua Jabatan dan bahagian. Dengan berpindah-nya Pejabat Setia-usaha Kemen-terian berserta dengan bahagian² perkhidmatan perjawatan dan kewangan, Jabatan² Penerangan, Radio dan Tali-vishen ka-bangunan Angkasa Puri, maka usaha² perchantuman telah diteruskan dengan lebeh lancar. Ke-jayaan yang terbesar di-pehak Kemen-terian ada-lah merupakan pungutan hasil² yang lebeh besar dalam tahun 1968 dari bahagian siaran perdagangan dan bahagian Lesen Radio dan Tali-vishen.

Bahagian Siaran Perdagangan telah berjaya mengutip hasil yang berjumlah \$8,198,210 bagi tahun 1968 berbanding dengan kutipan yang berjumlah \$7,021,815 dalam tahun 1967. Ini adalah merupakan tambahan hasil sebanyak \$1,176,395 atau 16.7%. Kutipan hasil dari jualan lesen Radio dan Talivishen pula telah bertambah sebanyak \$105,600 atau 1.6%. Jumlah hasil dari jurusan ini bagi tahun 1968 ia-lah \$6,534,954 berbanding dengan kutipan \$6,429,354 yang telah di-buat pada tahun 1967.

Sa-lain daripada itu suka-lah juga saya mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa BERNAMA, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia telah pun memulakan perkhidmatan berita-nya dengan rasmi daripada 20hb Mei, 1968 dan ini ada-lah merupakan perkhidmatan dalam peringkat pertama seperti di-jadualkan. Dalam peringkat ini perkhidmatan berita ini ada-lah meliputi kawasan Kuala Lumpur dan kawasan² berhampiran dengan-nya. Sungguh pun seperti yang telah di-jadualkan hanya perkhidmatan berita dalam bahasa Inggeris sahaja akan di-berikan tetapi BERNAMA telah juga berjaya memberi perkhidmatan-nya mengeluarkan sa-rentak berita² dalam Bahasa Kebangsaan dan ini ada-lah satu kejayaan di-luar jangka. Dalam tahun 1969 ini perkhidmatan BERNAMA akan terus diperluaskan untuk memberi liputan berita bagi seluruh Malaysia dengan menubuhkan chawangan² di-Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bharu, Sabah dan Sarawak. Ini ada-lah seperti di-jadualkan mengikut peringkat kedua perkhidmatan BERNAMA yang di-jangka akan bermula dalam bulan Julai tahun ini.

Berhubung dengan Jabatan Filem Negara saya telah menyatakan dalam Dewan ini beberapa tahun yang lepas bahawa Jabatan ini sentiasa mengalami kesulitan² dalam soal pengambilan kaki-tangan² yang sesuai dan berkelayakan untuk memenohi jawatan² teknikal yang memerlukan kebolehan serta daya menchipta. Kesulitan ini ada-lah disebabkan kekurangan chalu² yang mempunyai pengalaman di-dalam bidang penerbitan filem. Meski pun

demikian jabatan ini telah pun men-chapai kejayaan yang memuaskan dalam tahun 1968, di-mana ia-nya telah menerbitkan sa-banyak 100 tajok baharu ia-itu satu rekod masa tayangan (melebehi kesemua rekod² yang sudah) yang berjumlah 24 jam 46 minit. Ini ada-lah sama dengan hitungan panjang bagi masa tayangan 14 buah filem wayang gambar biasa. Di-antara kegiatan² bagi tahun 1969 ini Filem Negara sedang merombak satu achara² penerbitan filem untuk memainkan peranan yang lebeh penting lagi bagi memenohi kehendak² penduduk² luar bandar dan pada umum-nya untuk keperluan penduduk² di-bandar dan di-saberang laut. Ada-lah di-jangka bahawa filem² yang akan di-terbitkan ini akan jatuh ka-dalam lima jenis penerbitan ia-itu dalam bidang kemajuan, dokumentar dan jenis² separoh wayang gambar (semi features) yang mana termasuk-lah siri² yang terkenal seperti penerbitan di-bawah tajok "Kesah Kampong Kita", "Tongkat Hitam" dan "Derama Skop".

Radio Malaysia juga akan terus memainkan peranan yang lebeh bekas sa-bagai salah satu jentera Kerajaan untuk membangun negara. Pada tahun 1969 ini jika sa-kira-nya perbelanjaan di-luluskan Jabatan Radio akan merancang usaha² untuk menambah masa siaran di-Malaysia Barat sa-banyak 7 jam lagi kapada masa siaran yang berjumlah 708 jam sa-minggu yang ada pada hari ini. Rancangan ini ada-lah di-chadangkan salinan daripada ranchangan² memperbaiki kuasa pemancaran, memperbaiki mutu siaran, dan memperkemarkan peranan yang di-mainkan dalam perkhidmatan siaran daerah, dan juga di-samping itu menyumbangkan usaha terhadap kemajuan penyiaran di-rantau Asia. Sa-lain daripada itu Radio Malaysia telah juga mengusahakan untuk memulakan siaran² khas ka-luar negeri atau keluar negeri terutama ka-Philipina untuk memberi penerangan yang tegas terhadap pendirian Malaysia dalam bidang tuntutan Philipina ka-atas Sabah.

Suka-lah juga saya menegaskan bahawa Radio ada-lah menjadi satu alat penyiaran sebaran yang terkenal

yang paling murah, chepat dan tegas bagi memainkan peranan-nya dalam bidang pembangunan negara dan membuat kemajuan² lain. Dalam tahun 1968 kemajuan negara Malaysia telah berubah di-atas peta penyiaran Asia dari segi kerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan sumbangan dalam bidang men-chipta sa-buah undang² hak chipta yang mungkin menjadi satu chontoh bagi negara² yang sedang membangun. Sa-lain daripada itu dari segi penyiaran juga Malaysia telah di-pileh oleh Per-satuan Penyiaran sa-Asia (Asian Broadcasting Union) sa-bagai Pusat Penyukat gelombang sederhana dan tempat yang sesuai sekali untuk menu-buhkan sa-buah Pusat Latehan Penyiaran bagi kegunaan di-Tenggara Asia. Malaysia telah juga berjaya men-dapat penghormatan di-rantau Asia ini dengan lantekan perwakilan kita dalam Pertubuhan Penyiaran Asia (Asian Broadcasting Union) sa-bagai Naib Yang di-Pertua Pertubuhan tersebut.

Tahun 1968 ada-lah juga satu tahun penyatuan usaha yang lebih tegas lagi bagi Jabatan Talivishen Malaysia. Dasar ranchangan bagi menggalakkan tayangan terus-menerus pertunjukan² yang mengandungi unsur² tempatan ada-lah menjadi tugas utama pegawai² Jabatan TV dan mereka telah me-nyelenggarakan tugas ini dengan penoh minat dan kesedaran. Sunggoh pun bangunan Angkasapuri telah siap dalam tahun 1968 siaran Talivishen maseh lagi di-selenggarakan dari Studio lama di-Dewan Tunku Abdul Rahman oleh kerana tawaran membekalkan alat² teknikal bagi studio yang baharu telah mendapat halangan yang meng-akibatkan tergendala-nya ranchangan² perpindahan Jabatan Talivishen ka-Angkasapuri dan ada-lah di-jangka Jabatan ini hanya boleh berpindah ka-bangunan baharu ini dalam tahun ini juga ia-itu dalam bulan Jun atau pun Julai.

Walau pun demikian suka-lah saya menyatakan bahawa hasil² dari siaran perdagangan telah melebihi angka \$5 juta di-banding dengan kutipan hasil berjumlah \$3.6 juta dalam tahun 1967 ia-itu tambahan sa-banyak 38%. Hasil

ini akan meningkat lagi dalam tahun ini jika ranchangan yang di-chadangkan untuk menambah masa siaran talivishen sa-banyak 6½ jam lagi dapat di-selenggarakan. Dalam masa sa-tahun yang lalu ada-lah di-dapati bahawa jumlah peti talivishen mengikut rekod lesen² yang telah di-beli telah bertambah sa-banyak 15,336 buah.

Saloran kedua talivishen telah di-adakan sa-bagai perhubungan dalam masa sa-minggu dalam bulan Disember 1968 dalam masa pertandingan mem-bacha Qur'an Kebangsaan dan Antara Bangsa. Kementerian saya berharap dalam suku tahun ketiga tahun ini kelak apabila Jabatan Talivishen telah siap berpindah ka-Angkasapuri penu-bohan saloran kedua dapat di-lakukan. Dalam ucapan saya pada tahun lepas saya telah menyebutkan bahawa Ke-menterian saya sedang menimbangkan ranchangan untuk memperluaskan liputan talivishen ka-Negeri² Pantai Timor Malaysia Barat tetapi oleh ke-rana keadaan kewangan tidak mengi-zinkan maka ranchangan ini tidak-lah dapat di-selenggarakan dalam tahun 1968 tetapi suka-lah saya mengumum-kan di-sini bahawa mengikut jadual dalam bulan Mei, tahun 1969 ini Per-khidmatan Talivishen di-kawasan Kuantan dan di-sekitar-nya akan dapat di-berikan sa-telah sahaja ranchangan yang sedang di-selenggarakan sekarang ini siap.

Saperti terma'alum kegiatan dan kemajuan Jabatan ini termasuk-lah juga penubohan ranchangan mendabing filem atau mendabing filem asing dalam Bahasa Kebangsaan sudah pun mula² daripada bulan Jun tahun 1968. Usaha ini telah berjaya dan mendapat sam-butan yang baik dari peminat² talivi-shen pada hari ini.

Berhubung dengan kegiatan Jabatan Penerangan suka-lah saya menyatakan bahawa Jabatan ini telah juga mem-buktikan kemajuan yang tegas dalam tugas² nya memberi penerangan kapada ra'ayat mengenai dasar Kerajaan dan kemajuan dari sa-genap segi dalam bidang pembangunan negara. Tugas² tersebut telah di-laksanakan melalu² penerbitan risalah², penyata² serta menerusi perkhidmatan pegawai²

luar dan yunit² bergerak di-sagenap pelusok negara kita. Kegiatan Jabatan ini termasuk juga peranan yang dimainkan-nya dalam kempen Perang Saraf di-sempadan Thailand/Malaysia dan di-Sarawak. Jabatan ini telah juga mengambil bahagian dalam tiap² kempen kebangsaan seperti Minggu Perpaduan, Kempen Peranchang Keluarga, Kempen Pilihan Raya Kechil, Kempen Jaya Diri dan lain² lagi.

Bagi tahun ini Jabatan Penerangan akan terus berkhidmat memberi penerangan terhadap pilihan raya umum Negeri dan Persekutuan sa-bagai satu tugas yang terbesar. Jabatan Penerangan Bahagian Luar Negeri akan terus memainkan peranan-nya untuk memberikan imej yang sa-benar di-luar negeri melalui Atache² Penerangan yang bertugas di-Kedutaan kita di-seberang laut dan juga menerusi majallah² dan penerbitan² khas untuk kegunaan di-luar negeri.

Tuan Pengerusi, sekarang suka-lah saya menyatakan keperluan² kewangan Jabatan² di-dalam Kementerian saya Kementerian Penerangan dan Penyiaran mengikut Kepala Perbekalan yang tertentu ia-itu sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat akan dapat melihat perubahan² yang berlaku di-dalam Kepala B. 33 di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Di-bawah Kepala B. 33—Kementerian Penerangan dan Penyiaran peruntokan berjumlah \$6,719,109 ada-lah di-perlukan pada tahun ini seperti berikut:

(a) Gaji \$2,057,628

(b) Lain² Perbelanjaan
berulang Tiap² Tahun 4,556,173

(c) Perbelanjaan Khas ... 105,308

Keseluruhan-nya jumlah peruntokan bagi tahun ini ada-lah merupakan tambahan sa-banyak \$2,660,708. Tambahan ini ada-lah di-kehendaki untuk perkara² berikut:

(a) di-bawah perkara Gaji—mengikut Pechahan-kepala 1 sa-lain daripada untuk keperluan biasa untuk bayaran kenaikan tahunan gaji bagi pegawai², peruntokan ada-lah juga di-minta bagi membayar gaji 20 orang Pegawai yang di-pindahkan dari Jabatan Radio

ka-bawah pentadbiran Kementerian mengikut Butiran² 9, 11, 14, 17, 19, 20 dan 21. Dengan perpindahan ini maka peruntokan sedia di-bawah Jabatan Radio ada-lah dengan sendiri-nya berkurangan. Sa-lain daripada itu peruntokan ini di-perlukan juga bagi tambahan 2 orang pegawai di-bawah butiran 18 (i) untuk menyelenggarakan jentera di-bangunan Angkasapuri, dan 7 orang pegawai baharu untuk memulakan rancangan tambahan Siaran Perdagangan dalam Siaran Daerah Radio Kawasan Selatan Malaysia seperti dalam Butiran² 36, 38, 42, 47 dan 49. Akhir-nya peruntokan ada-lah juga di-minta untuk tambahan 8 jawatan baharu di-dalam Jabatan Filem Negara untuk perkhidmatan penerbitan di-bawah butiran 123 (A) hingga 123 (F).

(b) Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun tambahan yang terbesar ada-lah di-perlukan untuk perkara² yang tersebut di-bawah ini sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat akan dapat melihat ia-itu di-dalam:

Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat.

Pechahan-kepala 7—Bayaran kapada Sharikat Iklan.

Pechahan-kepala 8—Penyelenggaraan perkakas dan Kelengkapan Pejabat.

Pechahan-kepala 10—Komi-shen Pos dan Bayaran.

Pechahan-kepala 11—Gaji dan lebeh masa pekerja perusahaannya dan Buroh Kasar.

Pechahan-kepala 15—Pusat Tata Negara.

Pechahan-kepala 16—Penyelenggaraan Alat Hawa Dingin dan Allied system.

Pechahan-kepala 17—Charum kapada BERNAMA.

Pechahan-kepala 18—Pentadbiran Pejabat.

Pechahan-kepala 24—Perbelanjaan mengeluarkan filem.

Pechahan-kepala 26—Mem-bayar harga tambahan bagi menggantikan bahan² penerbitan dan juga keperluan penyelenggaraan alat².

Pechahan-kepala 27—Penggantian Kereta Motor.

Perbelanjaan Khas dan kelengkapan pejabat ia-itu Kepala 28, 29 dan 30.

Kepala B. 34—Jabatan Radio

Di-bawah kepala B. 34—Radio, keperluan peruntukan bagi tahun ini adalah seperti berikut:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Gaji | \$8,247,503 |
| (b) Lain ² Jenis Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun | 5,938,794 |
| (c) Perbelanjaan Khas | 108,713 |

Peruntukan yang di-perlukan ini adalah bagi negeri² seperti berikut:

- | | |
|------------------------|--------------|
| (a) Malaysia Barat ... | \$11,378,429 |
| (b) Sarawak | 1,655,526 |
| (c) Sabah | 1,261,055 |

Pechahan-kepala (I)—Gaji

Peruntukan Gaji bagi Malaysia Barat dan Malaysia Timor ada-lah berlebehan dari tahun 1968 sa-banyak \$245,817. Ini sememang telah di-jangkakan kerana tambahan gaji, kenaikan pangkat dan jawatan baharu. Sunggoh pun bagitu Perbendaharaan telah dengan sendiri-nya mengurangkan lagi perbelanjaan di-bawah peruntukan gaji sa-banyak \$200,000 kerana ada kemungkinan bahawa peruntukan ini telah dibelanjakan habis. Jadi tambahan peruntukan pechahan-kepala Gaji ini ialah hanya \$45,817 sahaja.

Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun

Ahli² Yang Berhormat akan dapat melihat perubahan di-dalam Kepala 11 ia-itu Penyelenggaraan Kereta kerana dalam lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun Malaysia Timor dan Kepala 18, 20, 22, 24 dan 26.

Perbelanjaan Khas—Malaysia Barat

Pechahan-kepala 49—menggantikan kereta² lama yang telah tidak boleh di-pakai.

Pechahan-kepala 52, Pechahan-kepala 54 dan untok Sabah Pechahan²-kepala 57, 58 dan 59.

Kepala B. 35—Jabatan Talivishen

Peruntukan berjumlah \$7,892,846 ada-lah di-perlukan bagi Jabatan Talivishen dalam tahun 1969. Keperluan ini ada-lah seperti berikut:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Gaji | \$3,118,963 |
| (b) Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun | 4,724,013 |
| (c) Perbelanjaan Khas | 139,870 |

Jumlah keperluan ini ada-lah berupa pembahagian mengikut negeri² seperti berikut:

- | | |
|------------------------|-------------|
| (a) Malaysia Barat ... | \$7,949,534 |
| (b) Sarawak | 16,956 |
| (c) Sabah | 16,356 |

Peruntukan yang di-minta bagi tahun 1969 ada-lah sama seperti dalam tahun 1968. Tidak ada tambahan kaki-tangan dan juga kenaikan perbelanjaan ranchangan. Dalam pada itu di-sebabkan pengalaman dalam masa yang lampau ada-lah di-harapkan jabatan ini akan dapat memperbaiki mutu ranchangan² talivishen. Tambahan pula dengan ada-nya kemudahan² di-Angkasapuri, ada-lah di-harapkan bahawa usaha terhadap ini akan berhasil.

Jabatan Penerangan

Permintaan yang di-kehendaki atau peruntukan yang di-kehendaki ia-lah:

- | | |
|--|-------------|
| (a) Gaji | \$5,985,237 |
| (b) Lain Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun | 3,554,650 |
| (c) Perbelanjaan Khas | 100,445 |

Perbelanjaan yang tersebut di-atas di-perlukan bagi negeri² di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor seperti di-bawah ini:

- | | |
|------------------------|-------------|
| (a) Malaysia Barat ... | \$7,496,187 |
| (b) Sarawak | 1,240,895 |
| (c) Sabah | 893,250 |

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payah-lah saya teruskan dengan butir² yang lebeh detail kerana di-terangkan

di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini, maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon mengusulkan.

Tuan Musa bin Hitam: (Segamat Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh perbelanjaan daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di-bawah Kepala B. 12, muka 145 hingga 151. Dalam Budget Summary yang di-kemukakan oleh Dewan ini kepada Ahli² Yang Berhormat, muka 92 di-bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ada di-sebutkan *objective*² atau matalamat² Kementerian ini yang sama dasar-nya dengan dasar yang di-sebutkan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ia-itu saya suka mengambil kesempatan di-sini menyebutkan matalamat yang kedua di-sini yang berbunyi: "Promoting the integration of the Youths of Malaysia in particular and the peoples of the States of Malaysia in general and, towards this end, embarking upon projects designed to promote and improve the physical, social and mental well-being of the people."

Tuan Pengerusi, saya fikir matalamat yang tertera di-dalam Budget Summary yang di-kemukakan oleh Kementerian ini ia-lah satu beban yang begitu besar dan berat yang telah di-beri kepada Menteri kita sendiri. Dan saya sedar-lah bahawa Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan yang memikul beban ini sa-betul-nya pada masa ini ia-lah sa-orang yang terkenal di-dalam lapangan pergerakan parti politik kami, ia-itu Parti UMNO, sa-bagai sa-orang yang di-kenal sa-bagai Bapa Tahan Lasak dan juga Bapa Revolusi Mental. Nama yang di-berikan kepada Menteri kita ini sa-betul-nya ia-lah membayangkan bagaimana pehak Kerajaan dan juga terutama sa-kali bagaimana pehak parti yang mendokong Kerajaan pada masa ini sedar akan mustahak-nya kita membentok satu masyarakat masa akan datang di-dalam mana pehak belia-nya ia-lah belia tahan lasak, belia berani menghadapi apa juga chabaran² yang akan di-hadapi oleh kita di-dalam masyarakat yang akan datang. Dan juga nama yang telah di-beri ini merupakan

bagaimana pehak Kerajaan kita sedar mustahak-nya di-tukarkan chara pemikiran ra'ayat di-dalam negara kita ini supaya tiap² sa-orang di-dalam masyarakat kita akan dapat menyesuaikan diri untuk menghadapi chabaran² yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya berharap-lah bahawa di-dalam pentadbiran Kerajaan juga Menteri kita ia-itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat pula menunjol atau pun meneruskan perasaan atau pun semangat tahan lasak dan revolusi mental yang telah di-pelupori-nya di-dalam lapangan parti politik kami.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kita boleh nampak di-dalam beberapa tahun yang sudah bagaimana di-kalangan belia² termasuk pelajar² dan juga murid² sekolah konsep hidup mereka telah bertukar. Konsep hidup mereka bertukar daripada konsep yang suka di-manja²kan, konsep hidup senang-lenang, di-tukar kepada konsep suka keluar, suka menghadapi chabaran dan apa yang di-kenal di-dalam bahasa Inggeris konsep *spirit of adventure* dan *love for outdoor life*. Saya perchaya, Kementerian ini memang telah sedar akan pertukaran konsep ini dan oleh sebab itu maka di-dalam Belanjawan ini banyak kita dapati perbelanjaan² yang di-khaskan untuk pusat² latehan belia dan juga penubuhan belia pelupor negara. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Belanjawan yang di-minta oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ini seperti mana dia sendiri telah menyebutkan di-dalam ucapan-nya tadi ia-lah sangat kecil, dan sa-bagai sa-orang yang sangat sedar akan mustahak-nya Kerajaan kita menukar pandangan kepada *accent on youth* atau ketegasan ka-atas soal² belia, saya suka membuat beberapa pandangan beberapa shor atas ranchangan² yang akan dapat menchapai ka-arrah tahan lasak dan revolusi mental yang saya sebutkan baharu² tadi.

Dalam beberapa tahun yang lepas kepada sa-tiap sa-orang yang memandu kereta di-seluruh negeri kita ini, terutama sa-kali di-dalam Malaysia Barat ini, kita tiap² kali, terutama

sa-kali di-dalam masa kelepasan sekolah atau pun di-dalam masa kelepasan universiti, kita tiap² kali berjumpa dengan anak² muda kita, pelajar² kita, belia² kita, mahasiswa² kita yang chuba menahan kereta kita untuk pergi menjelajah ka-seluruh negeri kita ini. Ini ia-lah satu pergolakan yang menggalakkan dan sesuai dengan maksud tujuan kita; dan tiap² kali pelajar², belia² dan pemuda² ini chuba menumpang atau pun yang terkenal di-dalam bahasa Inggeris sa-bagai *hitch-hiking*, mereka nampak-nya sa-takat ini mendapat sambutan yang begitu baik daripada pemandu² kereta. Tetapi, malang-nya kemudahan² untuk belia² ini, pelajar² ini untuk menjelajah ka-seluruh negeri sungguh pun di-sambut baik oleh pemandu² kereta belum lagi chukup, pada pendapat saya, dan saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, terutama sa-kali Jabatan Belia-nya akan memikirkan beberapa ranchangan yang tertentu untuk menggalakkan dan menentukan bahawa semangat ini akan kekal sa-lama²-nya untuk kepentingan masharakat kita pada masa yang akan datang. Kebanyakan daripada pengembara² yang saya sebutkan ini tadi telah pergi dari satu bandar ka-satu bandar yang lain kebanyakan daripada-nya apabila tiba di-dalam bandar² itu tempat yang sangat popular kapada mereka menumpang ia-lah balai polis dan Sikh Temple—ini dua tempat yang sangat² popular kapada mereka. Ta' tahu-lah agaknya kalau pergi dalam balai polis itu mereka berasa lebeh selamat atau pun mereka hendak merasai bagaimana orang susah, orang salah dudok di-dalam balai polis itu, saya pun tidak tahu, dan saya mendapat tahu bahawa di-dalam Sikh Temple itu mudah sangat mereka dapat makan, tetapi saya fikir ini tidak-lah begitu menggalakkan kapada pemuda² kita—saya bukan kata tidak ada keselamatan, ada keselamatan tempat sembahyang di-sana.

Jadi, saya suka, Tuan Pengerusi, di-dalam hal ini membuat dua shor yang tertentu kapada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan untuk pertimbangan-nya. Shor yang pertama

ia-lah saya berharap Kementerian Belia akan dapat mengelolakan perubohan beberapa tempat yang di-kenal dalam negara² Eropah sa-bagai *camping sites*. *Camping sites* ini saperti di-dalam negara² Eropah telah ada berpuluh² tahun lama-nya, sangat terkenal dan sangat *popular* di-kalangan pelancong², terutama sa-kali di-kalangan kaum belia. Saya fikir kalau Kementerian Kebudayaan ini dapat mengambil *initiative* mendapatkan tapak² tanah di-dalam bandar² atau pun kawasan² yang menarek saperti kata-lah di-Melaka, di-Kota Tinggi, di-Kelantan, di-Trengganu—ada orang Trengganu lihat muka saya minta Trengganu masokkan—di-Pulau Pinang, di-Segamat juga—saya sebutkan Segamat, Tuan Pengerusi, kerana Segamat ini ia-lah pertengahan jalan di-antara Singapura dan Kuala Lumpur sangat suka orang berhenti di-sana, mithal-nya kalau dapat tapak² tanah ini saya berharap Kementerian Belia akan dapat pula mendirikan atau pun menyediakan beberapa khemah² yang kecil² lengkap kawasan itu dengan kebersehan-nya, lengkap dengan kemudahan² untuk masak, kemudahan² untuk ayer, kemudahan² untuk api, bukan-lah api letrik, api pam pun chukup-lah, supaya pemuda² apabila dia terhenti dalam satu² tempat tidak dapat kemudahan hendak bergerak kapada bandar lain dapat-lah mereka diam di-sana agak-nya dengan belanja yang *nominal*, katakan, \$1.00 satu malam. Ini sangat *popular* di-negara² Eropah dan saya perchaya chara ini ia-lah satu chara yang baik untuk menggalakkan pemuda² kita menjelajah dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, kalau-lah ahli² Kementerian suka hendak menengok satu projek yang besar yang sangat menchapai kejayaan yang begitu besar *popular* di-negara Eropah ia-lah di-dalam satu bandar yang di-namakan bandar Dogrovnik di-Yugoslavia. Sana ia-lah satu tempat yang sangat *popular* di-kalangan pelajar² dan belia² di-Eropah menjelajah ka-sana, berhenti di-sana untuk pergi ka-tempat² lain.

Dan berbangkit daripada soal menjelajah ini, soal melancong di-kalangan belia, saya suka juga

membuat shor supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini, Jabatan Belia-nya, mengambil *initiative*—daya utama ia-itu meminta kemudahan² untuk belia² dan kaum pelajar termasuk mahasiswa supaya mereka dapat menjelajah dari satu tempat ka-satu tempat yang lain dengan harga yang murah. Mereka kebanyakan-nya pada masa ini chuma menumpang *hitch-hiking*, tetapi dengan harga yang murah yang juga telah di-amalkan oleh negara² di-dalam negara Eropah, bukan sahaja Eropah, di-Amerika dan juga saya perchaya di-Indonesia, ini agak-nya yang lebeh ada hubungan-nya dengan Kementerian Pengangkutan—saya tengok Menteri Pengangkutan pun ada di-sini—tetapi saya berharap bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dapat mengambil *initiative* dan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan dan Menteri Pelajaran serta Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang bertanggung-jawab di-dalam lapangan pelanchongan supaya dapat-lah mereka chuba menchari chara²-nya supaya kaum pelajar, kaum belia akan dapat berjalan menjelajah dari satu tempat ka-satu tempat yang lain dengan belanja yang murah, katakan-lah 50% sahaja.

Kalau sa-saorang itu boleh mengeluarkan penunjuk atau boleh menyatakan terang² bahawa ia sa-orang pelajar *bona fide*, yang terang² yang dia itu sa-orang pelajar, murid sekolah menengah tinggi, katakan, atau pun pelajar mahasiswa atau pun ahli Persatuan² Belia dengan satu kad pengenalan yang siap sedia di-keluarkan oleh Kementerian sendiri, apabila dia naik hendak pergi dari satu tempat ka-satu tempat dia dapat 50% sahaja. Ini bukan sahaja di-dalam lapangan naik bas, Tuan Pengerusi, lapangan keretapi pun—itu tidak susah-lah saya fikir Menteri Pengangkutan pun saya fikir ada di-sini, keretapi di-kontrol-nya, jadi tentu-lah senang boleh dapat; dan juga kapal laut, Tuan Pengerusi; saya sebutkan kapal laut oleh sebab memang telah di-sebutkan di-dalam matalamat kita ini untuk mendekatkan lagi kawasan² Malaysia Timor dengan Malaysia Barat. Di-Universiti, mithal-nya, tiap²

tahun ada kelepasan sa-lama tiga bulan, kalau tidak salah saya, dan di-dalam tiga bulan ini kalau sharikat perkapalan—Straits Steamship, mithal-nya—boleh memberi kemudahan², keistimewaan² kapada kaum² pelajar dan kaum² belia ini, mereka dapat-lah pergi menjelajah ka-kawasan sahabat² kita, ra'ayat kita bersama² di-sana untuk memahami akan soal² yang di-hadapi oleh mereka supaya dapat kita meluaskan pandangan mereka dan juga pehak pelajar² di-negeri² di-dalam Malaysia Timor pula boleh datang ka-negeri kita pada masa itu. Jadi, ini ranchangan² yang tertentu yang saya harap dapat di-kemukakan, di-ambil *initiative* oleh pehak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Ada lagi satu chara agak-nya ter-lebeh tinggi sedikit, tetapi saya suka juga menyebutkan di-sini yang prektis yang di-ikuti oleh banyak daripada sharikat² penerbangan di-Amerika, ia-itu kalau sa-saorang pelajar boleh mengeluarkan kad pengenalan-nya datang ka-air port, datang ka-lapangan terbang, dia harus menunggu. Kalau dalam 10 minit tidak ada orang lagi hendak masuk dalam kapal terbang itu hendak menumpang dalam kapal terbang, dia boleh menggunakan kad pengenalan-nya dapat pula *rebate*, dapat pula keistimewaan bayar 20% sahaja dapat dia naik kapal terbang pergi ka-satu tempat yang lain di-dalam negara-nya. Jadi, saya fikir dari segi *internal flight* MSA boleh juga, saya harap, di-timbangan ini atas *initiative* Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali saya suka menyentoh soal kebudayaan di-dalam Kementerian ini. Kita sedar bahawa di-dalam beberapa bulan yang lepas terutama sa-kali banyak per-bincangan² telah di-bangkitkan di-kalangan parti² siasah terutama sa-kali yang chuba menggunakan soal ini untuk kepentingan mereka. Di-ka-langan ra'ayat Malaysia juga, saya nampak kita maseh belum dapat sikap yang tertentu di-dalam soal kebudayaan. Saya sedar, Tuan Pengerusi, bahawa kebudayaan ia-lah satu chara hidup manusia dan tidak boleh di-paksa kapada sa-saorang manusia di-dalam

dunia ini. Tetapi saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat membuat penyelidikan² dan dengan co-ordinasi pula dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran akan menyebarkan aspek² kebudayaan di-dalam negara kita ini yang sama di-kalangan segala kaum² di-dalam negeri kita ini. Saya maseh berpegang tegoh atas kepercayaan saya bahawa sa-betul-nya kebudayaan Melayu boleh di-terima sa-bagai kebudayaan *Trust National*. Dan kepercayaan ini saya ini bukan-lah kerana saya orang Melayu, saya berasakan perkauman, tetapi ia-lah berasakan kepada pelajaran dan pengetahuan yang telah saya dapati bahawa apa yang di-kenal sa-bagai kebudayaan Melayu kepada kita pada masa sekarang ini sa-betul-nya terkandung di-dalam banyak aspek², boleh di-katakan 90% daripada asas apa yang kita kenal sa-bagai kebudayaan Melayu ini ia-lah kebudayaan daripada Barat, daripada Timor, daripada Portugis, daripada China, daripada India, daripada tanah Jawa dan sa-bagai-nya. Kalau-lah kita dapat membuat *research* yang tertentu sudah ada banyak kertas² yang telah di-buat, dan kalau-lah Kementerian ini akan dapat menubuhkan satu bahagian *research* yang tertentu di-dalam soal ini, saya berharap dan saya percaya bahawa ra'ayat jelata akan lebih faham lagi, akan tidak dapat menohmah kita mengatakan kita Kerajaan Perkauman.

Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja pandangan saya, terima kasih.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Saya suka menyampaikan tahniah ka-atas kejayaan yang baik yang telah di-chapai oleh kedua² Kementerian ini di-dalam masa tahun yang lalu. Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh beberapa perkara dalam kedua² Kementerian ini dan perbincangan kita dalam sidang ini.

Tuan Pengerusi, saya melihat dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di-Kepala-Kechil 14, ada menyatakan Bantuan kepada Badan² Kebudayaan sa-banyak \$129,000. Tuan Pengerusi, Kementerian ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada-lah Kementerian yang penting yang antara lain tugas-nya ia-lah menjaga dan mengembangkan kebudayaan kita. Saya tidak-lah dapat hendak mengagak ada-kah usaha Kementerian ini dalam menubuhkan kebudayaan di-negara kita ini tertentu kepada bantuan kepada badan² kebudayaan ini sahaja, kerana saya merasa, Tuan Pengerusi, pada masa ini di-tiap² negeri sudah ada Pegawai² Kebudayaan di-lantek oleh Kementerian ini dan saya rasa sangat-lah elok soal menghidupkan kebudayaan ini di-pertalikan dengan usaha² yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pelanchongan.

Ada beberapa jenis kebudayaan yang patut di-hidupkan dan di-suburkan dalam negeri kita ini. Saya maksudkan seperti adat bermain layang² yang selalu di-jalankan oleh orang² kita sa-lepas musim menuai padi.

Saya rasa jikalau dapat-lah di-anjorkan suatu usaha bagi mengadakan Malaysian Festival, Perayaan² Malaysia, seperti perayaan bermain layang² ini dengan di-ator dan di-susun dengan baik, di-tentukan musim dan waktu-nya sa-hingga dia menjadi suatu penarek kepada pelanchong² luar negeri dan pelanchong² dalam negeri. Pada masa ini permainan layang² ini di-mainkan dengan tidak ada suatu susunan yang baik. Kalau dapat di-adakan *festival* bermain layang² di-tentukan masa-nya, di-adakan sa-chara besar²an dengan pengawasan daripada Pegawai² Kebudayaan Negeri, maka ini akan menjadi suatu penarek yang baik, pertama untuk menghidupkan kebudayaan itu sendiri, yang kedua bagi menarek minat pelanchong², katakan pelanchong dalam negeri sahaja-lah, jikalau kita adakan festival main layang² ini di-Pantai Timor, di-Kelantan atau di-Trengganu, satu dua kali dalam sa-tahun dengan sa-chara besar²an,

barangkali banyak pelanchong² daripada Pantai Barat hendak pergi sesuai dengan masa di-adakan festival itu. Pelanchong daripada luar negeri pun boleh di-beri ma'lumat daripada sekian haribulan ada Malaysia Festival tentang permainan layang², tentang permainan gasing, tentang permainan lain² lagi, mereka akan lebeh tertarek untuk datang dan menumpu ka-negara kita untuk melihat festival² dan sa-bagai-nya: maka saya rasa ini adalah suatu perkara yang tidak boleh di-tinggalkan dengan badan² kebudayaan yang ada sahaja, tetapi harus di-jalankan di-bawah anjoran dan inisiatif daripada Kementerian ini dan daripada Jabatan Kebudayaan yang ada dalam tiap² Negeri. Saya berharap sunggoh² supaya Malaysian Festival ini dapat di-ator bagi memelihara dan menghidupkan kebudayaan kita dan bagi menjadikan dia suatu tarekan yang baik kapada peminat² dan kapada pelanchong² dari luar dan dalam negeri.

Ada antara kebudayaan², segi² kebudayaan kita ini, Tuan Pengerusi, yang agak sudah malap pada masa ini. Saya dengar pada masa dahulu ada usaha hendak menghidupkan, mengumpul dan menghidupkan pemain² bangsawan kerana pada masa ini bangsawan pada jenerasi yang ada sudah merupakan suatu cherita di-zaman yang lampau dan jikalau tidak di-susun suatu susunan yang baik main² bangsawan ini dan untuk mengadakan penyertaan yang terator, maka akan mati sahaja-lah pesaka yang di-tinggalkan oleh jenerasi yang lalu tentang permainan bangsawan ini dan banyak lagi jenis² kebudayaan yang lain yang harus di-jaga dan di-pupok oleh Kementerian ini bagi menjaga dan mengawal kebudayaan kita dan menghidupkan-nya dengan lebeh subor lagi.

Tuan Pengerusi, saya beredar ka-pada B. 13, tentang Muzium Negara. Saya hanya ada satu pandangan dan Muzium ini sekarang ini berjalan dengan baik dan barang² yang ada dalam Muzium itu bertambah dari samasa ka-samasa, tetapi ada suatu aspek yang saya dapat di-pertimbangkan oleh pehak Muzium Negara bagi di-jadikan sa-bahagian daripada per-

kara yang di-tunjokkan di-dalam Muzium itu, ia-itu tentang sejarah Malaysia ini. Tuan Pengerusi, pada masa ini tiada suatu buku yang muktamad daripada Sejarah Malaysia ini kerana banyak pendapat² yang berlainan daripada mana asal-nya dari orang² yang mula datang ka-Malaysia ini, bila Islam masok ka-Malaysia dengan jalan perdagangan daripada India, daripada Hadaramaut, atau daripada negeri China. Jadi, jikalau dapat di-kumpulkan segala bahan² sejarah yang ada ini dan di-ambil sa-segi yang boleh di-pegang dan di-tunjokkan di-dalam muzium dengan asal usul Malaysia, kedatangan orang, kemasokan Islam, Kerajaan Melaka dan berbagai² aspek sejarah ini dan adakan satu ruang khas di-dalam Muzium Negara, sa-hingga orang yang datang ka-Muzium itu dapat dengan sa-pintas pandangan mengetahui kedudukan sejarah tanah ayer kita ini dan ini menjadi suatu perkara yang baik bagi mengekalkan sejarah kita dan bagi menanam semangat kasehkan tanah-ayer kapada warganegara kita, terutama kanak² sekolah yang ramai mengunjongi Muzium Negara pada tiap² hari.

Saya suka beredar pula, Tuan Pengerusi, kapada Kementerian Penerangan dan Penyiaran dan saya suka hendak sentoh terutama sa-kali tentang Talivishen. Satu sahaja tentang Talivishen ini yang saya hendak ulangkan lagi menyebut dalam Dewan ini walau pun telah di-sebut oleh saya dan rakan² yang lain beberapa kali, ia-itu tentang mengadakan Talivishen ini sampai ka-Pantai Timor kerana sa-benar-nya—Pantai Timor—saya maksudkan ia-lah Trengganu dan Pahang kerana Kelantan ini sudah ada—menurut ranchangan yang mula², Talivishen hendak sampai ka-Pantai Timor pada tahun 1968 di-tanggohkan pada tahun 1969. Saya dengar pada isi² yang akhir² ini barangkali tahun 1969 pun kalau entah ada hujong² atau yang muktamad-nya tahun 1970. Jadi, nampak-nya, lambat sangat Pantai Timor ini menerima Talivishen ini yang di-nekmati oleh negeri di-Pantai Barat. Di-Malaysia Timor pun, saya dengar di-Sabah hendak mengadakan pada tahun ini juga, jadi ketinggalan

Pantai Timor di-Malaysia Barat ini hatta daripada Malaysia Timor sendiri pun, jadi saya minta-lah pehak Menteri Penerangan dan Penyiaran, kalau boleh, tolong chepatkan, berpakat dan berkira dengan Menteri Kerjaraya, Pos dan Talikom bagi menyudahkan station microwave yang hendak digunakan untuk memancharkan Talivishen ini ka-Pantai Timor supaya dapat di-nekmati oleh ra'ayat Pantai Timor Talivishen itu pada tahun ini juga, bukan pada tahun 1970—kalau boleh ra'ayat Pantai Timor, melihat Talivishen ini sa-belum Pilehanraya Kebangsaan yang akan tiba pada pertengahan tahun ini. Jadi, sama² boleh tengok orang² yang hendak berkempen Pilehanraya pun kalau Parti² Pembangkang hendak ambil bahagian pun dia hendak berchakap di-Talivishen, dapat-lah peluang dan sampai orang Pantai Timor pun boleh tengok juga muka² Parti Pembangkang yang saya perchaya dia orang tidak boleh menang lagi pada tahun ini.

Berchakap mengenai Talivishen ini, Tuan Pengerusi, saya teringat satu kesah, satu kejadian yang berlaku baharu dua malam yang lepas, ia-itu dalam ranchangan laporan Dewan Ra'ayat pada dua malam yang lepas, saya mengikuti-lah malam itu, kebetulan duduk di-rumah, melihat Talivishen. Sampai kapada masa laporan ucapan daripada wakil Seberang Perai Selatan, Yang Berhormat Enche' Senawi bin Haji Ismail tiba² timbul, datang gambar Allah Yarham Haji Abdullah, wakil Segamat, yang telah meninggal dunia. Saya ingat ini kesilapan, silap memasok atau tidak di-sengajakan kesalahan ini kerana aruah dari kubor datang menjelma di-Talivishen malam itu, saya tunggu kapada siaran Bahasa Inggeris pula, barangkali di-betulkan siaran bahasa Inggeris. Datang siaran Bahasa Inggeris, datang giliran ucapan Enche' Senawi, aruah Haji Abdullah sa-kali lagi menjelema di-Talivishen. Jadi, rupa-nya aruah bekas rakan kita ini tidak putus² ingat kapada kita semua di-sini, dengan tidak sengaja gambar-nya keluar lagi. Jadi, arti-nya ini sangat kurang chermat pegawai yang mengeluarkan ranchangan itu, dan saya berharap perkara yang sa-macam ini

harus di-ambil perhatian oleh pegawai² yang berkenaan supaya berchermat dan supaya tidak menyinggong perasaan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu sendiri. Saya mula-nya pada ranchangan itu juga melihat, daripada mula saya tengok, jadi sampai pada ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Krian Laut, Enche' Sulaiman bin Haji Taib, mula² naik gambar Yang Berhormat Wakil daripada Bagan Datok, Enche' Sulaiman bin Bulon, tetapi rupa-nya kemudian kesilapan itu di-betulkan, di-sedarkan, tetapi soal gambar Allah Yarham Haji Abdullah ini memang terus tidak di-betulkan dalam perkara itu kesilapan yang timbul daripada tidak chermat-nya pegawai yang mengelolakan ranchangan itu.

Saya harap barangkali pehak Talivishen akan dapat membetulkan keadaan ini dan kalau boleh menyatakan kesal kapada Ahli Yang Berhormat rakan kita daripada Seberang Prai Selatan.

Saya juga hendak bertanya sadikit dalam perkara ini tentang muka 393, Pusat Latehan Tata Negara. Jadi sa-tahu saya semenjak masa yang akhir ini, semenjak Pengetua-nya yang pertama yang telah meletakkan jawatan dan berhenti dan semenjak rumah tempat Pusat Latehan Tata Negara itu yang mula-nya bertempat di-bekas rumah Kedutaan Indonesia dan sekarang di-serahkan balek kapada pehak Kerajaan Indonesia, semenjak itu tidak ada dengar khabar berita lagi tentang Pusat Latehan Tata Negara itu dan ranchangan² yang di-jalankan. Saya sa-kadar hendak tahu apa yang sudah jadi kapada Pusat Latehan Tata Negara dan apa yang telah terjadi kapada Pegawai² yang mengelolakan-nya, dan menurut dalam Buku Estimate ini, peruntokan-nya maseh ada lagi walau pun telah di-kurangkan sabanyak \$21,000 daripada tahun lepas. Jadi, saya hendak mendapat sadikit penjelasan, apa sudah jadi kapada Pusat Latehan Tata Negara dan apa sudah jadi kapada ranchangan² yang baik dalam memberi kursus civic dan tata negara kapada warganegara Malaysia ini yang saya rasa memang sangat besar faedah-nya pada masa

Pusat Latehan Tata Negara ini berjalan lancar dalam tahun 1966 dan 1967.

Ahkir sa-kali, saya suka hendak sentoh tentang Jabatan Radio. Saya sentoh pun sedikit sahaja, ia-itu usaha yang di-jalankan oleh Radio ada-lah memuaskan dan ranchangan pun memuaskan, ada-lah sedikit sa-banyak perkara yang patut di-tegor, saya tak mahu sebut apa di-dalam ucapan saya ini, chuma saya hendak sentoh tentang soal mengadakan gelombang pendek yang chukup bagi Radio Malaysia ini, kerana sa-tahu saya pada tempat² yang tidak sampai gelombang sederhana terlalu sukar sekarang ini, bagi pendengar² ka-tempat² yang tidak sampai gelombang sederhana itu untuk mendengar Radio Malaysia. Jadi, mahu tak mahu, pendengar² itu terpaksa-lah membuka Radio Singapura yang pancharan gelombang pendek-nya lebih terang dan lebih jelas. Jadi, mereka dapat berita pun berita yang di-gubal dan di-susun dan yang di-putar belitkan oleh Radio Singapura. Jadi, saya rasa ini keadaan yang tidak berapa menyenangkan sedikit, dan kalau boleh usaha memperkuat gelombang pendek Radio Malaysia ini supaya sampai ka-tempat² yang tidak sampai gelombang sederhana ini di-percepatkan, kerana sa-tahu saya usaha ini memang ada di-jalankan, tetapi ini-lah apa yang saya dapati terutama sa-tengah² tempat kawasan saya sendiri yang tidak dapat dengan jelas ranchangan Radio Malaysia melalui gelombang pendek dan mahu tidak mahu terpaksa membuka siaran Radio Singapura. Dan saya rasa perkara ini hendak-lah diubati dengan sa-berapa segera yang boleh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam turut berchakap dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya suka menarek perhatian sedikit sahaja, dan saya akan berchakap berkenaan dengan Surat Perintah yang ka-Empat kerana saya daripada semalam lagi hendak mengeluarkan daripada memakan masa dalam memegang Surat Perintah nombor 3.

Tuan Pengerusi, saya minta satu, yang pertama, memandangkan pem-

binaan umat atau pun *nation building*, saya rasa sudah sa-patut-nya Kementerian ini di-pegang oleh sa-orang Menteri yang penoh. Saya tidak bermaksud bahawa Menteri yang ada ini tidak berkebolehan, tetapi kalau kita serahkan kepada satu Kementerian, saya rasa itu akan lebih berkesan atau pun *effective*.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kalau kita melihat kepada Budget Summary, tujuan Kementerian ini kita dapati hendak mempertingkatkan *integration* atau pun mutu belia² kita, terutama-nya dalam segi *physical social* dan mental *well-being of the people*. Ini Tuan Pengerusi kata² philosophical, kata² yang tidak di-tafsirkan kepada satu *programme* yang concrete—*wellbeing of the people, mental, physical*. Hendak orang yang macham mana, yang badan-nya berapa ukoran yang dikehendaki itu? Mesti di-define atau pun di-tentukan. Jadi, saya mengikuti sa-lama berada dalam Parlimen ini saya tidak dapat pun *programme* yang tertentu, apa-kah kita hendakkan sa-sorang muka-nya ada misai atau pun orang yang kepala-nya kurang rambut, atau pun badan-nya besar, atau badan-nya kurus, dia mesti ada ideal, mesti ada *sample*, chara yang kita hendak bentok bagaimana mesti kita sebutkan. Jadi, kesimpulan-nya saya mengeshor-kan, sama ada di-terima atau pun tidak, saya mengeshor-kan belia² ini mesti di-bentuk dengan satu kumpulan rukun² supaya belia itu menjadi satu manusia yang kalau pun tidak *perfect* tetapi bagi kita ada-lah sa-bagai sa-orang manusia yang *perfect*, ia-itu dari segi mental yang kita hendak sa-orang belia yang boleh berfikir yang pandai macham Yahudi, mempunyai lidah petah sa-bagai Arab, rajin bekerja sa-bagai China, dan sabar serta beralah sa-bagai Melayu. Jadi, kalau ini, mithal-nya, kita letakkan rukun² yang sa-macham ini menjadi *ideal* atau menjadi contoh, atau pun tidak mesti di-terima apa yang saya sebutkan itu, dapat-lah kita melateh belia² ini supaya di-masokkan dalam satu achuan dan mereka keluar dapat-lah satu *pattern*, satu chorak yang tertentu tetapi kita berdasarkan kepada perkataan *well-being, a mental well-being, physical, social*—perkataan terlalu luas yang

boleh berchakap di-atas angin bagitu sahaja, yang boleh masok Radio, keluar pergi ka-sana—itu sahaja. Kita hendak mempunyai tujuan concrete.

Saya, Tuan Pengerusi, tidak-lah mempunyai peluang sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Segamat pergi ka-Yugoslavia rata² semua, sebab saya bukan dari pehak Kerajaan, dan orang tidak bagi peluang kapada saya berjalan; tetapi, Tuan Pengerusi, kalau dari segi buku² kita membacha, kita dapati *site* atau pun tempat² yang hendak di-adakan *camp* atau pun perkhemahan bagi belia² itu bukan-lah semata² di-adakan di-tempat² yang lapang atau pun sa-mata² di-tempat² yang *nature* atau pun tabiat memberikan keindahan, mithal-nya, di-tepi pantai, di-tepi bukit atau di-mana, tetapi di-kumpulkan juga unsor² yang lain sa-lain daripada *beauty of nature*, kita hendak juga tempat² itu merupakan strategy dari segi politik atau pun dari segi *education*, yang kita boleh dapat kesan² yang lama atau pun di-tempat² bersejarah. Jadi, dengan ada kita membuat perkhemahan di-tempat² yang terkumpul-nya unsor² buatan manusia dengan anugerahan alam, maka belia² itu dapat-lah suatu ilham yang baharu. Ini kita tidak pernah memikirkan; yang ada belia² itu di-bawa pergi ka-Morib, ajar tahan lasak; kita, Tuan Pengerusi, kalau hendak mengajar budak² bagini bukan tahan lasak, tetapi mengajarkan satu angkatan belia yang berani melasak. Jadi, chara kita berfalasafah atau pun philosophy kita menyediakan budak² ini arti-nya hendak suroh kalah dan sa-mata² defensive, dia tidak *offensive*, dia tidak aggressive, tahan lasak, orang datang, tahan lasak. Hari itu konfrontasi, mari lasak-tahan Philipina mari lasak-tahan. Nanti besok ada satu lagi—tahan lasak. Kita mahu tidak, angkatan belia yang melasak? Jadi, ini-lah Tuan Pengerusi, beda-nya di-antara philosophy yang ada pada Partai PAS dan yang ada pada Parti Pemerintah. Oleh kerana mereka itu bertahan lasak dan kami mempunyai taktik melasak, tiga yang tahan lasak itu pun kami serang, Tuan Pengerusi.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi,
.....

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ahli Yang Berhormat itu mengatakan pelasak, saya fahamkan mana pelasak itu pelanyak—tukang lanyak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, itu istilah perkataan, kita tak usah buang masa di-sini. Jadi, masaalah itu tak usah kita tunjok pandai. Yang saya maksudkan itu bukan dari segi lanyak atau tidak lanyak. Yang saya maksudkan ia-lah falasafah kita itu untuk menyerang bukan bertahan, baharu-lah sesuai dengan *spirit of adventure*. Jadi kalau orang itu bertahan dia tidak akan melakukan itu *adventure*. Di-mana² pun sudah macham itu, tabiat manusia. Kalau di-perentahkan suatu tentera itu bertahan dia tidak akan *advance*, yang ada dia akan *retreat*. Ini sudah menjadi hukum alam kapada kita.

Tuan Pengerusi, yang satu lagi yang saya hendak sebutkan ia-lah berkenaan dengan kebudayaan yang di-bahathkan sekarang ini ia-itu teras kebudayaan. Teras kebudayaan, Tuan Pengerusi, didirikan di-atas unsor² yang lama dengan tidak di-tentukan chorak supaya yang di-katakan kebudayaan itu ia-lah pusaka daripada jenis manusia. Yang kita hendak bukan teras kebudayaan chorak-nya, pattern-nya yang kita hendak ia-lah Malaysian pattern, bukan kita hendak teras—teras ini kita tiru daripada China, daripada India. Jadi, bila kita masok di-dalam satu achuan tidak mempunyai pattern, mithal-nya baju pun, kalau tidak chorak-nya, tidak boleh kita sebut buat baju: buat baju *double breast*—bagaimana hendak buat? Jangan tanya bagaimana hendak buat, baju sudah-lah. Jadi, ada asas, bagaimana pattern-nya jangan di-tanya. Jadi, sampai bila kita hendak membentok? Jadi, dalam menentukan pattern kita ini, Tuan Pengerusi, saya lebih suka kalau Menteri kita ini dapat menimbangkan ia-itu di-dalam kebudayaan² sama ada konkret-nya, atau pun yang abstrak-nya, di-pileh dan di-kumpulkan, kemudian di-jadikan satu buku di-perkenalkan kapada negara. Ini-lah pattern kita dan ini-lah teras kita yang hendak kita jalankan; mithal-nya Tuan Pengerusi, boleh kita katakan dari segi kebudayaan, nyanyian, tarian. Boleh juga daripada pakaian,

tetapi kita mesti-lah menyedari kedua² aspek ini, ia-itu aspek abstrak dengan konkret, dan kita ambil yang elok. Mithal-nya kita katakan dengan sa-orang penari pop dan dia memakai mini skirt yang nombor satu, Kelas A yang tinggi lagi daripada mini skirt itu. Jadi ini, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada dia menari dia memakai satu baju yang dari situ dia dapat kesimpulan melahirkan kepada penuntun²-nya tidak tarian-nya dan tidak baju-nya, tetapi sa-suatu yang lain. Jadi ini, Tuan Pengerusi, akan memberi kesan kepada akhlak, etiquette sa-suatu bangsa.

Ma'ana kebudayaan yang kita hendak pusakai itu ia-lah satu kebudayaan yang boleh meninggikan taraf berfikir dan menghaluskan perasaan jiwa seni, bukan sahaja menggemarkan dan meng-goyangkan sa-suatu yang dalam batin. Jadi ini, Tuan Pengerusi, tidak pernah kita fikirkan; sebab itu-lah saya telah menhadangkan di-dalam satu Rang Undang² yang sa-belum daripada ini supaya di-adakan Menteri Akhlak. Maksud saya itu ia-lah supaya di-dalam menjalankan kebudayaan kita ini unsor² etiquette, akhlak, itu mesti di-jaga. Baharu-lah kita ini dapat melahirkan satu angkatan perfect, angkatan yang mempunyai budi bahasa yang tinggi.

Kemudian daripada itu, Tuan Pengerusi, saya melihat di-sini perbezaan antara ordinary supply dengan development. Ordinary supply \$3.6 juta dan development pembangunan-nya ada-lah \$1.5 juta. Kalau kita sedar yang kita ini developing country negeri yang sedang membangun, dan kebudayaan kita pun belum kita tentukan bukan sahaja pattern-nya, dasar-nya pun belum tentu, dan kita sedar bahawa Ranchangan Lima Tahun itu ia-lah untuk *nation building*. Bagaimana, Tuan Pengerusi, Ordinary Expenditure-nya lebih banyak daripada pembangunan-nya erti-nya tidak ada pembangunan di-situ. Tidak ada negeri yang sedang membangun yang peruntukan pembangunan-nya lebih sedikit daripada ordinary; jadi, erti-nya negeri itu static seperti itu sahaja, tidak ada pembangunan, kalau ada pun sedikit—di-situ-lah yang hendak di-bangga²kan bahawa kita

membuat pembangunan. Neracha membangun atau tidak membangun di-pandang dari segi peruntukan maka nyata-lah bukan sahaja Kementerian ini behind schedule patut-nya Menteri ini di-potong semua di-tiadakan dan di-serahkan kepada *private sector* untuk membuat kerja² ini semua.

Saya, Tuan Pengerusi, kalau-lah Menteri ini bukan guru saya di-Sekolah Melayu dahulu, sudah tentu saya serang chukup², Tuan Pengerusi—menghormatkar guru sahaja Tuan Pengerusi, saya sabar sedikit.

Berkenaan dengan Muzium, Tuan Pengerusi, saya dapati tidak ada dua perkara yang besar dalam Muzium itu. Yang pertama watak umat Melayu dari segi kehakiman. Ini tidak ada di-situ, yang ada watak Melayu menari, buru tupai, jadi otak yang fanatik yang hidup sa-bagai manusia zaman batu. Jadi otak ke'adilan tidak ada, otak kehakiman tidak ada dalam itu. Jadi sebab itu, Tuan Pengerusi, Muzium² yang lain ada menunjukkan satu Mahkamah dan kalau berlaku-lah satu kezaliman pemerintah, maka di-adakan gambar²-nya supaya kita dapat meng-kaji pada masa yang lain. Kalau-lah kita adakan satu bilek untuk Hang Tuah dengan sejarah yang kita baca, nyata-lah Hang Tuah ini satu Pahlawan Melayu yang terkenal tetapi dia pengampu. Itu hendak membacha buku hendak sampaikan kepada satu conclusion bahawa Hang Tuah dengan Hang Jebat itu Hang Tuah ini mengampu *jeudai* terlampau jauh dan tidak berani orang membuat commitment bagitu. Tetapi kalau di-gambarkan itu dengan sendiri-nya kita boleh memandang. Ini Menteri kita tidak memikirkan di-situ atau pun oleh kerana banyak kerja yang lain sa-hingga ia tidak dapat hendak memikirkan.

Tuan Pengerusi, yang pertama tidak ada watak kehakiman. Yang kedua tidak ada watak sastra. Jadi tokoh² sastra kita tidak di-pamirkan di-situ. Sa-patut-nya mesti-lah ada satu bilek. Jadi apabila pelawat² datang bila dia menengok watak kehakiman, watak sastra, baharu-lah dapat di-buat satu ukoran bahawa bangsa ini dahulu-nya maju atau pun tidak, atau pun boleh maju, atau pun

tidak pada masa hadapan. Jadi, apabila orang itu datang melawat, dia tengok buru tupai, menari, bersilat sedikit. Jadi, erti-nya buru tupai, menari, bertumbok, bergaduh. Jadi, watak umat kita yang kita persembahkan kepada pelanchong² yang luar itu watak huru-hara, lepas itu hendak makan, sudah makan hendak seronok; itu watak yang ada. Sudah 6 bulan, Tuan Pengerusi, saya tidak masuk dan saya minta ma'af kalau ada pameran² yang lain. Tetapi saya masuk dari sa-tahun ka-satahun saya membuat buku dan buku itu, Tuan Pengerusi, ia-lah saya minta ma'af hendak mencheritakan nama-nya "Senu dan Muzium". Dan saya akan keluaran buku itu.

Tuan Pengerusi, ini membayangkan ada pun hujjah² mengatakan orang suka melawat muzium kita menjadi satu alasan bahawa muzium kita itu mempunyai kelengkapan atau pun watak² yang cukup, itu tidak boleh menjadi ukoran. Sebab orang yang suka melihat ini bukan sahaja benda itu baik, benda tidak baik pun kalau di-pamirkan banyak orang suka hendak tengok. Tetapi dia tidak kata benda itu baik, maka banyak orang pergi dari segi angka pelawat-nya tidak menunjukkan benda itu baik. Motokar berlanggar mati sa-orang, beribu orang pergi tengok, bukan bererti orang itu baik. Kalau kita tumpahkan esen di-sabelah kanan, letak muntah kucing di-sabelah kiri, kemudian bawa kaum semut, tidak banyak yang pergi ka-esen, banyak yang pergi ka-muntah kucing meng-hurong. Ini tidak bererti itu lebih wangi daripada esen.

Jadi ini, Tuan Pengerusi, neracha tidak ada kesimpulan, tidak ada conclusion yang di-buat itu. Yang ada di-sini, Tuan Pengerusi, sa-rupa juga dengan Ministry of Culture dan meletakkan angka-nya pada tahun 1968 dengan perkataan di-sini: "would have attended training courses". Saya bukan ahli dalam bahasa Inggeris, tetapi saya faham angka ini sa-patut-nya boleh mendapat-nya. Sa-patut-nya yang kita hendak ini statement apa yang sudah berlaku yang sa-patut-nya dekat² hendak pilihanraya ini ribu boleh kata yang kita hendak apa yang sudah buat daripada apa yang sudah buat itu,

dapat-lah kita menimbangkan kerja² yang akan datang.

Dengan rengkas-nya, Tuan Pengerusi, saya pergi juga sedikit berkenaan dengan Kepala B. 33 ia-itu Talivishen, Radio dan Penerangan. Saya akan mengambil masa sa-singkat²-nya, Tuan Pengerusi. Radio, saya hendak kompelen satu sahaja; di-Kelantan tak ada peluang langsung Kerajaan Kelantan hendak menyebarkan polisi² negeri. Jadi, saya dengan tenang-nya berkata kita ini dalam sa-buah negara yang demokrasi dan tidak patut-lah kita menekan sa-sabua wilayah yang diperintah oleh Pembangkang. Untuk ma'aluman Yang Berhormat Menteri, dengan ada-nya satu wilayah atau satu negeri di-perintah oleh Pembangkang dari segi Kerajaan yang memerintah boleh jadi mereka itu sakit, tetapi dari segi luar negeri, Tuan Pengerusi, Kerajaan sendiri mendapat pujian dalam perkara ini, ia-itu demokrasi di-Malaysia ini sudah mulai tinggi. Saya tidak dapat hendak kata tinggi, tetapi saya kata sudah mulai tinggi, terutama dalam satu lawatan yang saya turut serta, banyak negeri² yang hairan dan bertanya apa-kah kamu daripada Opposition. Saya kata, ya. Kemudian bertanya Menteri yang bertanggung-jawab bagaimana kamu membawa sa-orang Opposition. Jadi saya terus menjawab, saya kata ini-lah tanda demokrasi. Jadi, Tuan Pengerusi, orang² di-sana memberi salute, memberi tabek kepada negara kita dari segi itu, biarlah kita di-sini bergaduh, tetapi di-luar jangan kita tunjok pada orang. Kadang², Tuan Pengerusi, saya sendiri pun dengan isteri saya terkadang² bergaduh juga, tetapi sedang dalam bergaduh itu kalau ada tetamu datang, terus saya tanya mana kopi ini tetamu datang. Dia pun menjawab, ya sedang buat, pada hal baharu sahaja masam muka.

Jadi, ini Tuan Pengerusi, menjadi satu dasar kepada kita, tetapi di-negeri Kelantan langsung tak ada peluang, hendak berchakap apa pun tak boleh, yang ada kalau Menteri itu pergi, che-rita Menteri itu sahaja dan baharu² ini di-radio sudah kempen sekarang ini di-Radio Malaysia, Kelantan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan Kerajaan akan

menjanjikan satu masa hadapan yang baik dengan syarat, ini menggunakan perkataan "dengan syarat" itu kasar Tuan, "dengan syarat" ra'ayat Kelantan menggulingkan Kerajaan PAS. Jadi, ini menghasut, Tuan Pengerusi, tetapi kalau Menteri kita katakan Kerajaan Perikatan yang memerintah sekarang ini menjanjikan masa hadapan yang baik, kalau kami terpilih, itu sopan. Tetapi dengan syarat kepada orang² yang lapar mithal-nya, kepada orang² yang hendak sa-suatu benda, syarat itu di-pikul, maka syarat itu-lah sa-bagai satu penghasut. Ini, amat-lah tidak baik, walau bagaimana pun, saya mengambil peluang juga balek ka-Kelantan menunggu dan menyambut, saya hendak tunjok juga gentleman walau pun Menteri ini bukan Menteri PAS. Bagi saya Tuan Pengerusi dalam politik ini seteru saya, saya tunggu siang malam hendak bagi jatuh, tetapi sa-bagai Menteri Negara, saya salute "This is my Minister" itu masaalah lain; sebab itu, Tuan Pengerusi, kalau ada Menteri hendak pergi kawasan saya, kalau saya dapat tahu, walau pun saya tidak di-beri tahu, saya tunggu di-kapal terbang, saya kata sila dan saya ikut di-belakang, suroh buka motokar pun saya tolong buka, tetapi mari di-sini saya tidak akan bagi chan, Tuan Pengerusi, atas bawah, kiri kanan kalau boleh saya hendak rembat orang yang sa-macham ini.

Sa-lain daripada itu Talivishen, Talivishen, Tuan Pengerusi, saya suka supaya achara atau pun perkara² yang di-siarkan di-talivishen itu bukan sahaja merupakan news untuk tempatan, tetapi merupakan juga sa-bagai penerangan ka-luar negeri. Sebab di-wilayah Sumatera boleh di-katakan sa-paroh wilayah Sumatera itu mengambil gambar² talivishen itu daripada Malaysia, sa-hingga sampai ka-Danau Tuba. Berastagi saya pergi baharu ini, saya bertanya dapat Jakarta-kah, dia kata tidak, sedikit² dapat dari Singapura dan kebanyakan daripada Malaysia. Saya rasa ini jadi satu peluang bagi negara kita mengemukakan gambar² news yang juga boleh menarek negeri lain dan kata²-nya Menteri kita ini membuat juga beberapa ranchana untuk menyatukan Sumatera dengan Malaysia

ini dari segi penerangan, bukan memerintah kata-nya. Jadi, saya rasa kalau itu sudah dapat cerita bukan hendak memerintah Sumatera itu dengan Malaysia, hendak menyamakan dari segi penerangan. Saya sebut tadi bagitu. Saya tidak sebut politik dalam perkara ini. Jadi, kalau kita memandangkan peluang² yang ada yang di-beri oleh nature kepada kita nyata-lah usaha tangan kita itu kurang sangat, jadi kita membuang segala kemudahan² atau peluang² yang tumbuh di-alam kita ini dengan kita tidak membuat ranchangan² yang kongkret. Kalau Menteri kita ini dalam kesimpulan-nya, Tuan Pengerusi, tidak mahu mengubah chorak ini, saya rasa dia akan menemui satu chalun yang lawan-nya pada tahun 1969 di-kawasan-nya dengan chukup hebat pertarongan-nya.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kema-man): Tuan Pengerusi, saya menyokong penoh peruntukan bagi Kementerian Belia dan Sokan dan saya suka berchakap sedikit dalam Kepala B. 12, muka surat 150, Butiran 12—Bantuan kepada Badan² Belia Sukarela dan menggalak gerakan Belia. Sa-hingga ini Pusat² Pelbagai-guna dan segala kemudahan² sokan kita boleh dapati di-Ibu² Kota, di-bandar² besar yang mana sama ada di-dirikan oleh pehak Kerajaan, atau pun orang² persaorangan dan juga Badan² Sokan. Dan bernasib baik-lah mereka² yang barada di-bandar² dan di-tempat² yang saya sebutkan itu. Tetapi bagi belia² yang berada di-luar² kawasan bandar, di-daerah² yang tidak ada kemudahan² yang saya sebutkan di-atas itu tidak-lah dapat mereka menekmati kemudahan² tersebut, oleh itu untuk memberi keadilan yang sama kepada belia² juga yang berada di-luar² bandar, saya berharap bantuan² yang tersebut yang akan di-beri kepada badan² sokan dan juga Badan² Belia dan Kebudayaan hendak-lah di-beri keutamaan kepada Badan² Belia yang ada di-luar² bandar dan di-mana tempat yang tidak ada kemudahan² yang saya sebutkan itu. Dan kalau perlu patut-lah Kementerian ini memberikan satu peruntukan yang khas bagi pembangunan belia² di-luar bandar dalam lapangan² yang tersebut tadi. Sa-hingga belia² tersebut

tidak-lah lagi ketinggalan dalam lapangan soka, kebudayaan dan lain² lagi.

Kedua, menyentoh soal B. 36—Jabatan Penerangan. Saya suka juga menyentoh di-sini, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam masa yang akhir² ini unit² penerangan tidak-lah boleh di-gunakan bagitu mudah oleh mana² Pejabat Daerah dalam mana² perayaan yang di-adakan oleh Pegawai² Daerah walau pun ada sangkutan dengan ranchangan² Kerajaan, melainkan ada Menteri² Besar atau pun Menteri² Kerajaan sendiri yang hadir dalam perjumpaan yang sa-umpama itu baharu-lah dapat di-gunakan unit² itu. Sa-lain daripada itu mereka di-kenakan bayaran atau pun wang pertarahan sa-kurang²-nya \$100 dan \$150 maka ini menyebabkan banyak kesulitan² terutama dalam masa pertandingan Qura'an Peringkat Daerah baharu² ini ada daerah² yang melangsungkan pertandingan Qura'an-nya dengan tidak menggunakan microphone oleh sebab di-kenakan bayaran tersebut oleh pihak unit² daripada Jabatan Penerangan. Maka saya berharap kepada Kementerian ini memberi kelonggaran terutama sa-kali dalam Pertandingan² Qura'an yang kita langsongkan sa-kurang²-nya sa-kali sa-tahun lebeh² lagi kita tahu ugama Islam ia-lah ugama rasmi di-tanah ayer kita, maka perayaan² sa-macham itu patut-lah di-beri kemudahan supaya di-sebarkan ka-seluruh-nya. Apa yang saya tahu langkah yang di-ambil oleh Jabatan Penerangan ini ia-lah kerana pihak Jabatan Kerja Raya mengenakan juga bayaran² kepada orang² yang bekerja di-luar maka bagitu-lah pihak Jabatan Penerangan. Saya harap kalau-lah Kementerian ini tidak mempunyai peruntokan yang chukup saya menggesa kepada Kerajaan khas-nya kepada pihak Perbendaharaan memberi peruntokan² yang lebeh besar lagi pada masa akan datang kepada Kementerian ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bharu Barat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sadikit berkenaan dengan Rang Undang² ini dan saya menyokong-nya ia-itu B. 33, muka 393—Bahagian Pemereksaan Lesen. Saya suka hendak

menarek perhatian kapada Menteri yang berkenaan pada masa ini lesen² radio, motokar maseh lagi di-beri resip sa-umpama ini (menunjokkan bentuk resip) dan ini sangat menyukarkan kapada pembawa² kereta dan juga pemereksa²-nya untok menanyakan berkenaan dengan lesen radio. Saya suka hendak mengeshorkan; ini masok kali yang ketiga pada kali ini, patut-lah lesen radio itu di-buat sa-umpama lesen² kereta. Ini akan menyenangkan bagi pihak Pemereksa Lesen² Radio Motokar dengan sa-kali pandang sahaja pegawai² itu dapat tahu bahawa lesen radio itu sudah di-bayar atau pun belum, kalau tidak ini akan menyusahkan kapada tuan² punya kereta dan juga kapada pegawai² yang berkenaan, sebab dengan chara yang sa-macham ini boleh jadi hilang, boleh jadi tertinggal di-rumah kalau di-buat sa-macham ini (menunjokkan bentuk-nya) hanya di-tarok "R" di-situ ma'-ana-nya "radio" dan di-tampal kapada screen dan ini akan memudahkan bagi pihak pegawai dan kedua²-nya.

B. 34 juga Butiran (31) Pengelola Ranchangan. Saya suka juga menegor berkenaan dengan ranchangan di-masa maghrib. Biasa-nya kita orang Islam—orang Melayu terutama-nya sa-lepas sembahyang maghrib terus-lah mereka itu mengaji, atau pun berehat, atau pun membacha do'a dan sa-bagai-nya, tetapi malang-nya Radio Malaysia ini sa-lepas sahaja bang maghrib, maka terus di-mainkan lagu² padang pasir kadang² main lagu² ranchak sa-hinggalah pukul 7.00. Dari itu saya shorkan di-sini supaya sa-lepas sembahyang maghrib itu ta' usah-lah mainkan apa² juga lagu, hanya di-adakan pengajian Qura'an sa-hinggalah masa-nya pukul 7.00 dan habis maghrib. Ini satu kebaikan kapada kita semua, tidak ma'-ana-nya lepas bang itu terus mainkan lagu ranchak, jadi sa-olah² mempermain²kan ugama kita sendiri.

Dan B. 35, muka 411, Butiran (19) Pengelola Ranchangan Muzik. Saya suka hendak mengeshorkan berkenaan dengan Radio dan Talivishen ini biasa-nya mereka itu adakan peraduan seni nyanyi, seni tari dan sa-bagai-nya, tetapi pada masa ini hanya peraduan Muzik, Muzik, Muzik (Kugiran) sahaja.

Sa-patut-nya peraduan kita sa-macam ini di-adakan pancharan terus oleh pehak Talivishen ia-itu lagu² lama saperti gazal, lagu² baharu dan lagu² kugiran juga, dan juga seni tari, sebab ini akan mengecilkan perbelanjaan bagi pehak Talivishen mengadakan ranchangan terus-menerus hanya membeli hadiah² sahaja. Ini akan menarek lagi orang yang suka melihat Talivishen dan suka mendengar Radio, tetapi peraduan sa-macam ini hanya di-adakan di-Radio sahaja bahkan tidak di-Talivishen, itu-lah yang ada Muzik, Muzik, Muzik di-adakan bahkan yang lain tidak ada. Sa-bagaimana ada satu negara yang saya tahu mereka itu adakan peraduan macham ini, maka sangat menarek minat—kesukaan kapada orang ramai. Saya berharap bagi pehak Kementerian ini akan mengadakan macham² peraduan pada tiap² tahun. Dan juga patut-lah siaran gazal parti ini di-adakan di-talivishen saminggu sa-kali untuk menarek peminat² orang² yang sudah dewasa sadikit.

Tuan Pengerusi B. 35, muka 412, Butiran (47) Penyelia Ranchangan. Saya suka menarek perhatian kapada Menteri yang berkenaan ia-itu pada malam Juma'at yang telah lalu pada 16 haribulan Januari, 1969, di-adakan satu ranchangan membacha Qura'an di-Talivishen Malaysia, tetapi malangnya pada malam itu qari yang membacha itu tidak-lah memuaskan hati, oleh kerana dengan tajuit-nya, bачaan-nya sama sa-kali tidak betul, patut-lah di-adakan screen test dan juga test bачaan-nya sa-belum di-siarkan dalam Talivishen; ini sangat memalukan. Ini sangat mustahak, Tuan Pengerusi, sebab membacha Qura'an di-siarkan seluroh Malaysia, maka bачaan-nya tidak betul, ini sangat dukachita. Saya harap pada masa akan datang tiap² qari² atau qariah² hendaklah di-testkan dahulu oleh Pegawai² Ugama yang bekerja di-dalam Talivishen. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sadikit berkenaan dengan Kepala B. 33, muka 392—Siaran Perniagaan di-dalam Radio dan Talivishen. Keseluruhan-nya tidak ada

apa² tegoran yang saya hendak sebutkan hanya yang saya sangat² khuatir ia-lah tentang iklan rokok² yang, pada fikiran saya, sangat² memberi mudzarat kapada ra'ayat sakalian. Kita telah ma'alum bahawa penyakit cancer telah pun di-anggap oleh kebanyakan ahli² doktor ada-lah hasil daripada hisapan rokok ia-itu barah di-kerongkong atau pun di-paru². Perkara sama ada rokok ini puncia barah, atau tidak, telah pun hebat di-perbahatkan di-seluruh dunia, tetapi akhir-nya sa-tengah² negeri yang bertamaddun telah mengambil langkah untuk mengurangkan dan dengan perlahan² akan menghapuskan sama sa-kali tabi'at orang² di-negeri mereka itu daripada menghisap rokok.

Di-Amerika sa-tahu saya pembuat² rokok telah pun di-paksakan oleh undang² supaya mengchapkan berapa peratus-kah narcotine keluar daripada hisapan rokok itu dan juga ada ura² hendak di-paksakan pembuat² rokok menulis di-atas rokok-nya bahawasanya siapa² yang menghisap rokok itu ada-lah di-atas tanggung-jawab-nya sendiri, atau dengan lain² perkataan "smoking at the smokers own risk." Ada juga negeri² yang sedang membincangkan dengan serious-nya bahawa segala chara iklan rokok di-dalam negara itu akan di-tegah sama sa-kali.

Ketegahan² atau tindakan² ini membuktikan bahawa Kerajaan negeri² itu ada-lah takut di-atas akibat merokok. Berpuluh² buku telah pun di-tulis di-atas bahaya-nya merokok, di-samping itu beberapa buku pula yang telah dijual yang memberi kekayaan kapada penulis²-nya yang memberi petua² bagaimana hendak memberhentikan merokok. Begitu kuat-nya kerja² publicity untuk menchegeh merokok sa-hingga sekarang ini tidak lagi terdapat di-negeri² itu perasaan jika tidak merokok itu ada-lah kekurangan sifat kelakian atau sissy. Tetapi malangnya di-negeri kita ini di-radio dan di-talivishen kita boleh lihat iklan² rokok ada-lah di-beri segala kemudahan. Pada fikiran saya perbuatan ini ada-lah sangat² merbahaya kapada ra'ayat negeri ini istimewa-nya kapada kanak² yang sangat² tertarek di-atas gaya iklan

itu. Ada pembuat² rokok yang mengiklankan rokok²-nya itu ada-lah di-hisap oleh orang² yang berjaya, ada yang menyatakan rokok-nya sejok saperti udara di-gunong, ada yang memberi rekod penjualan rokok-nya yang menyatakan bahawa sa-nya rokok-nya itu-lah yang paling laris sa-kali di-jual di-dalam dunia ini, ada yang menyatakan rokok-nya itu berbalut emas dengan rasa-nya tidak ternilai (precious) dan berbagai lagi kata² yang telah di-kaji dari ilmu jiwa bagaimana hendak menarek orang² membeli bahaya itu. Maka sa-masa itu di-siarkan-lah pula gambar² di-dalam talivishen yang merupakan bagaimana lazat-nya menghisap rokok itu, umpama-nya, di-siarkan gambar² pemuda² yang kachak² dan pemudi² yang chantek² dengan gaya menghisap rokok itu, ada kala-nya pula di-siarkan sokan², atau perlumbaan² sokan sa-olah² membayangkan dengan menghisap rokok itu, maka orang itu akan lebeh handal dan kachak lagi.

Barangkali Kerajaan memikirkan wang hasil yang di-dapati daripada iklan rokok itu sangat banyak. Ini barangkali betul. Tetapi sa-masa itu kita berharap mogat² Kerajaan jangan menilaikan keselamatan dan kesihatan ra'ayat dengan wang ringgit. Barangkali pula Kerajaan akan mengambil perlindungan dengan mengatakan bahawa belum dapat di-sahkan lagi dengan sapasti²-nya rokok itu ada-lah puncha barah. Tetapi kita berharap Kerajaan akan menimbangkan di-atas segala tindakan negara² yang bertamaddun yang telah pun menchuba dengan bersungoh² untuk membuang perangai menghisap rokok di-kalangan ra'ayat²-nya oleh sebab bahaya barah ini. Jika akhir-nya kita telah pun mendapat pasti dengan tidak ragu² lagi bahawa merokok itu ada-lah puncha barah, apa-kah pada masa itu kita tidak terlambat untuk mengambil tindakan yang tegas pada masa sekarang.

Apa yang sangat² di-khuatirkan ialah kesan iklan² kapada kanak² dan fikiran mereka sangat²-lah mudah menerima iklan² yang di-tayangkan itu. Sa-lain dari itu orang² yang menghisap rokok mendapati mereka itu susah hendak memberhentikan perangai me-

rokok dengan kerana ia selalu di-peringatkan oleh iklan² ini kapada rokok-nya. Ada orang² yang memikirkan bahawa iklan² rokok dalam akhbar², majallah dan di-pangpong² wa- yang pun patut di-hapuskan bukan sahaja di-radio dan di-talivishen. Saya sangat² bersetuju di-atas fikiran ini, tetapi sa-bagai permulaan dan untuk memberi satu tauladan, saya shorkan Kerajaan jangan lagi menyiarkan iklan² merokok di-dalam radio dan talivishen. Sa-kurang²-nya jika tidak kerana bahaya² barah pun tetapi dengan sebab maka dengan berhenti-nya merokok ra'ayat akan menyelamatkan duit mereka itu daripada menjadi habu dan asap. Sakian-lah, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian dan menyokong atas peruntukan yang di-beri kapada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Saya ada dua tiga perkara yang hendak saya sentoh dalam hal belia, kerana saya pandang belia-lah selalu kita katakan pemuda harapan bangsa, dan dari itu Kerajaan juga telah mengambil berat dalam hal belia dan sokan. Pada masa sekarang ini kita sendiri ma'alum bahawa banyak belia² yang ada berselerak di-negara kita ini sedang menganggor, kerana tiap² tahun sekolah² telah mengeluarkan keputusan peperiksaan, maka banyak-lah belia² yang tidak lulus dalam peperiksaan, dan belia² ini menganggor dan dengan keadaan itu, maka belia² pada hari ini patut-lah kita kawal bagaimana kita dapat di-negeri² yang telah bertamaddun saperti Negeri Taiwan yang telah saya lawati pada satu ketika dahulu. Saya dapati banyak belia² yang lepasan sekolah tidak dapat peluang melanjutkan pelajaran dapat memasoki di-lapangan tentera kerana boleh jadi Kerajaan di-negeri itu berfikir bahawa belia² ini tidak patut di-biarkan begitu, dan dengan itu patut chadangan saperti itu di-teruskan belia ini ka-dalam lapangan askar. Dan dari situ-lah dilateh mereka² itu dalam beberapa bidang saperti pertukangan dan lain², untuk mendorong belia² ini kapada kechenderongan-nya masing². Maka

dari situ-lah harus belia² yang di-beri latihan bagitu akan dapat jaminan hidup pada masa akan datang. Dan saya harap juga pada Kerajaan kita supaya dapat memberi peluang yang sama pada belia² kita, dan pada masa sekarang ini keadaan belia² harus-lah di-kawal ketat oleh pihak yang berkuasa dengan perkembangan pengang-goran belia² yang tidak lulus sekolah sa-bagaimana saya katakan tadi dan tidak ada kemudahan untuk belia² menghabiskan masa-nya. Di-merata² kampong belia² berkeliaran kesana kemari yang boleh membawa kepada keadaan yang mereka masok dalam lembah jenayah. Perkara ini patut-lah juga pihak polis, Kementerian yang berkenaan dan badan² belia harus ber-sidang untuk mengawal keadaan ini. Kita tahu kebanyakan-nya pihak ber-kuasa chuma membuat persidangan atau perundingan dalam hal ini, tetapi hasil perundingan itu hendak-lah me-nitik-beratkan apa yang pihak ber-kuasa boleh memberi kepada belia², bukan sa-mata² menyuruh pihak belia² berbuat itu dan ini sahaja.

Saya suka juga menyentuh bersabit dengan penempatan Pegawai² Kebuda-yaan di-Negeri² dan di-Daerah². Dari-pada dahulu, daripada tahun yang lepas saya telah berchakap dalam hal ini. Ke banyakan pegawai² yang di-pileh men-jadi Pegawai Kebudayaan di-satu² daerah itu boleh jadi dengan sa-chara kebetulan terkena pada tempat saya, pegawai ini yang di-lantek itu tidak ada pengalaman dalam hal belia. Sebab-nya pada satu ketika dahulu—tidak tahu-lah di-negeri lain, tetapi di-negeri Kelantan dahulu-nya pertubo-han² belia agak-nya chergas sedikit daripada masa sekarang ini. Kita boleh menguchapkan terima kasih kepada pertubohan MAYC—Persatuan Kelab² Pemuda Pemudi Malaya pada masa itu, kerana banyak pertolongan² yang di-beri kepada pertubohan² Belia di-sana. Tetapi di-dalam daerah saya ada satu pertubohan belia yang mula-nya di-tubuhkan nama, Guchil Youth Club dan sekarang ini telah bertukar nama, kerana hendak memperluaskan kawasan keahlian di-tukar nama kepada Meng-kebang Youth Club di-bawah anjoran dan pimpinan MAYC dapat berjalan

dengan baik. Tetapi dukachita-nya pada masa ini ada sa-orang pegawai yang di-tetapkan di-situ tidak dapat hendak menjalankan tugas dengan sa-penoh-nya. Boleh jadi kerana pegawai itu tidak di-beri sa-chukup²-nya elaun perjalanan dan saya di-fahamkan ba-hawa pegawai ini di-beri tugas menjaga beberapa daerah ma'alum-lah hendak jaga dua tiga daerah tidak dapat-lah hendak di-kawal, boleh jadi itu-lah salah satu daripada sebab.

Yang kedua, saya rasa pegawai ini terlalu takut hendak mengadakan pe-nerangan dan cheramah² kepada pemu-da² khas-nya kepada pemuda² pertu-bohan politik. Ini tidak kena pada tempat-nya. jikalau sa-kira-nya Kemen-terian ini mengarahkan Pegawai Ke-budayaan, Belia dan Sokan dia itu menumpukan kepada pemuda² suka-rela sahaja maka patut-lah juga pega-wai ini di-perentahkan memberi pene-rangan, atau pun cheramah kepada pertubohan belia politik yang tidak bersangkut dengan politik dalam pene-rangan-nya itu seperti dalam bidang kebudayaan, dalam bidang belia dan sa-bagai-nya yang ada kaitan dengan pembentokan ikhlak dan semangat belia.

Dan juga saya harap pihak Kerajaan menumpukan sa-penoh tenaga kepada pertubohan² belia di-luar bandar bagaima-na sahabat saya berkata tadi. Di-sini saya suka juga menyentuh hal Talivishen di-negara kita ini. Khas-nya di-negeri Kelantan belum mempunyai saloran rasmi sedangkan lesen² talivi-shen telah pun lama di-kutip. Kalau talivishen ada saloran pun Kelantan tidak dapat menekmati kemudahan itu seperti-lah dalam masa Pertandingan Qur'an baharu² ini, walau pun pada masa itu ada dua saloran tetapi di-Kelantan tidak dapat mengikut saloran yang satu lagi. Hal ini pun patut di-baiki segera.

Dan juga suka-lah saya menyentuh bersabit dengan unit² pejabat penera-ngan. Di-daerah saya atau pun di-jaja-han Ulu Kelantan ada dua, unit Du-yong dan unit Darat tetapi sudah ham-pir 6 bulan unit darat itu terbengkalai kerana Land Rover-nya telah tidak boleh di-pakai dan sampai sekarang belum-lah lagi ada ganti-nya.

Saya harap dapat Menteri yang berkenaan menghantar segera Land Rover itu supaya dapat kerja² penerangan² di-jalankan seperti biasa di-dalam kawasan Ulu Kelantan dan lebeh² lagi untuk menjalankan penerangan² penting bagi Pilehan Raya umum yang akan tiba tidak berapa lama lagi.

Sekian, terima kasih.

Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit dalam perbelanjaan Kepala 12—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, Saya pertama sa-kali menguchapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah begitu bijak mengusahakan belanjauan dalam Kepala 12 ini.

Yang pertama sa-kali saya hendak menyentuh atas chorak atau chara pentadbiran Kementerian, yang kurang sangat sekarang mengutamakan perkara hal-ehwal belia tetapi seluruh-nya mengutamakan terlampau kuat, terlampau terang kepada kebudayaan dan sokan sahaja. Perkara atau pun masalah hal-ehwal belia ini sangat-lah besar, seperti perkara penganggoran, perkara perpindahan belia daripada luar bandar ka-dalam bandar, dan bermacam² lagi. Jadi sunggoh pun perkara kebudayaan dan sokan itu penting juga patut-lah rasa saya di-beri keutamaan lebeh² lagi kepada hal-ehwal, masalah dan chita² dan keadaan belia sekarang terutama sa-kali belia di-luar bandar.

Jadi saya suka hendak mengeshor-kan dengan kerana sokan pun ia-lah satu daripada aktiviti yang belia mengambil bahagian, dan dalam lapangan kebudayaan, badan kesenian, badan kebudayaan kesemua-nya belia juga-lah yang mengambil bahagian dan kita sentiasa hendak menggalakkan pertubohan² belia mengambil bahagian yang chergas lagi dalam kesenian, dan dengan itu saya suka mengeshorkan dan ini juga ia-lah ketetapan di-ambil di-seminar yang telah di-usahakan oleh pertubohan² belia kebangsaan di-Malaysia ini ia-itu nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan di-tukar kepada Kementerian Belia sahaja. Ini

ada-lah perkara yang sangat penting dalam fikiran saya sendiri juga.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, nampak-nya Kementerian sekarang suka menjalankan tugas mengadakan ranchangan² yang biasa-nya di-jalankan oleh badan² sukarela sendiri. Banyak-lah ranchangan² seperti menggalakkan tarian, mengadakan pesta dan lain² yang semua-nya ranchangan² yang biasa-nya dahulu di-jalankan oleh badan² belia. Jadi berma²ana semangat perjuangan, semangat bekerja, berkhidmat dengan chara sukarela itu telah di-kebelakangkan, Jadi sudah-lah rosak semangat itu sekarang ini dan barangkali pada satu hari kalau tidak di-jaga² barangkali semangat itu akan langsong mati. Jadi saya harap-lah kepada Kementerian supaya Kementerian ini menganjorkan banyak lagi perkara² yang lain. Seperti mengadakan satu badan co-ordinasi antara Kementerian², seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Buroh, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan lain² supaya satu ranchangan di-fikirkan dalam perkara penganggoran belia. Ini ia-lah perkara yang besar sa-kali dan saya perchaya kaki-tangan yang ada sekarang ini pun barangkali hendak mengkaji perkara ini dan menjayakan perkara ini pun tidak menchukupi. Jadi jangan-lah di-utamakan perkara² tarian, perkara menjalankan gotong-royong, biarkan-lah perkara ini kepada badan² yang sekarang ini menyelenggarakan dan belia sendiri menyelenggarakan. Jadi itu-lah saya chadangkan ia-itu mengadakan badan co-ordinasi di-antara Kementerian² supaya perkara penganggoran ini di-kaji, dan di-chari jalan bagaimana kita boleh mengatasi perkara ini.

Lagi satu perkara yang di-sebutkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Trengganu atas perkara menggalakkan kebudayaan lama, seperti mengadakan pertandingan layang². Ini pun suatu badan sukarela dahulu telah menjalankan juga pada tahun 1960, rasa saya pada masa Pesta Belia mengadakan pertandingan yang besar²an, tarian, layang², gasing dan lain²-nya, tetapi nampak-nya semenjak tahun

1964 sa-masa Kementerian di-tubuhkan, maka Kementerian sendiri hendak menjalankan Pesta. Dengan itu tidak-lah badan² belia lagi membuat dan menjalankan tugas-nya itu lagi. Dalam pada itu pula pada masa itu badan² belia telah menjalankan-nya dengan barangkali harga yang murah dan dengan menggunakan tenaga sendiri, belia sendiri, tetapi dalam Kementerian sekarang menjalankan Pesta, perbelanjaan-nya pun begitu tinggi dan sokongan daripada belia sendiri sangat-lah kurang. Perkara ini sangat-lah penting dan saya berhadap kepada Yang Berhormat Menteri mengkaji perkara ini lagi sa-kali.

Perkara yang saya sebutkan lagi tadi perkara yang ketiga ia-lah berkenaan dengan pemindahan belia² daripada luar bandar ka-dalam bandar. Ramai-lah pemuda² kita sekarang dan pemudi² juga daripada luar bandar datang ka-Kuala Lumpur, atau Ipoh atau Pulau Pinang hendak menchari kerja, sampai ka-bandar pula tidak ada satu badan untuk bertemu dengan mereka atau memberikan tempat mereka dudok, maka terbiar sahaja-lah di-Jalan Tuanku Abdul Rahman dan lain²-nya, maka anasir² lain² datang-lah merosakkan akhlak mereka itu. Jadi saya menchadangkan kepada Kementerian mengkaji perkara ini supaya di-adakan satu Reception Bureau atau pun satu badan supaya pemuda dan pemudi boleh ditempatkan di-satu hostel atau pun asrama untuk sa-chara murah sahaja dan di-situ ada barangkali badan² belia dengan sukarela-nya menasihatkan mereka, barangkali mencharikan tempat kerja, atau memberi tempat latehan, atau pun menasihatkan supaya mereka balek ka-kampong². Perkara ini sangat-lah penting, rasa saya kerana ramai-nya pemuda² sekarang dan pemudi² datang daripada luar² bandar ka-dalam bandar dengan tidak tentu hala sahaja.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, saya hendak tegaskan di-sini juga bahawa Kementerian telah melancarkan banyak ranchangan² tetapi nampak gaya-nya ranchangan² itu di-sediakan oleh Kerajaan, kemudian di-berikan kepada belia, jalankan-lah, berma'ana atas mengkaji ranchangan itu, membuat ranchangan itu daripada mula-

nya, planning sampai-lah kepada pelaksanaan, tidak ada belia sendiri membuat-nya. Jadi saya ingat sangat-lah salah sa-bagai dasar, kerana belia sendiri hendak berkhidmat, hendak bekerja dan mereka hendak memulakan ranchangan itu daripada planning stage sampai-lah kepada pelaksanaan-nya, tidak-lah Kerajaan membuat satu ranchangan—dan di-gunakan belia sa-bagai alat sahaja kepada Kerajaan. Jadi semangat bekerja, semangat berkhidmat itu kurang. Saya berharap sangat-lah supaya ranchangan² semua-nya biar-lah badan² itu mengambil bahagian daripada mula-nya sampai-lah kepada pelaksanaan-nya.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, yang sangat penting pada fikiran saya sendiri bahawa patut-lah pehak Kementerian yang telah di-tubuhkan lebih kurang empat lima tahun ini, patut-lah masa-nya telah datang supaya kita mengadakan suatu majlis atau Badan Penasehat Belia di-Peringkat Kebangsaan. Sekarang Kementerian mengadakan ranchangan²-nya dengan jalan bersendirian sahaja, dengan ada-nya kerjasama daripada badan² belia, dan badan² belia pun menjalankan tugas-nya sendiri juga, dan tidak-lah ada satu co-ordinasi di-antara kedua dan yayasan lain², badan² yang lain pula mengadakan progrem² bagi belia. Maka saya perchaya bahawa tenaga kewangan boleh di-kurangkan, atau pun boleh di-gunakan dengan faedah yang lebih jikalau kita dapat satu co-ordinasi antara ranchangan² yang dijalankan oleh Kementerian, badan belia, dan badan² yang lain yang suka hendak membantu belia. Saya menchadangkan satu Majlis Penasihat Belia bagi Peringkat Kebangsaan di-adakan dengan sa-chepat mungkin supaya kita boleh bersama² mengkaji keadaan belia sekarang dan mengator ranchangan² dan barangkali juga dapat kita menchapai satu dasar Belia Kebangsaan, (National Policy) yang berintergrasi atau pun berkebulatan.

Jadi itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak tegaskan di-sini, ia-itu tiga empat perkara yang sangat penting, ia-itu perkara² yang sudah dikaji oleh Badan² Belia Kebangsaan sendiri dan rasa saya jikalau Kerajaan

sendiri tidak dapat bersama² dengan Badan Belia untuk menjayakan chita² mereka itu, maka pada satu hari barangkali akan rosak-lah perjalanan belia sendiri dan rosak-lah keadaan masyarakat yang belia ini sekarang hendak bersama² memperbaiki. Terima kasih.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, dalam menyokong perbelanjaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Penerangan, saya suka-lah mengambil bahagian sedikit sahaja.

Yang pertama pada muka 150, Pechahan-kepala 12—Bantuan kepada Badan² Belia Sukarela dan menggalakkan gerakan Belia. Ramai rakan² saya telah berchakap tadi berhubung dengan belia, saya juga merasa estimate \$215,000 yang di-beri kepada peruntukan ini ada-lah sangat kecil kerana apa yang di-terangkan baharu² ini oleh rakan saya, bantuan kepada Badan² Belia ini patut sangat-lah dilebihkan kerana belia² yang menjalankan kerja sama ada di-peringkat negeri, atau pun peringkat daerah dan kampung sa-mata² dengan chara sukarela, pada hal kerja² yang di-buat oleh belia kebanyakan yang di-pimpin hendak melateh supaya belia ini boleh dapat berdiri di-atas kaki sendiri. Jadi ini diminta supaya Yang Berhormat Menteri dapat meminta lagi kepada Kementerian Kewangan satu peruntukan yang besar bagi memimpin belia dan saya tertarek hati apa yang di-katakan oleh rakan saya baharu² ini, patut-lah Yang Berhormat Menteri dapat melantek sa-buah Badan Majlis Belia Kebangsaan untuk menyusun dan mengator kedudukan belia yang telah tumbuh, badan² di-seluruh tanah ayer kita ini supaya dapat kita memberikan bermacam² panduan dan pimpinan untuk keselamatan belia sendiri.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, muka surat 399 Pechahan-kepala 17—Charum kepada BERNAMA. Saya suka-lah memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kepada Pegawai² BERNAMA yang menjalankan tugas dengan baik, walau pun baharu enam bulan BERNAMA ini

dapat menjalankan tugas-nya di-tanah ayer kita, tetapi dia telah dapat mengeluarkan siaran dalam dua bahasa, ia-itu bahasa Melayu dan Inggeris. Hanya saya berharap pada peringkat yang kedua nanti perkhidmatan BERNAMA ini akan dapat di-luaskan perkhidmatan-nya ka-Malaysia Timor dengan sa-berapa segera, kerana memandangkan pilehan raya kebangsaan telah hampir. Ada lebeh baik Kantor Berita Nasional kita sendiri melaporkan berita² Pilehanraya Malaysia Timor itu daripada bergantung kepada berita² asing.

Sa-lain daripada itu terlanjur saya berchakap berhubung dengan BERNAMA saya mengikuti kedudukan tempat BERNAMA ia-itu Pejabat. Pada saya sangat-lah tidak sesuai di-letakkan Pejabat BERNAMA ini, terlampau kecil pada saya-lah, kalau salah, minta ma'af kepada Yang Berhormat Menteri dengan tugas² pegawai itu bekerja, dan di-harapkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat menchari jalan supaya sa-buah beaan bangunan baharu untuk Pejabat BERNAMA itu dapat di-buat dan bukan sahaja Pejabat-nya, tetapi nasib pekerja² yang menguruskan BERNAMA itu juga harus mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri ia-itu tentang gaji-nya.

Yang ketiga pada muka surat 425, Pechahan-kepala 3 berhubung dengan Pelajaran Tata Ra'ayat. Walau pun pada tahun sudah chuma \$28,000 di-untokkan, dan tahun ini juga di-untokkan \$28,000 saya berpendapat juga peruntukan ini ada-lah sangat kecil, kerana ada kampung² yang tidak dapat di-datangi oleh lori² atau kereta² penerangan, maka mustahak-lah diadakan Pelajaran Tata Ra'ayat kepada ra'ayat dalam kawasan ini untuk memberi penerangan kepada ra'ayat yang pada masa ini sangat menjadi penerangan yang mengelirukan ra'ayat, terutama sa-kali berhubung dengan pilehanraya. Ada da'ayah² mengatakan, harus barangkali ini datang-nya daripada Parti Buroh, jangan orang ramai keluar mengundi dalam Pilehanraya Kebangsaan nanti dan dengan memberikan sebab² yang ma'akol agak saya kepada orang ramai. Jadi untuk

hendak menangkis perbuatan penghasut² untuk hendak merosakkan pilihanraya akan datang itu kena-lah Jabatan Penerangan sa-lain daripada menggunakan alat² penerangan wayang gambar dan lain², maka pelajaran tata ra'ayat ini dapat di-jalankan lebeh meluas lagi. Dengan itu belanja patut-lah dapat tambahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Berhubung dengan kereta dan alat wayang yang di-berikan peruntukan sa-banyak \$1,000 ini, ini juga harap mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri kita. Di-kawasan saya kalau tak silap saya, di-Jasin kereta wayang gambar atau hubungan raya itu telah di-bawa balek ka-Melaka. Jadi sentiasa kalau berkehendakkan susunan, mesti daripada Melaka sahaja. Ini menunjukkan kekurangan kereta perhubungan raya, pada hal dalam kawasan Jasin ramai penduduk-nya dan kalau boleh bukan satu kereta yang di-kehendaki, sekurang²-nya dua kereta di-kehendaki dan kereta itu hendak-lah baik. Terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Speaking under Head B. 12, Sir, the Ministry of Culture, Youth and Sports, I would like to start by saying how grateful the Hindu community is to the Selangor Government in particular and to this Ministry for the assurance given to them that the Batu Caves will be properly looked after and preserved. I had the privilege of speaking on this matter last year, Sir, and following what I spoke in this House we were given an assurance and the Hindu community showed their gratitude by inviting the Mentri Besar and publicly thanking him on the occasion of *Thaipusam* last year.

The second point that I would like to mention is, Sir, that the Government has rightly created this Ministry of Culture, Youth and Sports, so that we can look after the youths who will be the guardians of tomorrow, and we want them to have healthy minds in healthy bodies. Many of our best athletes spend their time, their money and their energy in training themselves

for athletics and sports. They are sent abroad by the Government and, if successful, they bring good name and glory to their country. If a man spends his time in studying for his subjects, say, law or medicine, he becomes a better lawyer or a better surgeon and increases his income thereby, but if a sportsman, who spends most of his time and the best part of his energies in training for athletics, is not given proper encouragement or proper remuneration, I consider that to be not a correct way of encouraging our young sportsmen. Many of our sportsmen who have gone abroad and have done well are from the Police and from the Armed Forces. Therefore, I would appeal to the officials of these two Departments and other Departments where these athletes may come from that they should be given special consideration, because if the time they had spent in training had been spent otherwise, they would perhaps have been able to gain better promotions. I do hope that these athletes are given special consideration when promotions are considered.

Next, Sir, I would like to speak on Head B. 33—Ministry of Information and Broadcasting. Unfortunately, Sir, I am not in a position to know how many films this Ministry has produced, but I have seen several of them which are of a very high standard. I would like to make a small suggestion, Sir, that more films should be made of local festivals. We in Malaysia are what is called our "Instant Asia". We have Chinese festivals, the customs of which might change in twenty years and which during the last twenty years have changed; we have Hindu festivals; we have Christian festivals; and we have Hari Raya. It would be an interesting thing for this Ministry to preserve these films, and selections from them might be sent abroad as a tourist attraction, so that the tourists may know what they can expect in Malaysia.

In this connection, Sir, I would even suggest that films be made of different areas. For example, Port Dickson is entirely different from Ipoh. Ipoh has got its historic caves and special mining

areas. In Port Dickson, Sir, we have one of the best beaches in the country, we have a lighthouse which is the oldest in this part of the world, we have a fort, Fort Lukut, which has been declared a historical place, we have in Pasir Panjang, correct me if I am wrong, what they call *Batu Hidup*, stones which are supposed to grow and there are some graves there which are supposed to be a few hundred years old. If a film were made about Port Dickson with all these things included, it will be a very good attraction for the tourists to visit that area and it will be a great help to the guides in showing them the places of interest.

Next, Sir, I would like to speak on Head B. 35, item (1), Director of Television. In this case, Sir, I am very happy to read on page 163 of the Budget Summary that the number of television sets has increased approximately by 20,000 for the whole of 1968. Now, this, Sir, I would say is a compliment to the Department for showing interesting programmes and I think it is also an indication of the prosperity of the country. If the country was prosperous, and the programmes were lousy, the people would prefer to spend their money in some other way rather than buying television sets. Therefore, in this, Sir, I would like to compliment the Ministry for showing interesting programmes which has been the reason for 20,000 households buying 20,000 new sets. The next item that I am very pleased to read is that in the very near future we might be having two channels. In fact, we had expected television to have two channels by the end of last year, but knowing that they are moving into a new place and having their teething troubles, I hope in the very near future we should have two channels and many of us hope that if Singapore can see our television programmes, I think we should also be able to see Singapore programmes in Malaysia. In this connection also, Sir, I would refer to page 414, item (96), Design and Staging Service. This has been very often complimented by visiting friends as of a very high order, and I do hope that the Minister will pass on this compliment to the officers,

who are responsible for the designing and arranging of the background of the various shows. Thank you.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran dan di-samping itu menguchapkan sa-tinggi² tahniah kerana Kementerian-nya yang telah menjalankan pekerjaan² mendidik kebudayaan belia dan sokan dengan begitu baik pada beberapa tahun yang telah lalu yang telah mendapat kepujian daripada negeri² luar daripada Malaysia.

Walau bagaimana pun pada pandangan saya dan pada pendapat saya maseh ada lagi kekurangan yang patut-lah pada masa yang akan datang kita champor dengan chara sedikit sahaja Kementerian ini menjadi satu daripada Kementerian yang boleh di-utamakan. Di-dalam lapangan kebudayaan, mithal-nya, saya berasa tidak berapa puas hati dengan tayangan², tarian² yang telah pun di-katakan oleh sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat tadi, tarian champor, ada daripada Barat, ada daripada Malaysia ada daripada sa-belah Timor dan demikian juga di-dalam lapangan musik. Sekarang ini kita hendak menchari musik yang betul² asal-nya Melayu barangkali sudah tidak dapat dengan sebab pengaruh daripada musik² yang datang daripada luar negeri yang sa-tengah²-nya sa-bagai yang saya katakan tadi meniru dan di-jadikan daripada puncha kesenian kita sendiri. Wal hal-nya tidak begitu.

Dan di-dalam perenggan yang kedua-nya ia-itu di-dalam Penerangan dan Penyiaran, saya suka juga memberi sokongan yang penoh, kerana penyiaran ini ia-lah satu perkara yang mustahak sangat di-jalankan dengan giat-nya, tetapi saya berasa di-sini juga ada kekurangan, kalau sa-kira-nya sa-bagaimana Tuan Pengerusi sendiri mengetahui apabila sa-orang daripada kita pergi melawat negeri² asing, mereka itu selalu-nya tidak tahu apa dia Malaysia dan di-mana duduk-nya dan bagaimana gaya orang-nya dan kalau sa-kira-nya

penyiaran kita di-perkembangkan kepada negeri² di-sabelah Barat dan juga di-sabelah Timor barangkali ada baiknya mengenalkan Malaysia dan gambaran Malaysia kepada orang² yang tidak dapat peluang hendak melawat negeri Malaysia ini dengan sa-chara bersendirian.

Sa-lain daripada itu kerja di-dalam negeri berkenaan dengan Penyiaran atau pun Penerangan, saya rasa ada juga kekurangan-nya kalau pada masa yang dahulu ada saya pernah beruchap di-dalam Majlis ini meminta penerangan² ia-itu penerangan itu di-hantarkan dan di-sebarkan lebeh luas lagi ka-semua wilayah dan di-dalam kawasan saya sendiri saya tahu dengan keadaan banyak kampong² itu susah hendak di-sampaikan dengan chara menjalankan kereta yang beroda empat, berkehendakkan motobot, berkehendakkan sampan. Jadi banyak kerja² di-dalam kampong² yang saperti itu telah tertinggal dan orang² kampong itu ada bersungut ia-itu kenapa Kementerian ini tidak menjalankan atau pun Pejabat Penerangan tidak menjalankan tugas² yang di-jalankan di-dalam kawasan² yang lebeh senang dan sampai.

Maka dengan ini saya rasa memadaïlah saya memberi pandangan di-dalam ruangan ini dan saya lagi sa-kali menyatakan dan mengulang ia-itu kepada keseluruhan-nya Kementerian Yang Berhormat Menteri patut sangat-lah mendapat kepujian tahniah daripada kita. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, menyentoh Kepala 12—Kementerian Kebudayaan Belia dan Sokan. Saya menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri di-dalam ucapan-nya yang panjang lebar pada pagi tadi. Beliau telah menyentoh berkenaan dengan peruntukan wang dari Kementerian-nya yang agak-nya ada berkurangan daripada apa yang di-minta-nya. Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri kerana memandangkan, bahawa Kementerian ini sangat mustahak, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya hendak berchakap di-sini berkenaan dengan “The growing of the youth population”. Jadi bilangan

pemuda negara kita makin sa-hari sa-makin bertambah dan saya menyokong apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara pagi tadi bahawa belia² ini harus-lah kita mengambil perhatian yang berat kepada mereka kerana pada hari ini kalau kita bacha dalam surat khabar pada tiap² pagi, maka kita akan dapati berita² yang tidak di-sukai umpama-nya belia² merompak kereta dan lain² lagi.

Jadi walau bagaimana pun usaha yang bersungguh² telah di-jalankan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sokan ini untuk mengatasi masaalah² yang tersebut, akan tetapi soalan yang besar yang sedang di-hadapi oleh Kementerian ini ia-lah kekurangan wang. Ini-lah satu masaalah yang besar dan

Tuan Pengerusi: Masa-nya sudah chukup. Meshuarat ini di-tangguhkan sampai pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Menyambung ucapan saya pagi tadi berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, saya telah menjelaskan di-sini bahawa masaalah yang paling besar sa-kali yang sedang di-hadapi oleh negara kita pada hari ini ia-lah masaalah youth population, atau bilangan belia² yang makin sa-hari sa-makin meningkat dan daripada perkembangan yang tersebut, maka banyak-lah perkara² yang rumit yang akan di-hadapi oleh negara kita pada masa yang akan datang. Rakan saya

dari Segamat Utara telah menerangkan dan telah mengshorkan dalam Dewan ini beberapa perkara yang harus diambil perhatian oleh Kementerian ini berkenaan dengan perkembangan dan kehendak² belia itu. Tetapi masaalah yang tersebut, Tuan Pengerusi, adalah berkehendakkan pada orang yang banyak. Dan dalam soalan wang, Tuan Pengerusi, tentu-lah sama² kita memerhati kepada belanjauan yang sedang di-bentangkan di-dalam Dewan ini semakin bertambah banyak pada tiap² tahun. Apa yang saya rasa, Tuan Pengerusi, kepada kita memerhatikan kepada negara² seperti Amerika, Jerman dan lain² lagi bahawa tanggung-jawab berkenaan dengan memperkemaskan kemajuan belia² ini, bukan hanya tanggung-jawab kepada Kerajaan sahaja, bahkan tanggung-jawab itu ada-lah meliputi bagi ra'ayat seluruh-nya di-dalam negara yang tersebut. Dan di-sini saya mengshorkan oleh kerana negara kita Malaysia ini bukan sa-buah negara yang miskin dan sa-buah negara yang boleh mendapatkan wang jika sa-kira-nya Kementerian yang berkenaan ini mengambil tanggung-jawab umpama-nya menubuhkan Yayasan Pemuda atau Youth Foundation. Jadi, dengan ada Yayasan Pemuda atau Yayasan Belia ini, maka dapat-lah Yayasan itu memberi banyak bantuan² dan pertolongan² kepada Belia² atau Persatuan Belia Sukarela dan sa-bagai-nya yang dalam negara kita pada hari ini tumbuh sa-bagai chendawan, tetapi kelab² yang tersebut tidak dapat menjalankan projek² mereka oleh kerana mereka hanya semata² mengharapkan bantuan daripada Kerajaan. Jadi, dengan ada-nya Youth Foundation ini saya perchaya, maka banyak-lah usaha² yang dapat kita laksanakan untuk kebaikan dan kebajikan pemuda.

Tuan Pengerusi, berubah saya pada siaran Radio dan Talivishen. Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kalau kita bacha dalam akhbar pada tiap² hari, maka kita akan dapati ada ruangan yang di-sebut siaran Radio dan Talivishen. Jadi, dalam siaran Radio dan Talivishen ini kita dapati mula-nya dalam progerem itu Radio Malaysia, Radio Singapura, TV Malaysia, TV

Singapura. Tuan Pengerusi, saya mikirkan Malaysia pada hari ini sudah menjadi sa-buah negara yang Merdeka dan berdaulat, jadi saya tak tahu, Tuan Pengerusi, apa-kah sebab-nya maseh di-dalam siaran² tersebut ada lagi termasuk Radio Singapura, pada hal kita tak ada kena mengena dengan Singapura dan kita tidak ada lagi perjanjian² kesenian atau kebudayaan dengan Singapura. Kita perhatikan sa-pintas lalu, itu tidak memberi kesan apa² kepada kita, tetapi kalau-lah kita perhatikan dengan sa-benar²-nya, maka kita dapati bahawa ini satu da'ayah yang sangat halus yang akan mengena jiwa terutama sakali anak² kita. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, saya ada sa-orang anak panakan (anak saudara) yang umur lebeh kurang 8 tahun yang dudok di-Johor Bahru, kemudian dia balek ka-Perlis, manakala hendak membukakan siaran Radio Malaysia, dia kata ayah tak mahu dengar Radio Malaysia, saya hendak dengar Radio Singapura, kerana Radio Singapura siaran-nya lebeh baik daripada siaran Radio Malaysia. Jadi, ini penyakit yang mana saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini dan kalau boleh-nya kerana kita ada perhubungan rapat dengan Indonesia, ada lebeh baik-nya, kalau ranchangan² yang di-siarkan daripada Radio Indonesia umpama-nya Medan, Jakarta dimasukkan dan di-ganti tempat Radio Singapura itu. Dan kita juga tidak berkehendak bahawa siaran kita itu di-siarkan dalam Singapura, kerana kita telah menjadi sa-buah negara yang merdeka, maka kita akan berikhtiar membuat perhubungan kita dengan negara² yang ada perjanjian dengan kita umpama-nya Indonesia, maka sudah sa-patut-nya siaran² daripada Radio Indonesia itu di-masukkan dalam siaran seperti yang ada dalam akhbar pada hari ini. Jadi sekian-lah ucapan saya Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bharu): Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan dengan sa-penoh²-nya di-atas Anggaran Perbelanjaan yang di-buat oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran, satu Kementerian yang penting untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka surat 426, Pechahan-kepala 14—Penggantian Alatan Pembesar Suara. Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan berchadang revolusi mental saya sangat bersetuju, tetapi dalam memberi pembesaran suara pun kita misti chari yang baharu. Sekarang saya lihat di-pakai dalam kereta penerangan amplifier itu selalu rosak. Dan saya lihat kalau ada baharu pun, kalau tak silap saya buatan “made in Italy”, maka alat ini di-gunakan kuasa battery sangat kuat, tak boleh di-gunakan, kalau tak silap saya dekat 5 atau 6 jam dan vibrator itu boleh rosak kuasa battery pun habis tak boleh pakai.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya ada kursus tata ra'ayat ini di-jalankan oleh Pejabat Daerah, atau Pejabat Penerangan, tetapi dalam kursus itu Pegawai Penerangan Daerah Kulim telah berkata yang dia tidak sanggup pakai amplifier untuk kursus itu, kerana dia ada terima satu arahan daripada Kementerian Penerangan, sebab kursus tata ra'ayat itu mengambil masa sa-kurang²-nya satu hari, jadi saya tidak faham tentang perkara ini benar atau tidak, saya minta Menteri yang berkenaan memberikan penjelasan.

Dato' Pengerusi, saya shorkan kepada Menteri yang berkenaan menggantikan alat pembesar suara yang baharu itu dengan transistor set seperti Yang Berhormat Menteri yang berkenaan buat revolusi mental ia-itu transistor set itu ada-lah satu benda baharu. Saya boleh beri tahu Hifax Hypex atau TOA mempunyai kuasa 50 watt dan boleh berchakap kuat. Harga-nya lebeh kurang \$600 sahaja dan yang lain²-nya tidak guna juga, speaker semua-nya ada baik, chuma ditukarkan amplifier sahaja. Dan jikalau hendak pakai seperti untuk 100 atau 200 orang, kita boleh beli satu perkakas yang kechil 18 watt dia boleh gunakan beteri torch light 8 beteri 12 volts dia boleh pakai 10 jam—itu tidak susah—tidak ada rosak. Dan menggunakan itu seperti yang saya sebutkan 50 watt itu menggunakan beteri-nya pun banyak kurang, kerana dia tidak makan kuat kepada beteri itu. Amplifier ini boleh di-gunakan banyak masa

sekarang dia tidak rosak. Saya memberi pendapat saya ini kepada Menteri yang berkenaan harap-lah di-timbangkan perkara yang tersebut, terima kasih.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada wakil² yang telah beruchap mengenai Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan Kementerian Penerangan dan Penyiaran, dan di-atas tegoran² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat itu saya uchapkan sa-tinggi² terima kasih.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, menjelaskan satu persatu berkenaan dengan tegoran² yang telah di-buat oleh wakil² atau Ahli² Yang Berhormat tadi ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara telah menchadangkan atau membuat beberapa chadangan, satu daripada-nya ia-lah supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini mengadakan tempat sa-bagai camping site di-seluruh Malaysia kita supaya dapat-lah pemuda² atau student dari satu masa ka-satu masa berjalan mengembara di-tanah ayer kita ini tempat mereka dapat berhenti dan bagitu juga kalau ada pehak² akan mengadakan picnic umpama-nya ada tempat² yang dapat mereka singgah. Jadi, dalam perkara ini saya sendiri menguchapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu sunggoh pun saya tahu bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan sedang membuat berbagai² ranchangan umpama-nya sa-bagai Pusat Pelbagai-guna dan juga kita akan mengadakan kemah² kerja sa-bagaimana yang akan di-adakan di-Morib yang saya akan buatkan satu kemah yang menyerupai sa-bagai sa-buah kemah yang ada di-Jepun ia-itu di-Kozemba di-mana pemuda² baik, pelajar² baik, atau mana² pehak pun yang ingin menggunakan tempat yang demikian sa-lama sa-minggu, atau dua minggu boleh-lah menggunakan dan akan di-sediakan kemudahan², ada caretaker yang akan menjaga rumah itu dan dengan jalan yang demikian boleh-lah, dapat kita memberi peluang kepada pemuda² kita.

Tetapi chadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan camping site itu saya akan timbangkan perkara itu, dan saya akan meminta Kementerian berurus dengan Negeri² supaya dapat-lah di-laksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara juga telah mengeshorkan supaya di-adakan kemudahan² perjalanan umpama-nya dia meminta soal kerjasama Kementerian atau Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, atau pun Menteri Perdagangan dan Perusahaan supaya dapat-lah di-adakan kemudahan² kepada pelajar² umpama-nya hendak mengembara daripada satu tempat ka-satu tempat di-bagi special concession bagi kapal terbang atau pun keretapi dan berbagai² lagi kemudahan yang demikian itu, itu pun saya rasa akan dapat di-timbangkan dan saya akan berchakap dengan Menteri yang berkenaan ia-itu Menteri Pengangkutan.

Satu lagi shor Ahli Yang Berhormat daripada Segamat Utara ia-lah berkenaan dengan Kementerian itu patut mengadakan sa-buah research ia-itu untuk mengkaji mendalami atau menyiasat berkenaan dengan kebudayaan Malaysia kita. Walau pun perbincangan berkenaan dengan kebudayaan ini sudah boleh di-katakan selalu sangat di-perbincangkan dan banyak shor² telah di-buat oleh Kementerian saya sendiri supaya Kementerian ini dapat mengadakan satu konsep kebudayaan Malaysia yang sa-benar²-nya, ada sampai di-adakan forum di-antara Parti² Pembangkang baharu² ini untuk memberi apa-kah konsep-nya kebudayaan Malaysia kita ini, tetapi akhirnya mereka juga tidak dapat hendak menunjokkan satu pun keputusan konsep apa-kah yang di-kehendaki. Jadi, dalam masaalah ini, masaalah kebudayaan ini, Tuan Pengerusi, bukanlah satu perkara yang dapat kita buatkan di-atas kertas hitam dan puteh, kerana kebudayaan ini ada-lah satu perkara yang bergerak, satu perkara yang mengikut perjalanan politik, ekonomi, social—perubahan² yang terjadi di-tanah ayer dari satu masa ka-satu masa. Jadi, kita tidak boleh mengatakan bahawa kebudayaan sa-suatu negeri itu mesti-lah di-chorakkan A, B, C, D, E dan F, jadi tidak boleh lari daripada ini, jadi tidak dapat. Saya

mengkaji banyak berkenaan dengan kebudayaan² di-negeri² lain pendek-nya perkembangan kebudayaan ini berjalan mengikut perkembangan dalam negeri itu, sejarah dia, economic development, social progress, political progress—semua-nya ada-lah kena mengena dengan perkembangan kebudayaan. Tetapi sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara tadi, saya bersetuju. Kalau kita adakan satu research ia-itu pada masa ini kita tahu kebudayaan Melayu kita katakan patut-lah di-jadikan sa-bagai teras kebudayaan national atau kebudayaan Malaysia memang kita katakan dan saya bersetuju dengan kata Ahli Yang Berhormat tadi ia-itu kalau kita katakan begitu dengan tidak ada research jadi akan membangkitkan salah faham, ada pehak² yang mengatakan kebudayaan Melayu kalau di-sebutkan kita hendak jadikan sa-bagai teras kebudayaan national, nanti ada pehak mengatakan ini racial, ini communal, tidak patut hendak di-adakan, tidak patut ini di-asaskan di-atas kebudayaan Melayu, tetapi sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi juga saya bersetuju dan saya akan menjalankan perkara ini dengan research ini kelak kita akan tunjok bahawa kebudayaan Melayu yang ada pada hari ini yang hendak kita jadikan teras kebudayaan national kita ini ia-lah kebudayaan yang sa-benar-nya sudah ada kebudayaan China, sudah ada kebudayaan India, sudah ada kebudayaan Arab, sudah ada kebudayaan Iban, sudah ada kebudayaan macham² berchampur-adok di-dalam kebudayaan kita yang menjadikan kebudayaan Melayu yang ada pada hari ini termasuk-lah kebudayaan Islam. Jadi, ini-lah kebudayaan Melayu yang sa-benar-nya dan ini-lah saya katakan kalau kita sudah ada penyelidekan yang sa-benar-nya dapat-lah kebudayaan Melayu ini di-terima dan tidak dapat lagi di-salah fahamkan mengatakan ini kebudayaan sa-mata² satu golongan atau satu kaum, kerana sudah ada kebudayaan Islam pun di-situ, kebudayaan Hindu pun ada di-situ, kebudayaan China pun ada di-situ dan kebudayaan lain pun ada di-situ. Jadi memang menjadi harapan saya, Tuan Pengerusi, hendak mengadakan research dalam perkara ini,

kerana saya perchaya saperti saya katakan tadi kebudayaan kita tidak dapat hendak kita buat satu persatu; A, B, C, begitu—tidak dapat, semua-nya ini ada-lah akan mengikut perkembangan yang terjadi di-dalam negeri kita, tetapi sa-bagai asas kebudayaan nasional itu sa-bagaimana saya telah tegaskan berkali² kebudayaan Melayu ini-lah akan menjadi teras kebudayaan nasional dan segala kebudayaan² lain yang ada di-tanah ayer kita ini akan menjadi penyokong, membantu, memperkuatkan lagi kebudayaan nasional kita. Jadi, saya akan adakan satu badan mengkaji tentang kebudayaan Melayu kita ini dan akan kita bahagi²kan atau pun akan kita pechah²kan di-mana-kah kebudayaan China yang ada di-dalam kebudayaan Melayu hari ini, di-mana-kah kebudayaan India yang ada di-dalam kebudayaan Melayu hari ini, di-mana-kah kebudayaan Islam yang ada di-dalam kebudayaan Melayu hari ini. Dengan jalan yang demikian saya rasa dapat-lah semua pehak nanti menerima bahawa kebudayaan Melayu ini menjadi asas kebudayaan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi telah membuat beberapa shor ia-iu satu daripada shor-nya saya rasa saya dapat terima ia-itu-lah untuk mengadakan satu festival, festival of culture atau festival kebudayaan. Saya rasa belum ada lagi. Kita sudah buat dahulu sa-kali, dalam tahun 1955 telah di-buat oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan dalam masa 10 Tahun Merdeka kita telah buat sedikit sa-banyak berkenaan dengan festival kebudayaan ini. Tetapi kalau berkehendakkan lebih tepat lagi barangkali saya pun rasa patut juga kita buatkan sa-kali lagi satu festival kebudayaan ia-itu sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita kajikan satu persatu dan kita masukkan dengan lebih banyak lagi perkara² kebudayaan yang sa-patut-nya di-perkembang dan di-perhidupkan semula pada hari ini. Tetapi saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Bangsaawan pada hari ini sungguh pun agak-nya memang-lah pada pandangan Ahli Yang Berhormat tadi agak-nya akan mati kalau sa-kira-nya tidak di-ambil

tindakan. Kementerian saya sendiri, Tuan Pengerusi, telah mengambil langkah ia-itu dengan sebab itu-lah dengan kerana kita telah mengambil langkah hari ini Bangsaawan ini sudah di-adakan dan di-masokkan di-dalam talivishen dan sengaja saya masokkan dalam talivishen tiap² minggu supaya dengan jalan yang demikian akan di-hidupkan kembali dan Bangsaawan itu tidak-lah dia mati terus. Dalam pada itu pur. saya mempunyai chadangan lagi ia-itu kita akan mengadakan sa-buah panggong negara. Manakala ada panggong negara ini kelak di-situ akan saya chuba menghidupkan balek Bangsaawan ini. Kita akan adakan pertunjukan Bangsaawan ini barangkali tiap² minggu. Ini-lah saya menunggu sampai kesiapan panggong negara kita ini.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat itu juga ia-itu Muzium Negara kata dia patut-lah mengadakan bahan² sejarah ia-itu bahan² sejarah yang menunjukkan sejarah perkembangan negara kita ini dari zaman sa-belum kedatangan ugama Hindu sampai kedatangan Islam sampai-lah sekarang ini. Jadi, dalam masaalah itu saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu ia-itu memang telah ada di-dalam Muzium pada hari ini, memang ada di-dalam Muzium kita tempat² yang menunjukkan sejarah Malaysia daripada Zaman Batu, daripada zaman kedatangan pengaruh Hindu, kedatangan Islam. Kerajaan Melaka dan sejarah Kerajaan² Negeri Tanah Melayu termasuk peristiwa² yang penting sa-sudah merdeka ada di-pamerkan sejarah berangka² atau *in sequence* ada di-dalam Muzium Negara kita. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tidak melawat Muzium sudah berapa lama, jadi dia tidak dapat melihat perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara juga telah minta penegasan berkenaan dengan talivishen di-Pantai Timor. Saya ingat dalam ucapan saya tadi saya ada sebutkan juga ia-itu, kalau Tuhan izinkan, dalam bulan April atau sa-lewat²-nya dalam bulan Mei manakala siap microwave link yang sedang di-buat sekarang ini di-Pantai Timor dapat-lah penduduk² di-kuantan, di-sekitar Kuantan merasai

nekmat talivishen, tetapi dukachita saya sebutkan di-sini di-Trengganu akan mengambil masa sedikit dengan kerana akan menunggu sampai microwave link sampai ka-Trengganu. Jadi, saya minta ma'af barangkali tidak dapat dalam tahun 1969 atau sa-belum pilehanraya ini.

Saya minta ma'af dengan kerana kesalahan yang di-buat oleh pegawai saya dalam Talivishen memasokkan gambar Allah Yarham Tuan Haji Abdullah ia-itu di-tempat sa-patut-nya gambar Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi. Itu ada-lah kesalahan biasa, saya ingat kesalahan yang tidak di-sengajakan.

Berkenaan dengan pusat latehan tata negara, Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Utara telah menyentuh memang betul bahawa Pusat Tata Negara itu telah di-rentikan sementara pada tahun 1968 dahulu, tetapi pusat ini akan di-teruskan balek, dan saya harap akan dapat di-jalankan dalam tempoh sa-bulan ini dengan kerana rumah yang di-gunakan untuk Pusat Tata Negara itu dahulu kita telah pulangkan balek kepada Kedutaan Indonesia, ia-itu hak kepunyaan Kedutaan Indonesia. Jadi, dalam masa beberapa bulan ini Kementerian Penerangan dan Penyiaran sedang menchari rumah yang sesuai, dan pada hari ini boleh-lah saya katakan rumah yang sesuai itu sudah pun dapat, dan ranchangan², persediaan² sedang di-buat dan saya harap dalam tempoh sa-bulan barangkali manakala dapat Pengetuanya akan dapat di-jalankan sa-mula.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan shortwave transmitter kita tidak begitu kuat, tetapi boleh-lah saya terangkan di-sini ia-itu pada akhir tahun 1968 kita telah tambahkan gelombang pendek kebangsaan atau shortwave ini kepada 100 kilowatt. Sekarang ini yang sa-benar-nya kalau di-buka shortwave Meter 49 boleh dengar dengan kuat-nya di-mana² juga di-seluruh negara kita ini. Ini mulai daripada akhir tahun 1968. Jadi, barangkali Ahli Yang Berhormat semenjak akhir 1968 belum lagi membuka

shortwave, jadi tidak dapat tahu bahawa sudah ada perubahan—memang sudah ada perubahan. Dan kita akan mengadakan lagi dalam tahun 1969 ini empat lagi transmitter yang kuasa-nya 100 kilowatt akan di-adakan di-Kajang dan manakala siap transmitter yang saya katakan tadi akan bertambah lagi kekuasaan atau kekuatan radio kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah berchakap panjang tadi berkenaan dengan yang pertama sa-kali dia berkehendakkan sa-orang Menteri penoh di-dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Soal berkehendakkan Menteri penoh, Menteri yang khas, yang penoh, pendek-nya jangan Menteri Penerangan dan Penyiaran macham saya ini tompang jadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan. Saya rasa Ahli Yang Berhormat ini telah membawa perkara ini beberapa tahun yang lepas dan bukan-lah tanggong-jawab saya sendiri hendak menjawab, kerana keputusan ini ia-lah di-buat oleh Tunku Perdana Menteri sendiri. Dan Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah meminta supaya saya membuatkan satu definition berkenaan dengan apa bentuk rupa belia yang kita hendak adakan. Bentok yang macham mana? Kita hendak bena belia Malaysia ini chara yang macham mana, kata dia. Jadi, soal ini saya rasa susah-lah kalau kita hendak sebutkan chara yang macham mana hendak bentokkan belia itu kata dia tadi, hendak ada misai-kah, tidak ada rambut macham saya atau macham mana kata dia, tetapi bukan-lah maksud-nya begitu.

Tetapi apa yang kita sedang buat pada hari ini melalui kursus² yang kita berikan, melalui berbagai² chara yang kita jalankan hari ini, Pusat² Latehan, ada-lah supaya belia² kita ini dapat di-jadikan atau menjadikan sa-orang belia yang bertanggung-jawab yang tahu berkenaan dengan tanggong-jawab-nya kepada negara, kepada bangsa dan kepada tanah ayer, jangan sa-mata² dia menjadi belia manakala besok dia menjadi pemimpin dan bertanggung-jawab menjalankan segala kerja² untuk negara kita ini dia tidak dapat hendak menjalankan tugas yang demikian. Jadi pendek-nya daripada masa ini kita masukkan perasaan, yang pertama

chinta, kaseh sayang kapada negara kita, hormatkan lagu kebangsaan, hormatkan bendera kebangsaan dan tahu tanggung-jawab, dia bukan sa-mata² untok dia sendiri tetapi bekerja untok negara, untok kepentingan lain² soal—itu-lah yang kita berikan tidak dapat hendak pin-point satu² bagitu bagini—saya tidak boleh. Tetapi ini-lah tujuan kita hendak menegakkan satu masha-rakat Malaysia yang bersatu padu, yang bertanggung-jawab, yang mempunyai ta'at setia kapada negara Malaysia ini dengan tidak berbelah bagi ta'at setianya. Ini tujuan kita yang principle dia. Itu-lah sebab-nya kita jalankan ber-bagai² ini dan tadi Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan revolusi mental. Revolusi mental yang di-tujukan kapada saya yang saya telah sebutkan beberapa kali hendak kita jalankan dalam tahun ini juga ia-itu tujuan-nya bukan-lah lain sama-lah juga revolusi mental ini kerana pada hari ini kita lihat bagaimana perkembangan yang ada di-tanah ayer kita ini.

Saya telah melihat, Tuan Pengerusi, kemajuan² perkembangan² yang berlaku di-banyak negeri² yang telah mencapai kemerdekaan sa-bagaimana kita. Kerajaan telah membelanjakan wang berjuta² ringgit, Kerajaan telah membuat berbagai kemudahan, berbagai kesenangan, tetapi akhir-nya kita lihat segala bantuan Kerajaan, segala kemudahannya yang di-beri oleh Kerajaan, segala pertolongan yang di-beri oleh Kerajaan tidak dapat hendak di-nekmati oleh ra'ayat dengan sa-penoh-nya. Sa-tengah² negeri walau pun dengan macham mana polisi, dasar kerajaan, ra'ayat pechah-belah, bergaduh, berkachau, akhir-nya negeri rosak, ra'ayat menderita. Ini yang sebab-nya saya rasa bahawa mustahak kapada Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang membangun yang sedang menjalankan dengan tegas berkenaan dengan pembangunan² dasar² kita. Jadi sa-lain daripada kita menunjukan kapada material atau materialism, hendak membena sa-chara material, mesti juga kita tujukan kapada rohani atau spiritualism, spirit, semangat. Jadi kalau sa-kira-nya di-dalam fikiran dia lain, fikiran dia tidak dapat kita pimpin sama² dengan kemajuan yang kita berikan di-dalam lapangan material. Jadi

saya rasa kalau tidak dia ada persa-imbangan dia itu akan rosak segala apa yang kita chapai. Jadi mesti-lah ada persaimbangan, chara berfikir dengan kemajuan yang kita akan jalankan, kemajuan yang kita chapai. Kalau kemajuan ini kita bagi duit kalau \$1 juta pada hal fikiran dia kita tidak bona untok hendak menggunakan wang \$1 juta itu, tidak tahu hendak menggunakan wang \$1 juta itu jadi wang itu akan rosak—tidak guna. Jadi dengan sebab itu sa-belum kita terlanjur, sa-belum kita tersalah, biar-lah kita bona dahulu, kita hendak tanamkan semangat, perasaan ini, ubah chara berfikir. Kalau dahulu mereka berfikir chara lama dan chara lama itu kita fikir tidak boleh menolong kita dalam zaman pembangunan, zaman berlumba, zaman orang sudah sampai ka-bulan, kita hendak buat lagi fikiran lama, chara lama juga, tentu-lah tidak dapat kita hendak mencapai kemajuan. Jadi ini sebab-nya kita hendak ubah, ini sebab-nya saya sebutkan revolusi mental ini. Ini sesuai dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, memang kita hendak jalankan, Tuan Pengerusi, ini-lah rancangan yang di-jalankan oleh Kementerian saya dan oleh Kerajaan kita.

Lagi satu Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi juga telah memainkan perkataan tahan lasak yang digunakan oleh Pemuda UMNO, tetapi bukan belia tetapi Pemuda UMNO, di-gunakan perkataan tahan lasak. Jadi biar-lah saya terangkan sedikit di-sini. Perbedzaan-nya Ahli dari Bachok tadi mengatakan PAS menggunakan bukan-nya kalau hendak di-gunakan, bukan-nya tahan lasak, tahan di-lasak ma'ana-nya tetapi pelasak untok melasakkan orang lain. Jadi di-sini Ahli² Yang Berhormat dari PAS ini sudah membuka tembelangnya—ma'af saya katakan bagini: Jadi jika sa-kira-nya pada masa akan datang berlaku-lah satu huru-hara, berlaku kachau-bilau, di-situ kita boleh pegang, siapa yang melakukan perkara ini. Kita tidak mendidek pemuda² kita untok menyerang, untok melakukan perbuatan² yang ganas, jadi aggressors. Sebab itu saya lateh pemuda² UMNO ini biar-lah tahan lasak. Daripada segi

ugama pun begitu juga ugama tidak menyuruh kita menyerang, menempeling orang, tetapi saya hairan Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang sa-patutnya datang daripada Parti PAS dia pun hendak bena pemuda sa-bagai pelasak, sa-bagai penyerang dan sa-bagai-nya. Jadi saya tidak faham yang sa-benarnya. Jadi ini-lah saya harap Ahli² Yang Berhormat dalam Rumah ini dan juga ra'ayat negeri ini faham perbezaan-nya di-antara pemuda yang kita benakan dan pemuda yang di-bena oleh sa-tengah² parti. Kita tidak mahu kita sudah banyak pemuda² liar, pemuda² yang tidak ada bertanggung-jawab, yang kita ada disiplin sudah banyak. Kita tidak mahu lagi, kita hendak pemuda² yang sehat, yang berdisiplin yang tahu bertanggung-jawab. Ini-lah pemuda² yang saya kata pemuda tahan lasak itu, Tuan Pengerusi.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat itu menyebut berkenaan dengan kebudayaan. Kata dia kebudayaan yang kita hendak itu ada pattern, dia hendak satu pattern kebudayaan. Jadi saya sebut panjang sudah berkenaan dengan kebudayaan, tidak payah-lah saya sebutkan. Tetapi saya suka sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok, dia kata dia hendak meninggikan taraf macham penari² ini dia tidak bersetuju-lah barangkali kalau sa-kira-nya menari² ini sa-mata hendak menunjukkan satu² benda. Tetapi saya tahu kalau menari² ini memang begitu-lah tujuan-nya. Kalau tidak ada benda yang hendak di-tunjukkan, dia tidak boleh menari, tidak ada siapa yang hendak gemar menengok. Bukan sahaja di-sini, bukan sahaja di-England, bukan sahaja di-Jepun, di-Cairo pun begitu juga macham belly dancers itu. Kita tengok macham belly—tari perut. Dia kata tari perut tetapi kalau hendak ikut Ahli Yang Berhormat tadi, jadi lain langsung ma'ana-nya, tujuan, fahaman dia berkenaan dengan tarian² ini.

Lagi satu Ahli Yang Berhormat itu menyebut berkenaan dengan watak. Kata dia dalam Muzium negara kita ini tidak ada watak, watak kehakiman, tidak ada watak sastera. Jadi biar-lah saya katakan, memang ranchangan kita ada dalam Muzium kita itu kita hendak

adakan, pendek-nya satu sekshen di-sana yang akan menunjukkan bagaimana bangsa kita ini memang mempunyai perasaan macham kehakiman, justice itu ini dan sa-bagai-nya dan begitu juga berkenaan dengan sastera memang ada dan kalau sa-kira-nya sampai masa nanti kalau Ahli Yang Berhormat itu juga jadi sa-orang ahli sastera yang terkemuka barangkali dia pun akan termasuk di-dalam Muzium itu juga.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebutkan berkenaan dengan, ya dia memuji, yang sa-benar-nya dia memuji, ia-itu Kerajaan Perikatan ini walau macham mana pun manakala dia keluar negeri umpama-nya kata dia tadi, kata dia, ada orang bertanya dia mengikut rombongan, saya ingat rombongan Menteri Tanah dan Galian dahulu ka-Timor Tengah. Jadi orang di-luar di-sana tanya, "tuan ini daripada parti mana?". Kata dia "daripada Parti Pembangkang". Jadi orang di-sana hairan, macham mana boleh Parti Pembangkang ikut sama parti pemerintah. Jadi itu yang dia cheritakan tadi, jadi di-situ dengan sendiri-nya dia menunjukkan macham mana-kah ke-baikannya Kerajaan Perikatan kita ini kalau di-bandingkan dengan negeri² lain. Tetapi dia pula kata tadi tidak demokratik dalam lain² pehak, dia meminta macham di-Kelantan hendak adakan lebih bagi peluang kepada Kerajaan Kelantan di-dalam soal radio—itu masalaah lain, masalaah dalam negeri. Tetapi kalau hendak bandingkan dengan apa yang dia sebut tadi saya rasa itu patut pengakuan dia sendiri mengatakan bahawa kita ini chukup demokratik. Sampai rombongan kita keluar negeri pun, kita bawa orang Opposition—orang Parti Pembangkang juga.

Lagi satu yang saya suka. Tuan Pengerusi, untuk membuat penjelasan di-sini ia-itu berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, dia meminta supaya Talivishen kita yang hari ini boleh dapat di-lihat di-Sumatera, terutama sa-kali di-Medan. Saya juga pernah melawat Medan baharu² ini dan saya dapat melihat sendiri bagaimana Talivishen kita dapat

di-lihat di-sana. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini telah mengeluarkan satu shor yang sangat² merbahaya. Saya telah meminta dia menarek balek ucapan dia tadi, tetapi dia main putar² dan dia tidak menarek balek ucapan dia tadi. Yang sa-benarnya apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ia-itu peluang ini-lah kata dia, kita hendak gunakan dan kata dia Kerajaan kita ini kononnya hendak memasukkan Sumatera dengan Malaysia, hendak menyatukan Sumatera dengan Malaysia. Saya meminta, Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga dengar, dia sebutkan bahawa kita menjalankan dasar melalui Talivishen ini hendak memasukkan atau hendak menyatukan Malaysia dengan Sumatera dan saya bangkit tadi, saya kata tidak betul, saya minta dia tarek balek. Jadi ini satu perkara yang penting, Tuan Pengerusi, dan saya harap akan menjadi sa-bagai ingatan kepada kita sakalian. Ini-lah chara-nya, saya rasa perbuatan ini sengaja di-buatkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu hendak membangkitkan kachau, hendak membangkitkan pechah-belah antara kita dengan Indonesia. Kalau keluar-lah berita ini di-Indonesia besok mengatakan ada ranchangan daripada Kerajaan Perikatan hendak menyatukan Sumatera dengan Malaysia—putus, pechah perhubungan kita dengan Indonesia, tetapi siapa yang membuat, ia-lah Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Dia yang membuat ucapan tadi, dia chuba hendak memasukkan, menunjokkan bahawa kita Kerajaan Perikatan ini mempunyai ranchangan yang demikian. Saya minta pehak radio dan pehak surat khabar beri penjelasan yang penoh, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini-lah yang meminta Talivishen kita memainkan peranan, memainkan siasat melalui Talivishen supaya Sumatera dan Malaysia itu dapat di-satukan. Saya rasa perbuatan itu sangat merbahaya dan bukan menjadi dasar Kerajaan Perikatan kita.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah meminta supaya bantuan² di-beri-lebih banyak kepada belia² luar bandar dan keutamaan² lain di-berikan

lebih banyak kepada belia² luar bandar. Saya bersetuju dengan permintaan Ahli Yang Berhormat itu, walau pun pada hari ini memang menjadi dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini memberi sa-berapa banyak yang boleh kemudahan² kepada belia² yang ada di-luar bandar dan mengikut ala kadar perbelanjaan, atau pun yang ada kepada kita, kemudahan yang ada pada Kementerian, tetapi pada masa yang akan datang, saya berjanji bahawa akan di-beri lebih banyak lagi dan akan di-tumpukan lebih banyak lagi kepada belia² di-luar bandar. Saya ucapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat itu juga dan banyak Ahli² Yang Berhormat yang lain yang telah merasa bersempati sunggoh dengan Kementerian ini dan kerana tidak ada wang yang chukop pada hal Kementerian ini ia-lah sa-buah Kementerian yang penting dan dengan kerana tidak ada peruntukan yang chukop maka tidak dapat menjalankan tujuan dan chita² kita.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat menhadangkan supaya lesen radio di-buat sa-bagai lesen motokar. Saya ucapkan terima kaseh banyak dan biar-lah saya terangkan bahawa hendak mengubah lesen ini pun akan mengambil masa dan dengan kerana hendak di-ubah di-dalam Undang² itu tetapi pehak Kementerian saya sedang meranchangkan perkara ini supaya dapat di-adakan perubahan dan kalau sudah di-ubah Undang² itu nanti, dapat-lah di-buatkan Undang² lesen radio itu sa-bagai lesen motokar sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan lagu saperti yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sa-lepas sembahayang Maghrib jangan mainkan lagu² ranchak, atau pun lagu² Masir yang lain daripada lagu² ka-ugamaan dan Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan supaya di-mainkan pembacaan Qur'an dan sa-bagai-nya. Perkara itu juga saya akan timbangkan.

Lagi satu berkenaan dengan peraduan yang di-adakan oleh Talivishen. Yang sa-benar-nya, ini-lah pertama kali Talivishen mengadakan pertandingan

Muzik, Muzik, Muzik, itu kerana pehak saya sendiri merasa bahawa mustahak sangat dan kerana perkembangan banyak pada hari ini kumpulan² gitar ranchak² ini di-seluruh Malaysia terlalu banyak, jadi dengan sebab itu-lah di-adakan suatu ruangan di-Talivishen dan di-adakan pertandingan Muzik, Muzik, Muzik ini supaya dapat-lah pehak² atau kumpulan² gitar ranchak ini bukan sahaja menunjukkan permainan-nya, tetapi juga dengan jalan ada hadiah² dan sa-bagai-nya boleh-lah menambahkan mutu lagi pemain² muzik kita dan sa-lain daripada itu memang-lah pehak saya sendiri men-chadangkan bukan sahaja pertandingan gitar ranchak ini hendak kita adakan dalam Talivishen, tetapi juga ghazal pun kita akan adakan dan lagu² sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun kita akan adakan daripada satu masa ka-satu masa, tetapi kesulitan-nya pada hari ini, Tuan Pengerusi, ia-lah kerana Pejabat Talivishen yang ada sekarang, yang lama ini, boleh di-katakan sangat sempit, tidak dapat kita hendak tam-bahkan ranchangan² sa-bagaimana yang kita mahu, tetapi manakala berpindah sahaja ka-Angkasapuri dalam bulan Mei atau pun Jun dengan empat atau lima studio yang besar sa-bagaimana yang ada itu, dapat-lah kita jalankan ranchangan² sa-bagaimana yang kita kehendaki.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat itu men-chadangkan juga bacaan Qur'an di-Talivishen itu kata-nya tidak berapa baik, ada ka-dang² tidak sesuai, memalukan kita, tetapi biar saya katakan memang ada orang di-situ, ada pakar membaca Qur'an itu dan saya boleh sebutkan nama-nya pun, ia-itu yang bekerja di-Pejabat Ugama Selangor, ia-itu tidak lain daripada Sheikh Hassan Azahari sendiri, dia-lah yang menjadi pakar, tetapi walau bagaimana pun kalau ada pembacha² yang kurang baik, saya akan selideki perkara itu dan di-gantikan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani men-chadangkan supaya iklan² rokok di-Talivishen itu di-berhentikan sama sa-kali. Perkara ini susah-lah

kalau hendak di-berhentikan sama sa-kali, tetapi walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, pehak Kementerian saya memang sedar berkenaan dengan rokok ini dan sedar juga, saperti di-negeri² di-Amerika umpama-nya, kalau hendak beli rokok itu dia mahu lekatkan satu kertas kechil di-bawah itu, dia katakan boleh menghisap rokok; atas mer-bahaya itu kepada kita sendiri, at your own risk, kata-nya. Di-sini pun kita memang jaga macham iklan² rokok² itu pun kita memang kita jaga supaya jangan di-buatkan iklan² yang boleh menunjukkan rokok itu untuk menam-bah kesihatan umpama-nya, rokok itu akan membaiki lagi kesihatan kita, tidak boleh perkara² yang macham itu, tetapi kalau di-katakan rokok itu sedap, rokok itu, rokok ini—itu tidak apa, tetapi kita dari satu masa ka-satu masa ada Jawatan-kuasa yang menyemakkan berkenaan dengan perkara iklan² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan men-chadangkan ia-itu belia² ini patut di-kawalkan, di-dispilinkan sadikit. Jadi perkara itu memang-lah melalui ranchangan² kursus yang kita jalankan memang kita harap dapat-lah belia² kita ini, memang kita tidak dapat mengawal, tetapi sa-kurang²-nya pun kita beri saloran² yang sesuai untuk menjadi pemuda yang bertanggung-jawab.

Ahli Yang Berhormat itu juga men-chadangkan supaya Pegawai Kebudayaan macham Pegawai Kebudayaan di-tempat-nya tidak ada pengalaman dalam masalah belia; itu juga saya akan siasat.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan juga mengatakan dalam masa Pertandingan Membacha Qur'an ba-haru² ini ia-itu di-Kelantan tidak bernasib baik kerana tidak dapat saloran yang kedua. Memang betul-lah Kelantan saya tahu tidak dapat saloran yang kedua, kerana saloran yang kedua tidak dapat hendak di-tujukan di-Kelantan, chuma di-Kuala Lumpur dan di-sabelah Pantai Barat ini sahaja, tetapi itu chuma perchubana sahaja, chuma dalam masa sa-minggu, tetapi manakala ada saloran yang kedua yang sa-benar²-nya dan saya harap akan dapat di-jalankan sa-belum akhir tahun

1969 ini, ia-itu manakala pindah Pejabat Talivishen ka-Angkasapuri, manakala itu seluruh Malaysia ini akan dapat saluran kedua.

Ahli Yang Berhormat dari Rawang telah menyentoh sedikit berkenaan dengan pentadbiran dan juga Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ia-itu nampak-nya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini mengambil kerja² yang sa-patut-nya di-jalankan oleh belia² sendiri. Saya sendiri maseh ingat, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ini sendiri menyatakan kepada saya ia-itu memang Kementerian ini telah mula² menjalankan perkara² macham gotong-royong dan berbagai² perkara yang di-jalankan oleh belia² dahulu, tetapi perkara ini saya sudah meminta daripada Pegawai² daripada Kementerian saya sendiri supaya selalu berhubung rapat dengan pertubohan² belia terutama sa-kali M.Y.C., M.A.Y.C., 4B dan lain² supaya dapatlah perkara ini di-selesaikan dan saya sendiri memang perchaya dan bersetuju bahawa Kementerian tidak patut menjalankan kerja² yang boleh di-buatkan oleh Pertubohan² Belia, tetapi kadang² barangkali dengan tidak ada di-jalankan oleh pertubohan belia, Kementerian buatkan lebeh dahulu dan berbangkit salah faham. Saya fikir kalau ada hubungan yang rapat, hubungan yang baik, tidak akan berbangkit salah faham yang demikian dan mudah² an pada masa akan datang saya ingat tidak akan berbangkit-lah perkara yang sa-bagitu. Memang menjadi dasar saya tidak mahu Kementerian²; biar kita menjalankan dasar (policy), tetapi yang menjalankan-nya biar-lah pertubohan² belia sendiri dan begitu juga Ahli Yang Berhormat menhadangkan supaya di-adakan sa-buah badan penasihat di-peringkat kebangsaan. Saya memang memikirkan perkara ini, Tuan Pengerusi, tetapi saya berpendapat daripada mengadakan sa-buah badan penasihat, oleh kerana sudah ada MYC sendiri ia-itu Ahli² Jawatan-kuasa MYC ini ia-lah Majlis Belia Kebangsaan dan MYC ini terdiri daripada wakil² yang datang daripada tiap² negeri dan biarlah saya terangkan sedikit, Tuan Pengerusi, kedudukan belia kita pada hari ini yang akan di-buat oleh pehak

Kementerian, ia-itu daripada peringkat daerah kita adakan pertubohan² belia. Persatuan² belia berkumpul di-peringkat Daerah, ia-itu di-panggilkan Belia Daerah, kemudian sampai ka-peringkat negeri, Pertubohan Belia Negeri, kemudian sampai peringkat kebangsaan, Pertubohan Belia Kebangsaan ia-itu MYC. Jadi saya rasa kalau sa-kira-nya MYC ini sudah chukup dengan wakil²-nya MYC ini sendiri akan menjadi penasihat kepada Kementerian. Saya maksudkan begitu

Y.A.M. Tunku Abdullah ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, maksud saya ia-lah supaya di-adakan satu Majlis Penasihat Peringkat Kebangsaan Belia supaya pehak Kerajaan dan juga wakil² daripada pertubohan dan badan² lain yang suka hendak mengkaji keadaan belia sekarang boleh-lah bersama² memikirkan perkara ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Jika sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan mustahak boleh perkara itu kita binchangkan, tetapi macham saya kata tadi kalau sa-kira-nya MYC sudah berjalan, maka MYC ini-lah juga akan menjadi penasihat kepada Kementerian ini dan penasihat kepada badan² belia yang lain, tetapi boleh-lah perkara ini kita binchangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Rawang juga telah menhadangkan supaya di-adakan macham di-bandar² ini pusat² saperti Reception Bureau supaya dapatlah pemuda² yang datang daripada luar bandar itu yang tak ada kerja menchari kerja dapat-lah di-beri nasehat dan perkara ini memang saya puji. Saya rasa sangat baik, dan biar-lah saya chadangkan barangkali dengan bantuan yang Kementerian berikan kepada MAYC atau MYC, maka MYC pun boleh jalankan perkara ini dengan kerjasama daripada pehak Kementerian, tak usah Kementerian jalankan, tetapi biar-lah MYC jalankan di-seluruh Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan mengatakan bahawa peruntukan yang di-berikan kepada belia ini sangat kechil. Saya ucapkan terima kasehlah. Dan beliau juga menhadangkan

supaya di-adakan sa-buah badan pena-sehat sa-bagaimana di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang dan saya ucapkan terima kasih di-atas perkara ini. Dan lagi Yang Berhormat itu juga menhadangkan BERNAMA sa-berapa chepat yang boleh di-besarkan, di-perluaskan sampai ka-Malaysia Timor, ka-Sarawak, dan ka-Sabah terutama sa-kali sa-belum pilihan raya. Jadi saya tidak tahu sama ada akan dapat di-jalankan sa-belum pilihan raya ini atau tidak. Tetapi memang ada ranchangan kita hendak perluaskan ka-Sarawak dan ka-Sabah sa-berapa chepat yang boleh.

Berkenaan dengan Pejabat BERNAMA itu biar-lah saya terangkan bahawa Pejabat BERNAMA itu akan berpindah ka-satu tempat yang lain. Saya pun tahu Pejabat BERNAMA yang ada sekarang sangat kecil, tak sesuai dan tak cukup lagi dengan tambahan kakitangan atau terlalu ketat, terlalu sempit. Dan dengan sebab itu pehak Jawatan-kuasa BERNAMA pun sedang mencari satu tapak yang lain atau rumah yang lain.

Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan juga ia-itu sa-buah kereta wayang, kata dia di-Jasin, telah di-bawa balek ka-Melaka, jadi Jasin tak ada lagi kereta wayang, atau yunit kita, jadi perkara itu saya akan chakapkan dengan pehak Kementerian dan akan berhubung dengan Jabatan Penerangan Melaka apa-kah chara yang boleh kita perbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson telah membuat satu chadangan yang saya rasa chadangan-nya baik ia-itu pehak ahli² sport ia-itu athlete kita patut di-beri special consideration, should be given special consideration di-bandingkan dengan macham loyar atau doktor atau sa-bagai-nya. Jadi kalau macham ahli sport ini pun bagitu juga, pendek-nya dia menghabiskan masa dalam sport, menghabiskan waktu, jadi, kalau sa-kira-nya dia tak dapat special consideration tentu-lah rugi dan tak patut. Jadi perkara ini pun saya akan timbangkan dan saya akan bawa perkara ini terutama sa-kali dalam Olympic Council atau pun National

Sports Council yang kita akan adakan nanti.

Ahli Yang Berhormat itu juga menhadangkan ia-itu biar-lah banyak filem dalam local film festival. Yang itu pun bagus, memang sa-lama ini pehak kita telah menjalankan ia-itu pehak Filem Negara mengambil filem² di-mana ada festival macham Hindu Festival, Thaipusam, Hari Raya, Christmas, New Year, atau pun Chinese New Year semua ada. Kalau belum cukup lagi boleh-lah kita tambah lagi daripada satu masa ka-satu masa, dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu menhadangkan supaya filem² yang mempunyai macham place of interest di-banyakkan supaya ini akan menambahkan bilangan peminat² atau pelanchong². Perkara ini saya fikir patut barangkali di-serahkan kepada Jabatan Pelanchongan yang nampak-nya akan di-perbesarkan lagi pada tahun ini dan tahun yang akan datang, pendek-nya kita akan dapat-lah bekerjasama dan dapat di-chapai sa-bagaimana di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat menhadangkan tadi yang saya rasa saya patut tak mahu jawab tadi kata dia kalau Singapura boleh dapat talivishen kita kata dia, kita patut dapat talivishen dari Singapura. Saya rasa perkara itu kalau Ahli Yang Berhormat itu fikir panjang sedikit dia tak bawa keluar-lah perkara itu di-sini, tetapi oleh kerana kira-nya kita hendak mengadakan talivishen, hendak dapatkan talivishen di-Singapura itu, kita mesti ada transmitting station di-tempat² di-Malaysia ini. Saya maseh ingat masa Singapura maseh dalam Malaysia dahulu Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura dalam berbath dengan saya satu masa itu dia memang menhadangkan biar-lah dia kata talivishen Singapura itu boleh sampai ka-Malaysia. Jadi saya kata tidak. Perkara itu tak dapat hendak kita buat, kalau Singapura dapat Talivishen Malaysia, apa boleh buat dia dapat, bukan kita ada transmitting station di-Singapura, tetapi kerana dia dapat oleh kerana kita ada station kita di-Johor di-Gunong Pulai itu ada, jadi kebetulan Singapura dapat, tetapi kalau

dia hendak masuk ka-negeri kita, dia mesti ada transmitting station kita di-Malaysia. Jadi saya rasa perkara itu daripada segi politik biar-lah tak payah saya sebutkan di-sini, barangkali tak berapa di-kehendaki juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar menhadangkan supaya menambah unit² penerangan di-luar bandar, dan saya ucapkan terima kasih berkenaan dengan itu, dan beliau juga tidak begitu berpuas hati dengan mutu apa yang telah kita chapai dalam lapangan muzik atau dalam lapangan kebudayaan dan sebagai-nya. Jadi boleh-lah saya bagi assurance atau pun pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memang Kementerian ini sentiasa daripada satu masa ka-satu masa menchari jalan hendak membaiki mutu² siaran kita, baik kebudayaan, baik pun tarian atau kesenian.

Untuk memperkenalkan Malaysia di-luar, saya rasa Ahli² Yang Berhormat sudah mengikuti perkembangan², yang saya rasa semakin bertambah hari ini dengan ada-nya Attache² Penerangan kita di-luar negeri dan dengan banyak-nya penyebaran² yang telah kita keluarkan dari satu masa ka-satu masa dan begitu juga daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan pun ada juga wakil² perdagangan di-luar negeri dan juga pelancong. Jadi saya rasa boleh-lah menchukupi, tetapi memang-lah berkenaan dengan hendak memberi penerangan di-luar negeri ini, kita tidak dapat memikirkan bahawa tiap² orang di-luar negeri itu akan faham berkenaan dengan Malaysia, macham kita di-sini juga berapa orang yang faham berkenaan dengan luar negeri. Jadi susah. Kalau sekian banyak orang faham, tetapi banyak lagi orang yang belum faham di-mana negeri pun begitu juga. Tetapi apa yang kita buat sa-berapa banyak yang boleh, di-mana ada Kedutaan kita, di-mana ada Pegawai Penerangan kita, di-situ kita jalankan melalui filem, melalui surat² khabar, melalui Warta Malaysia dan sa-bagai-nya yang telah kita jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah menyebutkan berkenaan dengan perasaan-nya, kebimbangan-nya, tentang perkembangan pemuda² atau

beliau² pada hari ini. Dia menhadangkan ia-itu supaya di-adakan satu Youth Foundation.

Jadi, saya telah mendapat tahu sa-kejap ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Rawang yang juga menjadi Yang di-Pertua, MYC, ia-itu pihak MYC sedang menhadangkan supaya di-adakan sa-buah foundation yang dinamakan "Malaysian Youth Foundation". Jadi saya harap manakala ranchangan ini sampai ka-tangan saya nanti, boleh-lah di-binchangkan dan di-pertimbangkan, saya fikir apa yang sedang di-ranchangkan oleh MYC itu ada-lah bertepatan dengan kehendak² dan kemahuan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan.

Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan juga supaya Talivishen dan Radio kita ini, kita bekerja sama dengan Indonesia dan juga dalam surat khabar kata dia, patut saya terangkan surat khabar yang memasukkan program Talivishen Malaysia, Talivishen Singapura, Radio Malaysia, Radio Singapura, itu bukan-lah tanggungjawab Kementerian ini, Tuan Pengerusi, itu ada-lah daripada surat khabar sendiri, kerana itu ada-lah iklan yang di-ambil oleh surat khabar sendiri, bukan di-keluarkan oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran,

Jadi itu terpulang-lah kepada surat khabar sama ada surat khabar itu hendak memasokkan chuma program mengenai Talivishen Malaysia dengan Radio Malaysia sahaja, atau pun berkenaan dengan Talivishen Singapura atau pun Radio Singapura sama. Itu ada-lah polisi surat khabar.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim tadi, dia banyak berchakap berkenaan microphone, kerana, Tuan Pengerusi, dia mempunyai kedai menyewa microphone sendiri. Saya tahu-lah dia pun ada dia tahu banyak berkenaan dengan amplifier, berkenaan dengan microphone, berkenaan dengan ini. Jadi saya mengaku-lah memang microphone kita tidak begitu kuat atau amplifier kita tidak begitu kuat sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi saya berharap daripada satu masa ka-satu masa kalau peruntukan

ini di-beri lebih banyak lagi tiap² tahun boleh-lah kita perbesarkan lagi kekuatan, atau pun kilowatt microphone, atau sa-bagai-nya, dan dia minta di-ganti baharu, perkara itu pun juga terpulang-lah kepada peruntukan yang akan kita dapat daripada suatu masa ka-satu masa.

Tuan Pengerusi, sikian-lah sahaja sedikit sa-banyak jawapan daripada saya ia-itu mengenai tegoran² yang telah di-buat mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Penerangan dan Penyiaran, dan saya ucapkan terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,681,080 untok Kepala B. 12, \$466,387 untok Kepala B. 13, \$6,719,109 untok Kepala B. 33, \$14,295,010 untok Kepala B. 34, \$7,982,846 untok Kepala B. 35, dan \$9,630,332 untok Kepala B. 36 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 14—

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan perbelanjaan sa-banyak \$257,542.668 di-bawah Kepala B. 14 bagi Kementerian Pertahanan di-persetujukan.

Tuan Pengerusi, seperti Ahli² Yang Berhormat dapat mengetahui dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan pada tahun 1969 hanya-lah ada menunjukkan tambahan sa-banyak \$5.58 juta sahaja. Tambahan ini ia-lah sa-mata² bagi tambahan gaji² Anggota² Pasukan Tentera kita dan juga bagi kenaikan gaji pada tiap² tahun yang biasa di-dapati.

Sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, kalau di-semak wang yang kita kehendak untok menambahkan gaji Anggota² Tentera dan Pegawai² dalam Kementerian Pertahanan ia-lah \$11.58 juta, akan tetapi tambahan yang kita tunjukkan dalam belanjawan ini hanya-lah \$5.58.

Tuan Pengerusi, kita telah berjaya mengadakan tambahan yang bagini ke-

chil sahaja pada tahun 1969 ia-lah disebabkan Kementerian ini telah dapat menjalankan langkah² bagi mengurangkan perbelanjaan² yang membazir didalam beberapa perkara menurut dasar Kerajaan sekarang ini, ia-itu mustahak-lah kita menjimatkan perbelanjaan wang Kerajaan. Dan lagi, Tuan Pengerusi, sunggoh pun tambahan perbelanjaan yang di-kehendaki itu hanya-lah sedikit, tetapi tidak bermana yang tempatan tentera kita akan di-kurangkan, atau pun kecekapan tentera kita akan di-kurangkan sa-baleknya kita akan terus membesarkan tentera² kita dan kita akan terus menambahkan kekuatan tentera kita daripada satu masa ka-satu masa.

Saya akan menerangkan dengan lanjut sedikit kemudian daripada ini berkenaan dengan langkah² yang diambil oleh Kementerian Pertahanan ini dan berkenaan dengan usaha² bagi mengecilkan perbelanjaan supaya tiap² ringgit yang di-belanjakan itu ia-lah di-belanjakan dengan sempurna dan dengan dapat sa-penoh² faedah.

Tuan Pengerusi, oleh sebab perkara yang saya hendak sebutkan dalam Dewan ini ada-lah mustahak kerana pertahanan ada-lah perkara yang penting dan dalam dua atau tiga hari ini adalah di-sebutkan dalam akhbar² dan oleh sebab perkara ini mustahak di-faham dan di-ketahui oleh negara² sahabat kita di-luar Malaysia ini, saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Mr Chairman, Sir, I would like to explain that we are in the midst of reviewing our defence policy and plans. For the last 25 years, since the end of World War II, the pattern of defence of the Malaysia and Singapore areas was determined by the British assisted by Australia and New Zealand. Now, with the decision of the British to withdraw their forces by the end of 1971, it is necessary to review the whole defence structure of this region, and in consultation with our allies—Australia, New Zealand and Singapore—to formulate new defence arrangements. It is vital in the national interest for us to ensure that the defence and security of our country are fully safeguarded and it is our Government's

policy to do everything possible towards this end. As my colleague, the Honourable Minister of Finance, said in moving this Budget, no economic or social development can take place without security. Indeed, Sir, a country can be compared to a river with two banks, one defence and security and the other economic stability. The two banks of this river must be kept strong, if it is intended that the water should flow freely and that the country should prosper.

Sir, any defence planning must be viewed in the light of likely threats, both internal and external, to the security and stability of this region. The political situation in South-East Asia is still fluid and the pattern of the future is by no means clear. There are still imponderables and uncertain factors which at the moment are difficult to judge or predict with any accuracy. No one can predict with any degree of certainty the outcome of the war in Vietnam, though lately the prospect of peace is brighter with agreement by all sides to begin negotiations with an enlarged representation in Paris. It is not clear what the position of the new Administration in the United States will be if and when the Vietnam war can be settled peacefully.

We are not clear about the attitude of the big powers towards this region, in particular Communist China. If we can succeed in convincing Communist China that the policy of peaceful co-existence in this region is in the interests of all concerned, big powers as well as small powers, and that it is in the interests of the big powers to guarantee the integrity, independence and neutrality of the small countries in South-East Asia, then clearly we can look forward to a period of peace and stability in this region. Consequently, it will not be necessary for us to spend vast sums of money on defence but we could continue to devote our energies and our resources to peaceful economic development.

Again, Sir, we have this unhappy and unfortunate situation in regard to our relations with our immediate neighbour, the Philippines. We are still uncertain what the attitude of the

Philippines is, how far they intend to pursue their claim to Sabah. Whatever it is, it is our duty to be prepared for all eventualities and to take adequate measures to defend our territories, in particular Sabah. In this respect, I should like to take this opportunity to express our gratitude to the Sabah Government for their generous contribution to the defence expenditure incurred in that State. This is certainly a conclusive proof that the people of Sabah are solidly behind the Government in their desire to remain in Malaysia. (*Applause*).

Sir, in view of all this, it is somewhat premature to be conclusive in our future defence plans. But one thing is certain, that we must now rely on our own resources for the defence of our country. We shall have to continue to expand our Armed Forces—Army, Navy, and Air Force—and we must have a well-trained, highly mobile, effective Army, Navy and Air Force, capable of withstanding any limited form of aggression against our country. Of course, for a small country like Malaysia, it is not possible for us to go it alone if confronted with a general or global world situation, or if we are attacked by a big power. That is why when the British announced their decision to withdraw their Forces from this region, we asked for a meeting of the Five Powers closely concerned with the defence of Malaysia and Singapore—Britain, Australia, New Zealand, Singapore, and Malaysia—to take counsel and to discuss problems on joint defence. We feel that both Singapore and Malaysia need to be assisted in our defence and we consider it necessary to establish this concept of collective defence arrangement. That is why we had the Five-Power Ministerial Conference on Defence in May, 1968, and another Conference in May this year in Canberra. In the meantime, various working groups of the five countries have been discussing detailed arrangements which would be submitted for the consideration of the Ministerial Conference.

It is, therefore, important for us to know what the intentions of our partners are. The British, of course, had

made their decision. Australia and New Zealand have announced that they will remain in Singapore and Malaysia until the end of 1971. However, it is desirable that we should know the long-term policy of both Australia and New Zealand in order to enable us to formulate a real defence arrangement for ourselves and also for Singapore. This has become even of greater relevance now that the Australian and New Zealand Governments have decided to transfer their ground forces from Terendak Camp in Malacca to Singapore. We do not know the motivations and considerations which governed this move of the Australian and New Zealand Governments, but this somewhat sudden decision has certainly given rise to various speculations as regards the ultimate intention of these two countries in respect of the defence of Malaysia and Singapore. However, it should be emphasised that the intention of Australia and New Zealand in this field beyond the end of 1971 is a matter of considerable importance to us, in that this decision will have to be taken into account in our future defence planning.

Sir, a few days ago we were accused of holding an "old world" view of things because we are always frank with our friends and we believe in telling our friends clearly and frankly where their interests lie. Our record in the past can clearly prove that we have been sincere and honest with our friends and we intend to continue to be so. We also believe in the principle that if we have obligations to our friends we should discharge these obligations fully until we are relieved of these obligations, and we expect our friends also should reciprocate and discharge their obligations in the same way. Now, Sir, in subscribing to this belief, I do not see how we can be accused of having an "old world" view of things, whatever they mean by that.

Sir, let this be clear. We are not persuading our friends to come to our assistance merely to defend us for our own sake. Our friends in this area must decide, and decide quickly, in the light of their own enlightened self-interest. We know that we occupy a vital posi-

tion not only in this region of South-East Asia but for the whole Asia and for Australia and New Zealand, not only economically but strategically. We also stand for freedom, peace and friendship among countries in this part of the world. We, therefore, fully realise the vital importance of our position in the defence of this region as well as in the defence of countries which believe as we do, in freedom and of choosing their own way of life. We also know that there will be friends who will come to our aid should the need arise. We also realise that in the final analysis we must depend on our own resources and strength for the defence of our country. Sir, all these developments underline the fact that we have to be more self-reliant as a nation and this, in fact, means that, on the one hand, we may have to step up our defence expenditure, and, on the other, our people must expect this and accept this as a challenge of our will and our determination to meet our new additional defence responsibilities.

Now, Sir, Honourable Members might have heard lately about our announcement to purchase some fighter aircraft from France and also military equipment. As I have stated, it must be our policy to expand our Armed Forces. At the moment, our Air Force has the capability of providing effective air support to our ground forces in operation, and also we have adequate air transport facilities. But it is necessary for us to have an Air Force that is capable of striking at the enemies should they attempt to aggress our country and against any possible air attack. The Navy is also being expanded, and in the course of the year we hope our second modernised frigate, "K.D. Hang Jebat", will be completed and commissioned.

Sir, while we are reviewing and planning for the future defence of our country and considering ways and means of expanding and strengthening our Armed Forces, to ensure, as I said, that we have adequate forces to defend our independence and integrity against any limited acts of aggression, we have to bear in mind the limited financial

resources of our country. That is why the Ministry of Defence has made an all out effort to eliminate wasteful expenditure and to keep down costs. It is proposed to reduce the number of personnel on training courses overseas except, of course, for those who are undergoing technical courses, facilities for which are not available here in Malaysia. But wherever possible we will provide training facilities locally for our Armed Forces. Now the logistic support of the Armed Forces is being re-organised to meet future contingencies. An extensive examination is being made with a view to effecting possible economies. Other economy measures include standardization of vehicles in order to avoid duplication of spare parts and the purchase of arms and ammunition not from any one country but by means of international tenders. We also intend to expand the tri-service concept on certain common user items in order to avoid duplication. Also, in respect of vehicle repairs we are becoming increasingly independent of commercial organisations.

We will do all these to effect economy. At the same time, we will take adequate measures to see that the security of our country is assured, and if our defence planning warrants that I should obtain additional expenditure on defence, then I will not hesitate to come to this House to ask for extra allocation.

Sir, we are happy with the efficiency and effectiveness of our Defence Forces and the loyalty of our men. We will continue to increase training facilities and to equip them with modern weapons. We hope that our friends not only from the Commonwealth but outside countries which do value the stability and security of this rich and important part of the world, South-East Asia, will not hesitate to give us the limited assistance we need in the field of defence. As I have stated, however, much as we decide to increase the strength of our Armed Forces, we will not be able to defend our country adequately from external aggression. We need friends to assist us if we are confronted with aggression

by a big power. However, we hope and trust that by our policy of friendship and goodwill towards other nations and by our efforts to bring about real co-operation to this region of South-East Asia, we will be able not only to bring the countries of South-East Asia closer together for mutual benefit and for peace and stability of this region but also to show to the big power that we would like to be left alone in the pursuit of our way of life. We hope and trust that the big powers will understand and realise that in the interests of all concerned that countries, whether big or small, should respect each other's independence and sovereignty and that, in particular, it is the wish of the countries in this region of South-East Asia that their independence, their integrity and their neutrality should be guaranteed by all nations, particularly by the big powers.

Sir, I beg to move. (*Applause*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya berdiri memberikan sokongan kepada peruntukan yang di-minta oleh Kementerian ini di-dalam Dewan ini, dan berasa megah dengan penjelasan, penerangan dan masa depan Malaysia yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan saya rasa dengan penjelasan dan keterangan masa depan dan pendirian Malaysia terhadap pertahanan negara ini, negara² sahabat yang menjadi sahabat kepada kita akan memahami kedudukan kita di-dalam soal pertahanan ini.

Tuan Pengerusi, lebih dahulu biarlah saya mengucapkan tahniah dan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada angkatan² tentera yang telah mengorbankan nyawa, mengorbankan segala yang di-kasehi-nya untuk kepentingan negara dan mengorbankan segala kesenangan-nya untuk mempertahankan kemerdekaan negara. Oleh kerana negara kita sekarang ini dalam bentuk yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri, ada sahabat tetapi sahabat itu sekarang ini telah hendak meninggalkan kita maka teringat-lah saya kepada satu peristiwa di-mana

pechah-nya perang dunia dahulu sahabat yang kita katakan sahabat ini juga yang pernah meninggalkan kita, dan kita telah menderita tiga sa-tengah tahun lama-nya di-bawah tindasan musuh yang kejam. Ini memberikan kapada kita pelajaran supaya kita menjadi satu bangsa yang sanggup berdiri di-atas kaki sendiri, dan oleh kerana itu juga ra'ayat negara ini telah berjuang dan telah bekerja untuk mencapai kemerdekaan dan dengan kemerdekaan itu akan dapat berdiri di-atas kaki sendiri dan perchaya kapada kekuatan sendiri. Oleh kerana tabi'at dan boleh jadi menjadi dasar dan kebudayaan bangsa Malaysia ini tidak mahu melupakan jasa orang lain sa-kali pun paling kecil, maka kita mempunyai Perjanjian Pertahanan dengan British yang menjadi penauxng kita dahulu, tetapi sedikit demi sedikit Kerajaan British ini telah hendak meninggalkan kita dan dia akan pergi, dan baharu² ini saya terdengar sa-bagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Terendak Camp juga mereka akan di-tinggalkan dan juga tentera² Commonwealth akan meninggalkan tempat itu dan berpindah ka-Singapura. Apa-kah sa-benar-nya pandangan mereka terhadap pertahanan Malaysia ini di-masa depan, apa-kah yang sa-benar-nya menjadi fikiran mereka di-atas sikap yang telah di-tunjokkan oleh tentera² Commonwealth ini dalam negara kita? Ini tidak dapat kita jangka apa yang sa-benar-nya di-dalam hati mereka tetapi saya yakin, Tuan Pengerusi, ini mengajar kita lagi supaya kita berdiri di-atas kaki kita dan menchari teman baharu.

Tuan Pengerusi, kita telah berjaya mempertahankan negara kita di-dalam segala bentok anchaman yang di-hadapkan kapada kita, baik dari dalam negeri mahu pun daripada luar negeri, dengan tenaga yang ada pada kita, dengan kapal² yang di-jualkan kapada kita, kapal² yang telah usang, dengan kapal² terbang yang telah usang yang kita beli daripada mereka itu, dengan senjata² yang telah usang yang kita beli daripada mereka itu, dengan keyakinan bukan kita tidak tahu bahawa kapal² atau pun kapal² terbang atau pun alat² pertahanan itu telah usang, kita telah tahu,

tetapi demi untuk menjaga persahabatan antara kita dengan mereka, kita beli juga.

Dan baharu² ini sa-bagaimana yang kita semua tahu kita terpaksa membeli kapal terbang bagi mempertahankan negara kita ini dan juga Kerajaan British hendak memberikan kapal terbang yang telah usang yang mungkin spare parts-nya pun sudah tidak ada di-dalam negeri mereka. Maka keberanian Perdana Menteri untuk membeli kapal terbang di-Peranchis kita memberikan tahniah sa-tinggi²-nya dan dengan sebab keberanian ini Kerajaan British telah chuba memujuk kita balek, tetapi kita tahu-lah bahawa mereka yang sa-benar-nya tidak mempunyai keyakinan lagi kapada kita dan kita perlu menyatakan bahawa kita juga tidak mempunyai keyakinan yang tebal lagi kapada mereka itu.

Tuan Pengerusi, kita telah membuka banyak Perwakilan kita di-luar negeri, sahabat² kita telah banyak, sahabat² kita telah bertambah dari tahun ka-satahun; kita telah membuka Perwakilan kita di-Russia, kita telah membuka Perwakilan kita di-negara² Eropah Timor; mereka juga tidak kurang, mereka ada-lah kuasa² besar di-antara kuasa² besar yang lain yang akan menentukan nasib dunia ini pada masa akan datang kalau perlumbaan² senjata nuclear maseh berjalan di-antara negara² yang besar maka dunia akan terancham pada satu masa kalau tidak ada beberapa negara mempunyai senjata² yang saperti itu. Kuasa² besar ada-lah menentukan nasib dunia ini pada masa yang akan datang. Dan begitu juga masaalah Vietnam. Masaalah Vietnam ini akan dapat di-tentukan oleh kuasa² besar sendiri.

Tuan Pengerusi, saya suka mengshorkan supaya Kerajaan kita ini chuba menchari atau pun berikhtiar bagi mendapatkan senjata² yang lebeh moden bagi mempertahankan negara kita ini daripada negara² yang menjadi sahabat kapada kita, kita tidak kira apa-kah mereka itu menjadi anggota Commonwealth atau tidak menjadi anggota Commonwealth, apa-kah mereka itu daripada Bloc Timor atau Bloc Barat asal sahaja negara² itu

sanggup memberikan pertolongan bagi mempertahankan apa yang kita sebutkan dengan keadaan yang sangat merbahaya sekarang ini dalam pergolakan dunia, kita boleh-lah menerima bantuan atau pun menerima pandangan atau nasihat daripada negara² yang kita harap boleh memberi bantuan kepada kita. Apa salah-nya, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya kita boleh mendapatkan senjata² atau kapalterbang² daripada Russia, mithal-nya, oleh kerana kita sudah dapat menjelaskan kepada Russia bahawa dengan ada-nya hubungan diplomatik di-antara kita dengan mereka itu, mereka berjanji akan hormati kemerdekaan kita, mereka tidak akan mengganggu chara hidup kita, mereka tidak akan menchampori hal ehwal dalam negeri kita. Apa salah-nya kalau sa-kira-nya kepada negara komunis atau kepada negara Russia ini, kita dapat membeli barang² atau senjata² yang kita perlukan yang lebeh moden dan yang lebeh berkesan bagi mempertahankan negara kita?

Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya Singapura sa-bagai sa-buah pulau yang kecil sahaja mereka kerana hendak hidup di-antara negara² merdeka di-Asia ini mereka meminta nasihat, memanggil nasihat atau pun mencari nasihat daripada pakar² tentera daripada Israel. Sa-kali pun kita tahu Israel ada-lah sa-buah negara yang menche-roboh negara² Arab dan kita bersimpati dengan negara² Arab dan kita menuntut, baik di-dalam Dewan ini atau di-luar, walau pun di-dalam Pertubuhan Bangsa² Bersatu kita menuntut supaya Israel keluar daripada daerah² kawasan Arab, tetapi oleh kerana Singapura hendak mempertahankan negara mereka itu mereka tidak kira dari mana-kah mereka akan dapat nasihat. Nampak²-nya Singapura sendiri tidak perchaya kepada kepandaian dan ilmu pengetahuan British; mereka telah meminta nasihat daripada pakar² tentera daripada ahli² yang mahir dari negara Israel. Demikian chontoh-nya di-Singapura. Kalau Singapura itu hendak mempertahankan negara-nya mereka sanggup menerima nasihat daripada Israel apa salah-nya kita kerana hendak mempertahankan negara kita dengan syarat² yang kita sebutkan tadi,

kita meminta bantuan daripada negara² yang lebeh maju, daripada Russia, daripada negara² yang sa-bloc dengan dia, supaya dapat memberikan bantuan kepada kita dalam masalah pertahanan ini, dengan syarat bahawa kita tidak terikat dengan sa-barang ikatan atau mereka tidak menchampori hal ehwal dalam negeri kita? Maka saya rasa kita akan mendapat senjata² yang lebeh moden, yang lebeh berkesan dan yang lebeh baik bagi pertahanan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana di-dalam Dewan ini sudah beberapa kali di-timbulkan masalah pertahanan dan masalah dasar pertahanan kita ini, maka saya sendiri menggesa Kerajaan supaya Kerajaan menimbangkan samula chara bagaimana hendak menguatkan pertahanan negara kita ini, dan daripada mana alat² atau kelengkapan² itu dapat kita chari demi untuk kepentingan negara kita sendiri. Kepada tentera² dan pada mereka yang telah berjuang dan yang mati dan yang telah terkorban kerana mempertahankan negara ini, kita do'akan supaya mereka di-rahmati Tuhan. Dan kepada mereka yang maseh hidup, mari-lah kita memandang nasib hadapan mereka itu dengan penoh harapan, anak² mereka, kaum keluarga mereka, supaya mereka tidak menjadi keberatan kalau mereka meninggal dunia dalam tempoh yang tiba². Tuan Pengerusi, saya dengan ini memberi sokongan kepada peruntukan ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit dalam hal Kementerian Pertahanan, ia-itu perkara ura² tempat Terendak Camp yang ada di-Melaka itu akan di-gunakan sa-lepas pengundoran askar Commonwealth sa-telah tahun 1971. Di-sini saya suka supaya Dewan ini dapat menchatitkan apa-kah sa-benar perkara yang saya hendak chakapkan ini dapat perhatian dari sekarang. Dalam pengetahuan saya apa yang di-jawab oleh Menteri Pertahanan kepada Soalan Mulut, apa-kah Terendak Camp itu akan di-jadikan pusat pengajian tinggi-kah atau pusat pertahanan sa-telah askar Commonwealth meninggalkan tempat itu. Pada

pandangan saya, Kerajaan kita patutlah menyelidik bahawa di-Melaka ada dua tempat askar yang sangat hampir. Satu daripada-nya Sungai Udang yang di-tempatkan Askar Persekutuan pada mula di-asaskan dahulu dan di-sabelah lagi ia-lah Terendak tempat yang digunakan oleh Askar Commonwealth yang sekarang ini sedang di-ura²kan, barangkali satu masa akan meninggalkan tempat ini. Saya minta Menteri Pertahanan untuk mengkaji. Saya nampak pusat atau pun Terendak Camp ini saya rasa tempat ini-lah patut menjadi ganti, kalau boleh, daripada pusat kita di-Port Dickson yang barangkali di-Port Dickson yang telah beberapa tahun menjadi pusat latehan bagi Askar Melayu kita. Saya menhadangkan supaya Terendak Camp ini di-jadikan pusat latehan ini kerana beberapa sebab, dan ada sa-tengah-nya Ahli² di-Dewan ini pun tidak mengetahui, yang sa-benar-nya Terendak Camp ini adalah satu tempat yang bersejarah sunggoh kapada negara kita pada masa dahulu, tetapi sayang perkara² atau bekas² yang ada di-sini atau di-pantai Terendak Camp itu telah di-musnahkan ketika pendudukan Jepun. Saya sendiri dapat menyaksikan dengan mata kepala saya sendiri ketika saya menjadi budak pengakap dan ketika saya membawa murid² pengakap camp di-tepi pantai yang kita kenal sekarang dengan Terendak Camp, di-tepi pantai itu ada-sa-buah sungai yang di-namakan Sungai Puteri, ia-itu tempat sejarah puteri² di-Melaka dahulu mandi manda dan berhampiran dengan itu juga ada batu yang maseh berbekas pada ketika itu tidak lain dan tidak bukan cherita² mulut yang di-perchayai oleh orang² Melaka sendiri, macham saya ini-lah orang Melaka tulin, ia-itu tempat sabongan ayam dan tempat bermain, tempat menunggu atau menjaga negara oleh rakan² daripada Hang Tuah. Bekas tapak kaki-nya ada, bekas tapak kaki ayam pun ada di-tepi Sungai Puteri yang saya sebutkan ini, tetapi sayang, Tuan Pengerusi, kalau sa-siapa yang akan hendak menyiasat perkara ini harus-lah akan jumpa batu² yang telah di-bom dengan pemecah sa-kerat lagi dan batu² hampar yang di-bawah itu maseh ada sekarang.

Melihatkan ini-lah, saya rasa Terendak Camp yang begitu luas, yang begitu lengkap di-lengkapkan dengan chara latehan moden atau lain² di-dalam-nya, saya rasa lebeh baik-lah Kerajaan kita meninjau daripada sekarang supaya Terendak Camp ini di-jadikan pusat kapada latehan tentera, saya rasa elok di-hubungkan mengambil sempena kapada tempat itu—tempat yang sunggoh² bersejarah daripada dahulu. Jadi, hal ini saya kemukakan dalam Dewan ini supaya kalau hendak menjadikan sa-bahagian daripada-nya tempat pusat pelajaran, kalau terlampau besar maka elok-lah di-ambil Sungai Udang Camp yang sekarang ini telah di-dudoki oleh Askar Melayu kita yang pada asal dahulu tempat itu di-adakan kerana melateh Askar Persekutuan. Jadi, ini-lah pandangan yang saya nampak patut hendak di-suarkan di-sini supaya menjadi tinjauan yang sa-benar-nya kapada keagongan negara kita dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to support and congratulate the Honourable Minister of Defence for the Budget Estimates and for the comments that he has made on the problem of defence of this country. I have, Mr Chairman, Sir, touched on this subject, rather briefly, during the general debate on our Estimates on the whole as presented by the Honourable Minister of Finance; and I wish to make a few more remarks on the subject as I feel that the question of defence is now of the utmost importance to us, in view of our wish to develop our economic resources, and in view of our wish to live in a more full and just society.

Mr Chairman, Sir, the problem of defence has arisen as a result of the decision of the British Government to withdraw from South-East Asia. The problem of defence has been made acute by the fact that we, since achieving independence have been depending almost entirely on the goodwill of the British Armed Forces through the British Government, and it is also made urgent now by the fact that the decision was made rather in

unexpected circumstances after the change of Government in Britain from the Conservative Party to the Labour Party. If we looked at the reasons for the British withdrawal from this area, I am sure that everyone of us would appreciate the difficulties, and would also sympathise with the problems that Great Britain is now facing at home. We know that Great Britain has not any more and cannot any more be accepted as one of the major world powers. We know now that Britain is trying hard to retreat into Europe, and she herself at the moment is having difficulties in being accepted as a European power as demonstrated by her difficulties to be accepted within the European Common Market or European Community.

Sir, I feel that we have to be realistic in our assessment of our defence problems, and I would like to repeat what I have said earlier in this House, and that is, we in Malaysia must be convinced that no nation could want to help us in our problems of security as long as our security does not coincide with the other nation. So, Mr Chairman, Sir, in this context we can quite understand and we should, in fact, count Britain out in the long run, because Britain is now a European power and it is up to us in South-East Asia and countries within the region to think of ways and means of our own survival, and our own way of getting together and looking after our own security.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Minister of Defence had mentioned, and also in the newspapers today and yesterday it was reported, that the Prime Minister of Britain had in a rather uncomplimentary manner regarded our Prime Minister as having what he called "old world views of the British role in South-East Asia". I say that this is in a rather uncomplimentary manner because we all know that some months back, in the course of all the panic within ourselves and in the course of the panic that has been expressed by a number of other powers, not including ourselves, our Prime Minister has gone on record as to have appealed to the

people in this country and the countries friendly to us, to try to help Britain and not to make it difficult for Britain in her problems.

Why, Mr Chairman, Sir, do we really feel dissatisfied with British leadership? Why, Mr Chairman, Sir, are we expressing disappointment over the demonstration of leadership of the British Government? I feel that we, as I have said earlier and as everybody has said, agree that the British will have to go and that we will have to look after our own defences. But in the process of packing up, in the process of going home, so to speak, to look after its own house, trying to put its own house in order, it seems to me that our great concern is that the British Government is trying to organise a sort of a "jumble sale", so that the British Government could get rid of whatever worn-out and out-dated goods available in this country, so that she would not have to be burdened with these and, perhaps, to have to shift them home. I say that it is a "jumble sale" because in the question of defence we have to be very cautious, we have to be very careful to be sure amongst ourselves that our Armed Forces, even though small, will have to be up-to-date, will have to be efficient, and will not later on, within a number of years, become the laughing-stock of the world.

We know that the British have been established in our country for decades in terms of military presence. We know that in the course of the few decades the British Government had all sorts of war materials, all sorts of armaments, all sorts of equipment in connection with her own defence installations here. So, we do hope that this would not indeed be the attitude of the British Government as I myself suspect, in the sale as demonstrated in the offer of the British Government to sell the *Hawker Hunter* planes which we ourselves in our humble, inexperienced way have considered to be out-dated. Perhaps, if the British Government thought that they could sell the *Hawker Hunters* here, with all the spare parts around in this part of the world they could rid themselves of the problems

of getting rid of the spare parts and the out-dated weapons themselves. With the leaving of these materials and equipment in this country, the British should not try to sell to us and make our position very difficult, embarrassing us by trying to convince us by saying that these are indeed sophisticated weapons. Weapons could be sophisticated, but they could also be out-of-date, especially in terms of war planes.

In this connection, Mr Chairman, Sir, I would like to offer my congratulations to the Prime Minister, who had gone shopping, evidently to France even for 48 hours, and during the course of the shopping, short and brief shopping, it seems that the Prime Minister was at least considering the possibility of getting supplies of French war planes for the defence of our country. I feel that his is the right attitude in terms of defence, because we can no longer depend on one source. We have also to realise that in terms of war planes, with due respects to the British, they are well-known to produce war planes which, before they come out of the production line, already become out-of-date. I think, Mr Chairman, we still remember the big controversy over one particular plane, I think it was called the "*Blue Streak*" or something like that, which they tried to produce, costing millions of dollars and before they knew it, it was already becoming out-of-date. And in terms of the expression of our wish to consider buying *Lightning* planes, I would also wish to caution the Government that there is already talk in Britain that the *Lightning* plane is already becoming out-of-date and they are already trying to produce some other plane.

So, in this respect I do hope that we are cautious and I do hope that we will try to go shopping all over the world. Mr Chairman, let me suggest here that the Government should be very careful in our choice, the Government should consider all these aspects, technical as well as political. I say political, because any power which wants to help us must also have some sort of political interest in this country, and evidently Britain is withdrawing

very fast to go into Europe, leaving South-East Asia.

Let us go shopping. Let us send a high-powered technical mission to all the countries which could make their weapons available. Let us go to Canada, let us go to the United States, let us go to France, let us go to Italy, let us go to Australia, let us go to the U.S.S.R. as mentioned by my colleague just now. I compliment the Deputy Prime Minister and Minister of Defence who was saying that we might even consider buying *M.I.G.s.*, *M.I.G.* planes have shown their good paces in the Vietnam War. Well, we are not interested in which side we are in the Vietnam War, we are interested in performance. It is not only in the question of planes that I would like to caution the Government. I would like to caution the Government in terms of weapons generally. I am not making such unreasonable accusations of the British, but perhaps this is a possibility that they might be considering—"Well, we are leaving a lot of weapons to you, take them, pay up". So a quick sale. We might think that they are available, we are used to them, all right we will buy them. Before we know it we are already out-of-date; before we could shoot somebody, somebody has shot us faster in whatever way. So, Mr Chairman, Sir, on the question of planes I was really attracted by the move by our Prime Minister by his talk about considering buying "*Mirage*" fighters. One of the factors, it seems, that *Mirage* fighters are a good choice for this country is its availability here, because *Mirage* fighters are already used by the Australians in their Air Force stationed in Butterworth.

Coming to the subject of Australian participation in defence, I think we have never left Australia out. In the course of the modern history of Asia, the Australians have always tried to identify themselves with Asia. From my student days, Mr Chairman, Sir, even at student conferences, now even at international conferences, the Australians have always wanted to be accepted as an Asian power. Now, this is a good attitude, but we must also convince the Australians that the security

of this country, whether they like it or not, will have to be tied with the security of Australia itself.

During the course of the last few years, there was a great deal of what is termed as an economic boom in Western Australia. The economic boom in Western Australia has resulted in prosperity unprecedented in the history of Australia. They are all happy with what they are having; they are becoming richer and richer. Of course, we are happy about it, but if the time comes when we ourselves, Asians, realise that there is our neighbour who is very rich, who is too high up in prosperity, then the question of exploitation, the question of our own security here, would arise, and our situation would be threatened, and then Australia's position will be threatened. This is why I agreed with the latest statement as reportedly made by the Prime Minister, who said that Malaysia forms the front-line of Australian and New Zealand defence. So, we have to convince our friends here and, as I said, I am sure that our friends have accepted this principle, that the security of this area is the collective responsibility of all those powers in South-East Asia, including Australia and New Zealand. But I am disappointed, Mr Chairman, Sir, by the Statement made recently by the Australian Prime Minister if I am not mistaken, or was it the Foreign Minister or Minister of Defence, I am not sure, but one of the leaders—as an expression of official Government policy to withdraw their Forces from Mainland Malaysia to Singapore. If I am not mistaken, there was an Australian Military Mission which came to Malaysia in about September/October, 1968, and I was made to understand that there was specific agreement by the Australian Mission, i.e., the Australian Government, that they would not withdraw themselves out of Malaysian mainland, out of Terendak Camp particularly, until 1971 at least. Now the latest decision seems to be that they are going to Singapore. We are not objecting to their going to Singapore as such, but there is this question of agreement; if this has been done and they change

their minds and then go to Singapore, waiting there for further developments, each eying the other to see what is happening, we ourselves are now having a feeling of insecurity in this area.

We have to plan our own defences ourselves and we feel that since we are the smaller power, the power as our Prime Minister has termed to be the front-line power in Australian and New Zealand defence, we have got a right to know in advance, and we hope that our friends—whether the British, or the Australians or the New Zealanders—would make specific statements on their future policy as regards the defence of this area, because the sooner they make a decision, the sooner and easier it will be for us to decide on this question ourselves. We do not have much money; we have got the problem of development in this area; we want to develop our country; we feel that the best defence, best means of security in our country is to develop economically. But we also have, at the same time, to have military defence in terms of security. So, I hope we will know soon what is the future policy of these Governments for our own good and for the good of the collective security of this region. Thank you.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian berchakap tentang Minister of Defence, Menteri Pertahanan. Baharu² tadi kita telah mendengar ucapan yang di-beri oleh Menteri Pertahanan berkenaan dengan defence structure atau pun susunan pertahanan negeri kita. Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, chuma saya suka menyentuh satu dua perkara, tetapi apa barang yang hendak saya sentoh telah di-katakan oleh Ahli² yang baharu berchakap tadi, jadi, modal saya pun sudah kurang.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka chakapkan di-sini ada-lah berkenaan dengan pertahanan negara, mengikut keadaan negara kita sekarang yang di-ancham bukan sahaja dari luar tetapi dari dalam negeri. Pada pandangan saya pertahanan negara kita

belum lagi menchukupi, belum lagi kemas. Oleh itu, saya suka menggesa Kerajaan supaya mengemaskan chara pertahanan kita bukan sahaja daripada ancaman daripada luar negeri bahkan dari dalam negeri. Mengapa saya katakan pertahanan kita belum lagi begitu kemas? Kerana pada pandangan saya sekarang, chuba kita ambil Sabah, pertahanan di-Malaysia Timor, mithalnya. Sunggoh pun kita ada kapal² terbang yang menjaga kawasan Malaysia Timor, tetapi baharu² ini kita sudah dengar cherobohan Filipina ka-atas angkasa di-wilayah kita. Ini, adakah pertahanan kita menchukupi? Saya fikir belum lagi. Oleh itu saya suka menggesa Kerajaan supaya menambah atau mengemas lagi pertahanan kita di-Malaysia Timor dengan mengadakan banyak lagi kapal² terbang saperti interceptors yang boleh mengejar pencherobohan² yang di-buat oleh Filipina baharu² ini.

Tuan Pengerusi, saya juga suka memberi tahu Kerajaan untuk berjaga² apabila hendak memberi sa-suatu equipment, weapon, aircraft, kapal² dan sa-bagai-nya daripada Kerajaan British. Buat yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara tadi, itu memang benar. Pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, kita Malaysia di-dalam pertahanan telah di-permain²kan oleh Kerajaan British, di-anggapkan ashkar² kita sa-bagai "toy soldiers" sahaja, di-beri-nya weapons, aircraft dan sa-bagai-nya yang outdated, atau outmoded. Ini terpaksa-lah kita mengambil perhatian yang berat, kerana pertahanan ia-lah satu perkara yang berat bagi sa-buah negara yang merdeka, yang di-katakan oleh Menteri Pertahanan tadi, pertahanan ada-lah sa-imbang dengan stability ekonomi, meninggikan ekonomi mesti-lah sa-imbang dengan kekuatan pertahanan negara. Oleh itu hendak-lah kita berjaga²; kalau kita suka membeli barang British sa-kali pun jangan-lah kita di-tipu²-nya macham yang telah lepas; banyak kereta² burok yang di-berikan pada kita, banyak kem² yang tak berguna yang kita terpaksa kena bayar berjuta² ringgit; macham di-Cameron Highlands, kem itu tidak memberi ma'ana kepada kita, chuma tempat rest tentera British

dahulu sahaja, tetapi kita telah take over dan sekarang ini kita tak gunakan lagi.

Tuan Pengerusi, untuk mengemaskan pertahanan, saya suka menhadangkan sedikit kepada Kerajaan supaya mengadakan satu *mobile brigade* atau brigade yang penoh dengan *supporting arms* dan sa-bagai-nya supaya dapat brigade ini di-bawa terbang ka-Malaysia Timor atau pun ka-mana² sahaja di-dalam masa kechemasan. Sekarang ini kita belum ada lagi ketumbokan sa-macham itu dan mengadakan *mobile brigade* ini terpaksa kita membeli weapon² yang baharu dan moden serta supporting arms yang chukup dengan logistic support dan sa-bagai-nya. Ini saya tengok ada di-buat oleh tentera British, ini bukan kata kita hendak meniru, tetapi ini sebab kita negara yang kechil, sebab wang pun kurang. Dengan mengadakan ketumbokan yang begitu kechil tetapi *effective* yang mengadakan puncha, saya perchaya pertahanan negara kita akan kemas.

Saya suka menguchapkan tahniah kepada Kerajaan, kerana kita tidak melutut kepada Kerajaan British apabila di-beritahu yang tentera²-nya akan berundur daripada kawasan ini pada tahun 1971 yang mana di-buat oleh negara asing, dia melutut pada British dan minta tanggoh. Saya fikir sudah elok-lah kita sa-bagai negara yang sudah merdeka berdiri di-atas kaki sendiri. Chukup-lah kita bermain second fiddle macham yang lepas². Ini saya perchaya Kerajaan telah berbuat demikian dan saya uchapkan tahniah kepada-nya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya menyokong Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita kerana bijaksana pergi ka-Paris untuk membeli kapal-terbang Peranchis. Saya ingat kapal terbang itu elok-lah kita adakan di-negeri kita kerana saya telah bertanya kepada pakar² tentera udara mengatakan itu-lah satu²-nya kapal terbang yang elok yang sesuai bagi pertahanan negara kita. Dan saya harap jangan-lah kita lagi di-permain²kan oleh British untuk membeli kapal terbang Lightning dan sa-bagai-nya. Sudah chukup, saya kata, kita membeli barang² British,

mesti-lah kita membuka mata kita pergi merata² dunia membeli supaya pertahanan negara kita menjadi kokoh dan kemas. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahathan berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, ia-itu perbelanjaan yang sa-banyak \$257,542,668. Dengan izin Tuan Pengerusi, saya ingin berucap di-dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*): Mr Chairman, Sir, the most important lesson that 1968 taught us is how little friendship between nations is worth. Friends in need are rare indeed when nations, especially the poor and the weak, find themselves struggling to keep their heads above water as the big and the powerful thrash around in their senseless struggle for power. One after another, Mr Chairman, Sir, the weak and the poor nations emerging from their period of serfdom has been made the pawns of power politics. They are used and abused with impunity; their independence is made a mockery; their economy, their social structure and indeed their very existence are bound to decisions made not in their own capitals but in Washington, Moscow or Peking.

Mr Chairman, Sir, we in Malaysia can consider ourselves more fortunate. True, our well-being is still tied up with decisions made in faraway lands, but by and large we are our own masters. Our economy is strong, our politics fairly sane, and our social structure sufficiently flexible to accommodate changing situations and changing values. Nevertheless, we have to sit up and take note of the policies of our so-called friends. When Malaya became independent, we relied heavily on friendship, friendship with ex-colonial masters and friendship with neighbours, even friendship with people having the same fundamental beliefs on rights and wrongs. Today, one by one we see our trust being betrayed. Britain, which insisted on defence ties and extra territorial bases in Malaya as a condition for independence, has now unilaterally broken her pledge solemnly given.

We agree, Sir, that a colony of America, such as Britain is militarily today, cannot very well be expected to defend us. We know the economic bankruptcy that Britain faces as a result of her incompetent government. We know of the abject plea that Britain has made to Europe to save her. It is our intention, as made clear by our Prime Minister, not to take it out of good old Britain. We intend to replace her graciously from her obligations. We intend to be fully responsible for our existence. We intend to equip ourselves suitably in order to defend ourselves. Under the circumstance, I would have thought the British would graciously mind their own business, but these "island shopkeepers" could not resist the temptation to make a fast devalued pound from the difficult situation that they have created for us. Thus, when our Prime Minister went to France to buy fighter jets, the British shopkeepers suddenly decided that if they cannot sell junk to us, then they will sell the goods, to wit, the *Lightning Jets*. This in itself is perfectly legitimate. After all, we are so used to British equipment and British ways of doing things—indeed, some of us even speak British—that we would rather buy British than do our shopping elsewhere. But what nauseates me, Sir, is the reference to the fate of Israel by one British newspaper in order to pressure our Prime Minister into buying British. If De Gaulle went back on his words over the sale of *Mirage* to Israel, it was at least for a good cause. For a good cause, the French are willing to lose a lot of money. The British will of course never dream of losing money for a good cause. If today Malaysia decides to invade the Maldive Islands, we would still get our *Lightning Jets* from Britain. Of that I am sure, because it does not matter to what use we make of equipment sold by the British. But breaking promises is not a French monopoly. Who, may I ask, is breaking the Defence Pact between Britain and Malaysia right now? And our Prime Minister must know that Britain is the only nation that refuses to honour her own citizenship papers given to Kenya's Indians. So, we know very well, Sir, what the

British word really means in this context.

Mr Chairman, Sir, we know what friends are worth. We know how much to expect from them. Because of sentimental ties, we will always remain jolly old Britain's best ally, but good old "John Bull" should not presume too much. If the British Lion is so toothless that it cannot defend itself, we will help him to do the defending for him. I fancy that there is still a considerable British interest in this region; a considerable amount of foreign exchange for Britain still comes from this region; estates, tin mines and timber concessions still belong to British interests. Their prosperity is, of course, tied up with our own prosperity. Therefore, in looking after our prosperity we must willy-nilly be guarding the prosperity of Britain as well. Britain seems to presume that this must always be so, that it is in our own interest to protect their interest. Mr Chairman, Sir, I think it is about time that Britain ceases to take this for granted. It may cost us quite a bit to divorce our prosperity from the wellbeing of British interests in this country, but if we have to do so, if we have to break these ties, we will do so. Friendship, Sir, is not a permanent and reliable institution. That much has been proven to us by our friends. A friend of today may be a foe of tomorrow. Likewise, a foe now may become a friend later. We are in the market not only for fighter jets but also for friends. If it is worth our while, and I think it is going to be worth our while, we will seek new friends.

Mr Chairman, Sir, our concept of the role of Britain in this region may appear outmoded, just as British socialism, the so-called British socialism, is an anachronism. But we have reasons for proposing that Britain should continue her role here. It is not all entirely in our interest, but if Britain, and if Mr Wilson in particular, cannot see that we are in fact asking Britain to look after herself here, then we will have no choice but to let their own interests go to the dogs.

Mr Chairman, Sir, this is our country and it must be our intention to defend

it ourselves. If in the past we had seemed to depend upon the British, it was merely because it was a temporary convenience. We will now mind our own business. We will decide for ourselves what we will do and whom we will choose to work with. There are new stars shining in this area. There are new powers and new groups. We must evaluate these changes, and if the decisions we make may be somewhat surprising, the Government should rest assured that the people are with the Government. For my part, Sir, I am glad that the Government is now no longer too bothered about sentiments and are more hard-headed in the matter of defence. Thank you.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, dengan ringkas saya berchakap di-bawah Kementerian Pertahanan; ada dua-tiga perkara yang saya hendak sebutkan, ia-itu saya refer kepada Command Paper, kita dapati di-sini muka 97, Tuan Pengerusi, Military Staff Officers, Pegawai²-nya, item No. (ii), Pegawai²-nya 2,928 other Ranks, ia-itu pangkat² yang lain biasa-nya di-sebut rank and file sabanyak 41,852. Di-sini-lah timbul masalah, Tuan Pengerusi, ia-itu sa-buah negara yang kecil sa-bagaimana Malaysia ini, kita tidak-lah mimpi supaya kita mempunyai satu tentera yang bukan sahaja boleh mempertahankan diri tetapi boleh melanggar orang lain, kita tidak hendak bermimpi demikian, dan apa yang kita hendak ia-lah satu kekuatan Armed Forces ia-itu angkatan bersenjata yang dapat mempertahankan negeri ini mengikut kedudukan-nya sendiri, bukan mengikut orang yang menyerang. Ini bererti, Tuan Pengerusi, kita berkehendakkan satu tentera yang baik bukan tentera yang banyak; bila di-bandingkan pegawai² atau pun military staff yang berpangkat officer dengan yang berpangkat rank and file kita dapati tidak sampai satu persepuluh sedang military yang baik pegawai²-nya banyak, ia-itu satu military atau Armed Forces yang pegawai²-nya bukan-lah sa-bagai anggota² I.M.G., ia-itu Industrial Manual Group, orang yang di-suruh pergi di-panggil datang. Kita mahu officer² yang fikiran-nya tinggi, latehan-nya tinggi, dan boleh mengendalikan

negara kita ini, sa-kira-nya berlaku sesuatu. Ini, Tuan Pengerusi, amat-lah mustahak. Saya tidak dapat-lah hendak mengatakan bahawa kedudukan angkatan tentera kita sekarang ini tidak baik, oleh kerana pertama saya bukan sa-orang pakar dari tentera, dan yang kedua, menyebut bahawa kedudukan tentera kita itu tidak baik ada-lah satu perkara yang tidak menguntungkan negara kita sendiri. Apa yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri ialah menjamin bahawa ada usaha² yang sedang di-buat untuk meninggikan taraf pasokan² senjata kita; saya tidak minta ini detail sebab itu barangkali menyentoh stratiji kita.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubungan dengan mutu atau pun *quality* pasokan senjata kita ini yang saya tahu ada dua hadiah pelajaran pada tiap² tahun, itu untuk mengambil pengajian yang lebih tinggi, tetapi kalau saya tidak silap, ma'alumat yang sampai kepada saya, jika tidak silap, kita mengirinkan sa-orang civilian dan sa-orang pegawai, military officer. Jadi, saya tidak faham yang civilian ini pergi untuk apa, course apa yang dia hendak mengambil sama dengan military, sebab military ini dia pergi mengambil pelajaran yang kena mengena dengan senjata, yang civilian ini kena mengena dengan pentadbiran, sedang dalam military kita bahagian pentadbiran itu sendiri pun kita mahu military doktor-nya pun military, malah defence counsel-nya pun kita berkehendakkan military. Jadi, ini Tuan Pengerusi, saya rasa amat ganjil di-dalam pembahagian scholarship ini. Saya tidak tahu di-mana-kah pegawai² tinggi ini di-kirim, tetapi biasa-nya di-kirim kepada Imperial Defence College, barangkali di-London.

Tuan Pengerusi, ada satu masalaah yang sukar juga kita hendak memikirkan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan tadi, apa-kah kita betul² boleh berpisah daripada Inggeris, daripada British, berkenaan dengan pertahanan dan tentera, sedang pegawai² kita dilateh oleh British. Chara berfikir pun British, batok pun lebih British gaya British. Jadi ini, Tuan Pengerusi, kita hendak sa-kali gus hendak memindah-

kan kekuatan itu maka vacuum yang kita hendak penohkan dengan military pattern yang lain saya rasa tidak boleh di-buat dengan serta merta; Tuan Pengerusi, tentu-lah berbedza pendapat saya dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Selatan sebab dia bermain defend.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Pengerusi, ada-kah menggunakan senjata daripada Russia itu semua belajar dalam Bahasa Russia masa² mereka kecil dahulu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak mewakili negara Arab dan saya tidak dapat chakap dalam perkara ini, tetapi dalam lawatan-nya, saya segan hendak sebut kena-mengena dengan negeri orang. Tetapi ratus² officers daripada Russia ada di-Cairo itu, dia ada satu bandar untuk pegawai² itu. Di-Malaysia kita ini, tentu-lah kita tidak menasabah hendak membuat satu city atau pun settlement kepada pegawai² British, sebab British itu sudah ada di-sini sudah-lama; ini bukan bererti saya takut bila British meninggalkan negeri ini, chuma saya memandang consequences, consequences yang akan datang kalau kita serta merta berpisah daripada pertahanan British.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah satu masalaah yang besar pula, sebab kita ini dudok di-dalam negara Persatuan Asian, Persatuan Asian ini bukan merupakan pakatan tentera atau pun military pact tetapi bagi kepentingan daerah ini, region ini, saya rasa Asian ini pun lebih effective daripada pakatan tentera lagi, sebab hubungan culture, social dan economy. Itu-lah yang sa-benar-nya yang kita berhajat kepada tentera untuk menjaga, kalau ini kita dapat memelihara, tentu-lah pertahanan itu dapat kita kurangkan. Tetapi dengan perbuatan Filipina menimbulkan masalaah² terhadap Sabah, saya sangsi di-atas ketegasan Kerajaan kita di-dalam perkara ini; pernah saya menyuarakan di-dalam Dewan ini, apakah patut kita keluar daripada ASEAN; Kerajaan menjawab tidak patut lagi. Dan saya tak tahu lagi bagaimana hendak menchari keamanan di-daerah yang kita berada dalam satu pertubohan di-dalam pertubohan yang hendak

menjaga keamanan itu dia sudah claim sovereignty, kedaulatan, kita kepada dia. Jadi, dalam pada itu pun Kerajaan kita tidak bertindak apa². Jadi, kerana kita takut bertindak, ini-lah, Tuan Pengerusi, public opinion bagi dunia memikirkan bahawa sa-kurang²-nya ada kebenaran di-dalam tuntutan Filipina itu. Ini yang saya kurang faham, dan saya minta Kementerian kita menjawab.

Yang Kedua, Tuan Pengerusi, ia-itu Kerahan Tenaga Ra'ayat, saya tidak begitu mengikuti sangat tetapi saya dapati di-sini ada registration atau call-up—ini bererti kita mendaftarkan panggilan manpower, tetapi sa-mata² di-Sabah, sebab di-Sabah itu-lah yang menjadi tempat pertikaian. Ini, Tuan Pengerusi, yang sebenar-nya sa-buah negara kecil yang sa-macam kita ini, sa-patut-nya call-up yang sa-macam ini dia mesti-lah di-peringkat nation

wide, baharu-lah tanggung-jawab itu kita berasa bersama², ada pun kita hendak melaksanakan pengambilan kita, ini bukan bererti hendak bawa kepada wilayah² yang lain kita gunakan di-Sabah itu, tetapi panggilan itu kepada keseluruhan negeri, nation wide.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang sa-mula sa-bagai Meshuarat.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1969, telah sampai pada Kepala B. 14 dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.